KERATAN AKHBAR
TUN ABDUL RAZAK
BERITA HARIAN 1975

BERITA HARIAN, SABTU, 4 JANUARI, 1975

PTR UA : 320 300/78.

TUN DIPERKENALKAN KEPADA JURULATEH SEKOLAH PENERBANGAN TUDM.

● Tun Razak dengan memakai topi pegawai TUDM diperkenalkan kepada jurulatih Sekolah Penerbangan itu oleh Pegawai Memerintahnya, Encik Benjamin Lee (dibelakang beliau) diperhatikan oleh Datuk Sulaiman Sujak. Berita di muka satu. — Gambar Berita Harian.

PIR.46: 327 327/78.

Jet-jet pejuang baru mula tiba Mac depan

TUDM terus diperkuat

TUN RAZAK

KERAJAAN telah menandatangani kontrek membeli beberapa jenis kapalterbang untuk melengkapkan kekuatan Tentera Udara Diraja Malaysia, Tun Razak memberitahu hari ini.

Oleh ZAINUDDIN BENDAHARA
K. LUMPUR, Jum

Katanya, kapalterbang itu akan diterima dalam tempoh setahun dua ini dan pesanan pertama beberapa buah kapalterbang pejuang jenis F5E dan F5B akan diterima mulai bulan Mac ini.

Enam buah kapalterbang pengangkut jenis C130 akan diterima awal tahun depan dan dua buah kapalterbang pengangkut jenis Jet F28 bulan April tahun 1976.

Selain dari itu Kerajaan juga akan membeli dua belas kapalterbang jenis Cessna 402B bagi keperluan latihan lanjutan pemandu dan kegunaan pemetaan udara, kata Perdana Menteri.

Beliau menyatakan demikian ketika merasmikan Sekolah Latihan Penerbangan Helikopter di Pengkalan TUDM di sini.

Beliau yang diiringi oleh Toh Puan Hajjah Rahah disambut ketibaannya oleh Ketua Turus TUDM, Marshal Muda Udara, Datuk Sulaiman Sujak.

Hadir sama Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Haji Dzulkifli Abdul Hamid dan Datin Zainab.

Tun Razak berkata, kesemua kapalterbang itu apabila diterima kelak akan menambahkan kekuatan Tentera Udara Diraja untuk membolehkannya memenuhi tugas bantuan udara yang semakin bertambah bukan saja dari Angkatan Tentera, tetapi juga Jabatan-jabatan Kerajaan dan kementerian-kementerian.

Beliau berharap dengan penambahan kelengkapan ini TUDM dapat menampung perkembangan pesat dalam Angkatan Tentera dalam tempoh lima tahun lalu yang berlipatganda.

Mengenai Sekolah Latihan Penerbangan Helikopter itu; Tun Razak berkata, ia akan dapat melatih seramai 24 orang pemandu setahun.

Selain dari menjalankan latihan penerbangan asas ia juga akan menjalankan kursus-kursus penerbangan lanjutan.

Beliau menambah, Kerajaan telah membeli enam buah helikopter latihan jenis Bell 47 berharga $1.2 juta dan empat helikopter jenis Aloutte berharga $3.3 juta untuk sekolah ini.

Major-Udara Benjamin Lee

Captain-Udara Mohamed Radzi



Tun Razak dihadiah model helikopter

★ DARI MUKA 1

numpukan perhatian dan menjalankan tugas dengan penuh semangat dan dedikasi.

Di akhir upacara itu Tun Razak telah dihadiahkan sebuah model helikopter Bell 47 oleh Marshal Muda Udara, Datuk Sulaiman.

Sebelum itu Datuk Sulaiman dalam ucapannya berkata, Sekolah Latihan Penerbangan ini merupak[illegible] tiwa b[illegible]

kapkan dengan satu kumpulan jurulatih yang berkebolehan untuk menjayakan matalamat TUDM dalam bidang latihan.

Sekolah tersebut sekarang mempunyai 12 penuntut dalam tempoh latihan ialah setahun.

Pegawai Menerintahnya ialah Major Udara Benjamin Lee yang sebelum ini mengetuai Unit Peperiksaan TUDM.

Beliau dibantu oleh dua p[illegible]kana tai[illegible] Za[illegible] La[illegible]

Latihan

AHAD, 5 JANUARI, 1975

PTR. KD : 328 328/78

Akan tercatit dengan tinta emas dalam sejarah negara kita



TUN RAZAK

TUN PUJI BAKTI WANITA

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Tun Abdul Razak mensifatkan kaum wanita sebagai "tulang belakang Kerajaan" dan merakamkan penghargaan tinggi di atas pengorbanan tenaga, usaha dan harta benda yang mereka lakukan selama ini.

Katanya, pengorbanan mereka itu tidak akan dilupakan "dan akan tercatit dengan tinta emas dalam sejarah negara kita yang muda."

Oleh
ZAINUDDIN BENDAHARA

"Oleh itu kaum wanita patut merasa bangga dengan setiap kemajuan yang dicapai sehingga ini baik dari segi parti maupun Kerajaan," kata beliau.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika berucap merasmikan perayaan Jubli Perak, Pergerakan Wanita UMNO Malaysia di sini pagi tadi.

Tun Razak menyebut dalam sejarah perjuangan UMNO, Wanita UMNO memainkan peranan penting dalam menjayakan cita-cita parti.

Menurutnya, ketika UMNO mula-mula berjuang menjatuhkan Malayan Union, kaum wanita menjadi barisan hadapan bersama kaum lelaki dan pemuda menghadapi Kerajaan British.

Kemudian ketika berjuang menuntut kemerdekaan, mereka juga ada bersama-sama di sisi kaum lelaki dan menghadapi setiap cabaran dengan setia.

Setelah Merdeka pula, dalam usaha Kerajaan mengisi kemerdekaan, kaum wanita juga turut mengambil bahagian bukan saja sebagai anggota parti bahkan dalam berbagai pertubuhan sukarela untuk memberi sumbangan dan ker-

Pernas, Uda, Mara— diarah kerja erat untuk pesatkan peranan B-putera

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Tun Abdul Razak mengarahkan PERNAS, UDA dan MARA menyelaraskan aktiviti-aktiviti mereka untuk mencapai matlamat Kerajaan memesatkan penyertaan Bumiputera di bidang perdagangan dan perindastrian.

Adalah perlu bagi ketiga-tiga buah pertubuhan yang Kerajaan bentuk itu mengadakan pengertian dan penyelarasan kerana masing-masing mempunyai peranan yang sama.

"Saya mahu ketiga-tiga badan ini mengadakan penyelarasan dan menjalankan arahan memesatkan penyertaan Bumiputera di bidang perdagangan dan perindastrian," tegas Tun Razak.

Perdana Menteri membuat arahan ini di majlis ulangtahun yang kelima penubuhan PERNAS di sebuah hotel terkemuka di sini malam ini.

Menurut Tun Razak, sebagai sebuah pertubuhan perniagaan yang moden adalah perlu bagi PERNAS sentiasa menyelaraskan kegiatannya dengan pertubuhan-pertubuhan kerajaan yang lain yang mempunyai dasar serta matlamat yang sama.

Tegasnya, dengan pertumbuhan yang pesat dalam sesuatu sektor, adalah mustahak diadakan bukan saja persefahaman malahan juga penyelarasan yang berkesan.

Sebenarnya, kata Tun Razak, penyelarasan kesemua kegiatan PERNAS yang ada sekarang dan pertumbuhan masa depannya telah menjadi begitu penting jika PERNAS ingin mengekalkan rekod kejayaannya ditahun-tahun akan datang, terutama sekali hubungan yang berterusan dan menguntungkan dengan MARA dan UDA.

Tun Razak seterusnya berkata MARA telah ditubuhkan bagi melatih kaum Bumiputera sementara UDA pula bertujuan untuk menggalak serta menyediakan kemudahan asas bagi penyertaan Bumiputera dalam bidang-bidang tersebut.

PTR. KD: 329 329/78.

BERITA HARIAN, RABU, 8 JANUARI, 1975

BEKAS DUBES RI DIBERI PMN

KUALA LUMPUR, Selasa. — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak menyematkan Panglima Mangku Negara (PMN) yang membawa gelaran Tan Sri di baju bekas Duta Besar Indonesia ke negara ini, Mejor Jeneral Roestam Soepardjo dalam satu upacara sederhana di Pejabat Perdana Menteri semalam.

Mejor Jeneral Soepardjo 48 tahun telah dilantik sebagai Gabenor Jawa Tengah yang baru dan tempatnya di sini diambilalih oleh Ketua Polis Indonesia, Jeneral Mohamad Hassan.

Beliau mula bertugas di sini dalam tahun 1972 dan sebelum itu menjadi Duta Besar ke Yugoslavia.

PTR. KD: 330 330/78

BERITA HARIAN, SELASA, 14 JANUARI, 1975

Perdana Menteri: Hijrah sikap hidup

KUALA LUMPUR, Isnin.—Perdana Menteteri, Tun Abdul Razak, menyeru umat Islam berhijrah dari sikap dan pandangan hidup yang merugikan kepada yang menguntungkan dan diredai Allah menurut nilai-nilai ajaran ugama Islam yang maha suci.

Beliau membuat seruan itu dalam perutusan Tahun Baru 1 Muharram 1395 esok.

"Mengambil syafaat peristiwa yang penting ini, kita juga perlu mengambil pengajaran dengan melakukan hijrah mengikut jejak Rasullullah s.a.w.

"Akan tetapi hijrah ini tidaklah semestinya berarti meninggalkan bumi negara kita dan berpindah ke negara lain.

"Hijrah yang perlu kita lakukan ialah dengan berhijrah dari sikap dan pandangan hidup yang merugikan kepada yang menguntungkan dan diredai Allah menurut nilai-nilai ajaran ugama Islam yang maha suci," katanya.

Terdahulu dari itu, Perdana Menteri menyatakan bahawa awal Muharram ialah hari yang mulia dan bersejarah bagi seluruh umat Islam — hari peringatan hijrah Rasullullah s.a.w. dari Mekah Almukarramah ke Munawarah.

Kembang

Menurut beliau, sepanjang sejarahnya, Islam menghadapi dan mengalami berbagai peristiwa gembira dengan kemenangan dan kejayaan, peristiwa sedih dengan kekalahan dan kelemahan.

"Namun begitu, Islam tetap berkembang maju dan hari ini negara-negara Islam merupakan tenaga politik dan ekonomi yang tidak boleh dibelakangkan hatta oleh kuasa-kuasa besar dunia.

"Ulangtahun hijrah yang kita peringati hari ini adalah satu peristiwa yang penuh erti dan hikmat kepada umat Islam, tegasnya kepada kita semua," katanya.

Beliau kemudian menyeru: "Marilah kita sambut fajar baru 1395 dengan keazaman yang kuat untuk melaksanakan ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya supaya kita menjadi umat yang taat kepada Tuhan dan untuk kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat diserta oleh Allah Subhanahuwataallah."

Dalam perutusannya itu beliau juga menerangkan tentang sejarah peristiwa hijrah yang berlaku pada 12 Rabiulawal setelah hampir 13 tahun Nabi Mohamed s.a.w. menjadi Rasul, bersamaan dengan tahun masehi 622.

"Tetapi berdasarkan beberapa bukti, Khali-

PTR. KD: 331 331/78.

RABU, 15 JANUARI, 1

Tun dan Kuan Yew bincang soal bersama

KUALA LUMPUR, Selasa. — Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Kuan Yew, tiba di sini petang ini untuk memulakan lawatan tidak rasmi selama tiga hari.

Tidak lama selepas tiba, Encik Lee dan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak bermain golf di Kelab Golf Selangor.

Selama di Kuala Lumpur, Encik Lee dan Tun Razak akan berunding secara tidak rasmi atas soal dan kepentingan bersama antara kedua negara.

Antara perkara pokok yang akan dibincangkan termasuk soal minyak mentah yang tumpah dari kapal Showa Maru yang terkandas dekat Pulau Sebarok, Singapura.

Menurut sumber rasmi, rundingan tidak rasmi itu juga mungkin berbangkit soal kenaikan harga minyak sekarang.

Encik Lee tiba bersama isterinya, Puan Lee dan Menteri Luar Singapura, Encik S. Rajaratnam.

Ketibaan beliau di Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang disambut oleh Tun Razak dan isterinya, Toh Puan Hajjah Rahah.

Turut berada di Lapanganterbang: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dan Datin Suhaila; Menteri Halehwal Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie; Menteri Penerangan dan tugas khas mengenai Halehwal Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen dan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Lee San Choon.

PTR. 44: 332 332/78

Kuwait akan melaburkan wang minyak di Malaysia

● TUN Razak dan rombongannya, termasuk dari kiri Tan Sri Syed Nasir Ismail; Ketua Menteri Sarawak, Datuk Haji Abdul Rahman Ya'kub dan di kiri Tun Razak, Pengerusi Petronas, Tengku Razaleigh Hamzah sedang berbincang dengan perwakilan Kuwait.

Perwakilan Kuwait (kanan) diketuai oleh Menteri Luarnya, Sheikh Sabah Al Ahmad Al Sabah.

Sidang itu berlangsung kelmarin dan perjanjian ditandatangani semalam.

Tun Razak berjaya

KUWAIT bersetuju melabur sebahagian dari wang minyaknya di Malaysia, kata Tun Abdul Razak hari ini.

Persetujuan tersebut dibuat oleh Amir Kuwait, Sheikh Sabah Al-Salem Al-Sabah kepada Perdana Menteri dalam rundingan satu jam mereka di Istana Seis.

Istana Seis ialah kediaman rasmi Amir Kuwait.

Tun Razak memberitahu para pemberita yang mengiringi beliau dalam lawatan ke enam buah negara Teluk Arab bahawa pelaburan tersebut akan dibuat dalam bentuk pinjaman dari kerajaan pelabur-pelabur swasta atau melalui tabung negara itu bagi pembangunan ekonomi Arab.

KUWAIT, Selasa

Malaysia katanya mengalu-alukan sebarang bentuk pelaburan baik secara langsung atau melalui dasar usaha bersama mahupun melalui kredit.

"Mereka boleh melaburkan dalam cara yang mereka suka, malah para pengusaha Kuwait telah menyatakan keinginan mendapatkan butir-butir lanjut," kata Tun Razak.

Jumlah pelaburan dan projek-projek akan dikaji oleh sebuah jawatankuasa para pegawai.

Adalah difahamkan bahawa Kuwait akan menghantar satu rombongan para pelabur dalam sedikit masa lagi ke Malaysia untuk mengkaji projek-projek pembangunan di Malaysia serta projek-projek tertentu yang lain, khususnya di bidang pembangunan tanan yang dapat dibiayai atau disertainya.

Malaysia telah pun mengemukakan beberapa projek tertentu untuk pertimbangan mereka.

Juga difahamkan beberapa rombongan perdagangan akan melawat Malaysia khusus untuk meninjau industri-industri seperti bahan-bahan kayu dan perikanan.

Tun Razak telah melahirkan puashati hasil dari rundingan-rundingan berasingan antara beliau dengan Amir Kuwait dan Perdana Menteri Kuwait, Putra Mahkota Sheikh Jaber Al Ahmad Al Jaber.

Katanya, kedua-dua negarawan itu "sangat bersungguh - sungguh dan berpandangan jauh serta menunjukkan minat yang ikhlas."

Menteri Luar Kuwait, Sheikh Sabah Al Ahmad Al Sabah yang juga menyertai rundingan itu mensifatkannya sebagai

Amir terima undangan lawat negara kita

KUWAIT, Selasa. — Amir Kuwait Sheikh Sabah Al Salem Al Sabah telah menerima, jemputan Yang Dipertuan Agung untuk melawat Malaysia.

Perdana Menteri, Tun Abdul Razak memberitahu para wartawan Malaysia hari ini, tarikh lawatan itu akan ditetapkan kemudian kelak.

Jemputan Yang Dipertuan Agung itu telah disampaikan oleh Tun Abdul Razak sewaktu beliau mengadap Amir di Istana Seis kelmarin.

Tun Razak juga menyampaikan jemputan kepada Perdana Menterinya, Putera Mahkota, Sheikh Jaber Al Ahmad Al Jaber untuk melawat Malaysia. Beliau juga telah menerima jemputan itu.

Tarikh lawatan itu juga akan ditetapkan kemudian. — Bernama.

PTR-GA: 333 333/78.

22 Januari 78.

BERITA HARIAN, RABU, 9 MUHARRAM, 1395

Tun disambut meriah di Kuwait



Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Abdul Razak, sedang diperkenalkan kepada para wakil diplomat asing dan orang kenamaan yang berbaris disepanjang jalan menghala ke Bilik Rehat Orang Kenamaan di Lapangan Terbang Kuwait kelmarin.



Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak, yang sedang membuat lawata selama dua minggu ke Negara-negara Teluk, telah tiba di Kuwait kelmari Ketibaan Tun Razak di lapanganterbang Antarabangsa Kuwait disambu meriah oleh DYMM Putera Mahkota dan Perdana Menteri Kuwait, Sheik Jaber al-Ahmad al-Sabah.

Gambar menunjukkan Tun Razak sedang menerima tabik hormat terdi dari Polis Negara Kuwait di lapangan terbang tersebut. Di sebelah kiri Tu Razak ialah DYMM Putera Mahkota.



Tun Razak tandatangani berbagai perjanjian

★ DARI MUKA 1

meraikannya di satu majlis makan tengahari sebelum pulang ke bandar Kuwait.

Tun Razak selaku Menteri Luar akan menandatangani perjanjian ekonomi dan teknik dan perjanjian kebudayaan dan sains antara kedua negara di Istana Salam pukul 4 petang ini (pukul 8.30 malam waktu Semenanjung Malaysia).

Menteri Luar Kuwait, Sheikh Sabah Al Ahmad, akan menandatangani bagi pihak Kuwait.

Pagi esok, Tun Razak akan meneruskan lawatannya ke Oman.

Di negara itu juga beliau akan menandatangani satu perjanjian kebudayaan dan sains.

Sementara itu sebuah akhbar yang mempunyai pengaroh politik di sini, Kuwait Times dalam rencana pengarangnya berkata, lawatan Tun Razak sudah pasti akan membuka satu zaman baru kepada perhubungan Kuwait dengan wilayah penting di Timur Jauh, yang sebelum ini sudah pun mempunyai ikatan Islam.

Katanya sebagai sebuah negara yang kaya dengan hasilbumi dan pendapatan per kapita yang lebih tinggi dibandingkan dengan ukuran Asia. Malaysia mempunyai harapan yang besar bagi pelaburan-pelaburan Arab yang memang dicari oleh Tun Razak.

"Wang Arab memerlukan saluran keluar yang mendapat tawaran secukupnya dari Malaysia.

"Malaysia juga bersedia menerima pelaburan atas syarat-syarat yang dipersetujui bersama. Yang demikian, suatu permulaan yang besar hendaklah dibuat dari lawatan tersebut," kata akhbar itu lagi.

Tun Razak, kata akhbar itu, bukanlah hanya seorang pelawat biasa ke rantau ini.

Beliau mempunyai tugas bagi tuanrumah yang bersedia untuk mendengar dan bekerjasama. — Bernama.

Berita Minggu, Ahad, 26 Januari, 1975,

PTR. 62A: 334 334/78

Ikatan ekonomi dgn Abu Dhabi akan dimeterai

ABU DHABI, Sabtu. — Perdana Menteri Tun Abdul Razak tiba di sini hari ini untuk lawatan tidak rasmi selama sehari selepas membincangkan kemungkinan mengadakan kerjasama pembangunan perusahaan petrolium dengan Qatar.

Ketibaan Tun Razak di lapanganterbang disambut oleh Pemangku Perdana Menteri, Sheikh Khalifa bin Said Al-Nahyan.

Abu Dhabi ialah negara keempat yang dilawat Tun Razak dalam rangka lawatan dua minggu ke negara-negara Teluk Arab dan Arab Saudi.

Perdana Menteri akan mengunjungi Sheikh Khalifa di Istana Presiden.

Satu perjanjian ekonomi antara Malaysia dengan Abu Dhabi diduga akan ditandatangani.

Malam ini, Tun Razak akan diraikan di majlis makan malam yang diberi oleh Sheikh Khalifa.

Hubungan

Disamping itu, Qatar

Projek2 yang mahu dilaksana akan dibahas

★ DARI MUKA 1

Upacara rengkas itu diadakan di Istana Doha pukul 8.30 pagi (pukul 1.00 tengahari waktu Semenanjung Malaysia), kira-kira sejam sebelum Tun Razak berlepas ke Abu Dhabi untuk meneruskan lawatan dua minggunya ke negara-negara Teluk Arab dan Arab Saudi.

Menurut perjanjian itu, sebuah jawatankuasa bersama antara kedua negara akan ditubuhkan bagi membincangkan berbagai-bagai perkara yang berkaitan.

Jawatankuasa itu akan bertemu setahun sekali, bergilir-gilir di Doha dan Kuala Lumpur. Pertemuan dijadualkan dua bulan selepas perjanjian itu berjalan kuatkuasanya.

Kenyataan bersama itu berkata, Amir Qatar dalam rundingannya dengan Tun Razak telah melahirkan minat yang besar terhadap prospek memperkuat ikatan dua-hala di bidang-bidang ekonomi, perdagangan, pelaburan dan kebudayaan.

Amir menyatakan bahawa projek-projek tertentu yang hendak dilaksanakan di semua bidang hendaklah dibincangkan selanjutnya antara para pegawai-pegawai Malaysia dalam rombongan Tun Razak dan para pegawai Lembaga Pembangunan Pusat Qatar.

Kedua-dua pihak bersetuju

ISNIN, 27 JANUARI, 1975 –

PTR.UA: 335 285/75

Amiret sertai tiga projek

BAHRAIN, Ahad

PERDANA MENTERI Malaysia, Tun Abdul Razak tiba di Bahrain hari ini dalam rangka lawatan ke Teluk Arab selepas kerajaan Repablik Arab Amiret Bersatu bersetuju membantu Malaysia melaksanakan rancangan pembangunan.

Tun Razak dan rombongan disambut oleh Perdana Menteri Bahrain, Sheikh Khalifa bin Sulman Al Khalifa.

Selepas itu Tun Razak mengunjungi Emir Bahrain, Sheikh Isa bin Sulman Al Khalifa.

Ke Saudi hari ini

Perdana Menteri Malaysia melawat Arab Saudi esok.

Persetujuan Repablik Arab Amiret membantu Malaysia melaksanakan rancangan pembangunan dinyatakan dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan di Abu Dhabi, di akhir lawatan Tun Razak.

Kenyataan bersama itu berkata, Repablik Arab Amiret juga sedia mengkaji dan menimbangkan permintaan Malaysia mendapatkan bantuan dalam pembangunan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas.

Bernama difahamkan bahawa bantuan itu ialah untuk pembangunan beberapa projek pelabuhan yang tertentu termasuk pelabuhan Kuantan dan Johor Baharu, lebohraya dan lapangan-lapangan terbang.

Perjanjian telah dicapai dalam mesyuarat di Abu Dhabi antara pegawai-pegawai yang mengiringi Tun Razak dan pegawai-pegawai Repablik itu diketuai oleh

PTR-UA: 336 336/75

SABTU, 8 FEBRUARI, 1975



● Tun Razak (kiri) dalam pertemuan tersebut. Duduk di kanan Menteri Besar, Dato Sri Syed Ahmad Shahabuddin. — Gambar Berita Harian.

Tun, Hussein, Exco Kedah berbincang hati ke hati

PERDANA Menteri, Tun Razak sekali lagi menegaskan perlu jentera Kerajaan disusun dan diberi semangat baru untuk menjayakan projek-projek pembangunan dengan segera.

Demikian kenyataan Jabatan Perdana Menteri lewat petang ini berikutan pertemuan 10 orang anggota EXCO Kedah yang diketuai oleh Menteri Besar, Dato Seri Syed Ahmad Shahabuddin dengan Tun Razak pagi tadi dan timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn semalam.

Datuk Hussein pula dalam pertemuannya telah menegaskan peri mustahaknya anggota-anggota EXCO, para pemimpin parti dalam Barisan Nasional khasnya UMNO memperkemas serta memperkukuhkan kedudukan Kerajaan dan parti sekarang.

Menurutnya kenyataan tersebut, pertemuan berasingan itu telah berjalan dengan cara dari hati ke hati yang menyentuh beberapa masaalah pembangunan dari peranan parti.

Kedua - dua pertemuan tersebut juga secara khusus membincangkan kedudukan parti dan Kerajaan dalam konteks membawa pembaharuan dan kemajuan di Negeri Kedah.

K. LUMPUR, Jum.

dengan penuh kesedaran bahawa teguran-teguran tersebut bukanlah khusus ditujukan kepada negeri Kedah sahaja, tetapi perlulah dipandang dari segi yang lebih luas, iaitu konteks nasional — parti dan Kerajaan.

Penjelasan

Dalam hubungan ini, tegas kenyataan itu, tidaklah timbul sebarang tafsiran dan anggapan mengenai sebarang perubahan atau kurang keyakinan terhadap ketua parti dan Kerajaan di negeri Kedah.

Sebaliknya, Datuk Hussein telah menegaskan peri mustahaknya ahli EXCO negeri, para pemimpin parti dalam Barisan Nasional khasnya UMNO pada memperkemas serta memperkukuhkan kedudukan Kerajaan dan parti sekarang.

Kenyataan itu menambah, rombongan EXCO Kedah pula telah menjelaskan bahawa kedatangan mereka bukanlah untuk memperlibatkan penetangan terhadap pimpinan tertinggi parti.

Pertemuan mereka semata-mata untuk mendapatkan penjelasan dan nasihat yang boleh memberi panduan dan bimbingan bagi menghadapi masaalah Kerajaan dan parti, serta aktiviti musuh-musuh par-

★ Muka 12 Ruang 3

Masaalah kewangan diberi perhatian utama

★ DARI MUKA 1

ti samada di dalam atau di luar negeri.

Pertemuan tersebut telah mengambil ingatan tentang adanya masaalah tertentu di Kedah dalam bidang keselamatan dan anasir-anasir parti lawan serta anti-nasional yang mengambil kesempatan dari perkembangan di Kedah.

Disebut bahawa perjumpaan itu telah membincangkan kedudukan kewangan negeri Kedah dan juga pelaksanaan projek pembangunan, khasnya projek-projek indastri.

Adalah diakui, kata kenyataan itu, bahawa pelaksanaan projek indastri, sungguhpun kurang pesat dari matlamatnya, tetapi kelemahan itu disebabkan beberapa faktor dan bukan terbatas kepada Kerajaan Negeri sahaja.

Perjumpaan telah bersetuju bahawa langkah-langkah yang lebih tegas dan segera akan diambil untuk memperkukuhkan Perbadanan Kemajuan

PTR.KS: 337 337/78

BERITA HARIAN, SELASA, 11 FEBRUARI, 1975

Harapan cerah ditahun akan datang —Tun

KUALA LUMPUR, Isnin. — Tun Razak percaya Rancangan Buku Hijau dan Gerakan Bumijaya yang dilancarnya bulan Disember tahun lalu akan membawa ke ambang masa depan yang lebih cemerlang.

Perdana Menteri menyatakan demikian dalam perutusan Tahun Baru China hari ini.

"Saya penuh yakin dengan pelaksanaan Rancangan Buku Hijau dan Gerakan Bumijaya yang telah saya lancarkan pada 20 Disember tahun lalu, akan benar-benar membawa kita ke ambang masa depan yang lebih cemerlang dengan Tahun Arnab, mengikut kepercayaan orang-orang China," katanya.

Sambil itu Tun Razak menyatakan harapan agar rakyat semua keturunan turut sama mengambil peluang menjalin perhubungan irat dengan menziarahi rumah-rumah rakyat keturunan China dalam Tahun Baru China ini.

Tun Razak

Beliau menyeru supaya rakyat, di samping bersukaria juga berusaha sama untuk memperbanyakkan pengeluaran pertanian serta mengadakan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan bagi kebahagiaan hidup masa depan.

"Usaha-usaha hendaklah terus dijalankan bagi mengekalkan perpaduan.

"Marilah kita, sempena perayaan Tahun Baru China tahun ini, mengambil tikad dan membuat keazaman baru untuk mengiratkan lagi persefahaman antara kaum di negara ini supaya Malaysia akan terus kekal dalam aman, bahagia dan makmur selama-lamanya," kata Tun Razak.

Ketua Menteri Sabah, Tun Datu Mustapha, juga membuat ucapan Selamat Tahun Baru China.

BERITA HARIAN, RABU, 19 FEBRUARI, 1975

PTR.KS: 338 338/78

Tun rasmikan Simposium TPA di Bangunan Parlimen

PERDANA Menteri, Tun Abdul Razak sedang berucap merasmikan Simposium Antarabangsa kelima mengenai Tenaga Punca dan Aalm Sekitar di Bangunan Parlimen di Kuala Lumpur kelmarin.

Di sebelah kanan dan kiri beliau ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dan Menteri Tempatan dan Alam Sekitar, Datuk Ong Kee Hui.

Simposium anjuran Kerajaan Malaysia dengan kerjasama Perbadanan MITRE untuk membincangkan masaalah-masaalah tenaga, punca dan alam sekitar serta cara-cara mengatasinya.

Dalam ucapannya, Tun Razak telah menegaskan betapa pentingnya negara-negara maju dan membangun mengadakan satu formula untuk mengatasi kesulitan itu serta menambahkan penggunaan bahan-bahan mentah. — Gambar Berita Harian.

PTR.WA: 339 339/78.

SABTU, 15 FEBRUARI, 1975 —

Tun seru penghulu2...

Lengkapkan diri hadapi pembangunan

Oleh ZAINUDDIN BENDAHARA

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Tun Abdul Razak menyeru para penghulu dan penggawa melengkapkan diri dengan perkembangan dan kemajuan negara supaya cita-cita Kerajaan membina masyarakat adil dan progresif dapat diselaraskan.

Katanya, mereka perlu mempunyai pengetahuan yang cukup bukan saja mengenai dasar dan rancangan-rancangan pembangunan negara, tetapi juga mengetahui bagaimana sesebuah projek itu dapat dijalankan.

'Orang tengah'

Berucap merasmikan mesyuarat agung pertama Kesatuan Penghulu dan Penggawa Semananjung Malaysia di sini hari ini beliau berkata, sebagai orang tengah yang menghubungkan dua pihak — Kerajaan dan Rakyat — tugas penghulu dan penggawa menjadi bertambah penting dalam menjayakan projek pembangunan Kerajaan.

Mereka merupakan pemimpin tempatan yang benar-benar menyuarakan pendangan kedua pihak.

Kerana itu, tegas Perdana Menteri, perlu bagi setiap penghulu dan penggawa mengikuti perkembangan dasar dan rancangan - rancangan baru Kerajaan.

Menurut beliau, dalam masa Kerajaan giat melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan sekarang, mungkin ada para penghulu yang tidak faham atau ketinggalan dengan rancangan-rancangan tersebut.

Tun Razak diperkenalkan kepada para peserta mesyuarat agung pertama Kesatuan Penghulu dan Penggawa Semenanjung Malaysia sebaik tiba untuk merasmikan mesyuarat tersebut di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, pagi semalam. — Gambar Berita Harian.

Kursus2

Berita Harian 15 FEbuari 75.

PTR. UD. 340 340/78.

PTR. UD. 341 341/78

ISNIN, 17 FEBRUARI, 1975 —

— Kursus2

Jika ini dirasakan, mereka harus berterus terang dan menemui Pegawai Daerah supaya kursus-kursus khas dapat diadakan untuk mereka, tegas beliau.

(Ucapan penuh Perdana Menteri lihat muka 2).

Tun Razak berkata, pembangunan sesebuah negara adalah hasil usaha bersama antara pihak Kerajaan dan rakyat.

Kerajaan, katanya, bertanggungjawab menyusun rancangan-rancangan yang berfaedah serta memberikan pimpinan dan bantuan yang perlu.

Rakyat pula bertanggungjawab memberikan kerjasama dengan melibatkan diri secara menyertai rancangan-rancangan yang di susun dan untuk ini penggembelingan tenaga kedua pihak sangat mustahak, kata beliau.

Di sini, tambah beliau, tugas orang tengah menjadi bertambah penting dan selain dari wakil-wakil yang dipilih para

★ Muka 12 Ruang 6

PENGHULU diseru berdamping lebih rapat dengan anak buah

PENGHULU-PENGHULU adalah satu kumpulan kepimpinan (leadership group) yang besar peranannya dalam masyarakat Malaysia dari semenjak pemerintahan Raja-raja Melayu zaman berzaman.

Seperti saudara Yang Dipertua Kesatuan sebutkan tadi penghulu-penghulu sudah zaman berzaman menjadi orang perantaraan antara rakyat dengan Kerajaan.

Penghulu-penghulu di mana-mana negeri pun dahulunya dilantik oleh Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan atau Raja dengan tujuan memimpin anak buahnya dalam masaalah-masaalah kehidupan harian terutamanya dalam urusan-urusan berkaitan dengan pentadbiran Kerajaan.

Dan penghulu-penghulu adalah menjadi penaung kepada anak-anak buah mereka. Penghulu-penghulu adalah tempat rakyat bertumpu, terutama sekali bagi masyarakat luarbandar, untuk memohon sesuatu atau mendapatkan penjelasan mengenai dasar dan peraturan daripada pihak Kerajaan.

Sebagai wakil Kerajaan, penghulu - penghulu dikehendaki menjalankan berbagai tugas untuk melicinkan pentadbiran negara. Pendek kata, penghulu-penghulu sesungguhnya mempunyai peranan penting dalam masyarakat Malaysia sama ada di kalangan rakyat mahupun dalam jentera pentadbiran Kerajaan.

Penghulu - penghulu sama - sama bertanggungjawab mencepat ataupun melambatkan pembangunan negara.

Kerana itulah Kerajaan sangat menghargai peranan yang telah di mainkan oleh penghulu-penghulu dan sentiasa menjaga kebajikan mereka.

Dalam ucapan Saudara Yang Dipertua tadi, ada menyebutkan beberapa masaalah berkenaan sekim perkhidmatan penghulu di negara kita ini. Seperti yang telah saya sebutkan laitu pihak Kerajaan memang sedar peri luas dan menyeluruh perkhidmatan yang dijalankan oleh penghulu-penghulu terutama dari segi memberikan kepimpinan tempatan.

Oleh itu pihak Kerajaan telahpun bersetuju syor-syor yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Gaji Suffian diubahsuaikan khasnya supaya penghulu-penghulu tingkatan tinggi mendapat gaji yang lebih seimbang.

Gaji baru

Memanglah tidak dapat bagi pihak Kerajaan hendak mempersetujui semua tuntutan yang telah dikemukakan bukan saja dari pihak penghulu - penghulu tetapi juga lain-lain cabang perkihmatan Kerajaan tetapi Kerajaan sedang menimbangkan segala perkara yang masih kurang memuaskan supaya perkara-perkara tersebut diperbaiki.

Dalam hal ini, Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Gaji baru yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ibrahim Ali bagi mengimbangkan perkara yang kurang memuaskan yang terdapat dalam laporan-laporan Suruhanjaya Suffian, Harun dan Aziz.

"Saya berharap perkara ini dapat menteramkan semua pihak, memang menjadi hasrat Kerajaan bersifat adil dan menjaga kepentingan semua pihak," katanya.

penjelasan ini, saudara-saudara sekelian dapat menteneramkan perasaan kerana adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk bersifat adil dan menjaga kepentingan semua pihak.

Oleh itu saya berharap Kesatuan Penghulu-penghulu ini selain dari memperjuangkan kebajikan ahli-ahli juga akan merupakan satu institusi yang boleh memberikan pandangan dan cadangan -cadangan bernas kepada Kerajaan.

Saya harap Kesatuan ini boleh memberikan maklumatbalek (FEEDBACK) tentang sambutan rakyat terhadap rancangan -rancangan pembangunan.

Usaha bersama

Bagi maksud tersebut, cuba kita tinjau akan peranan utama yang perlu dimainkan oleh penghulu - penghulu dalam usaha kita membangun pada zaman kita sudah merdeka ini.

Sepertimana yang selalu saya tegaskan, pembangunan sesebuah negara adalah usaha bersama antara pihak Kerajaan dengan rakyat. Kerajaan bertanggungjawab menyusun racamaklumatbalik (FEEDngan-rancangan yang berfaedah serta memberikan pimpinan dan bantuan yang perlu.

Rakyat pula bertanggungjawab memberikan kerjasama melibatkan diri beserta dalam rancangan-rancangan yang telah disusun. Gembelingan usaha antara dua pihak ini amatlah mustahak.

Untuk mencapai tujuan ini maka peranan orang-orang tengah yang menghubungkan dua pihak tersebut menjadi bertambah penting. Selain dari wakil-wakil yang dipilih, penghulu-penghulu bersama-sama dengan Jawatankuasa Kemajuan Kampung inilah yang menjadi badan penghubung yang penting. Mereka kesemuanya merupakan kepimpinan tempatan yang benar-benar menyuarakan pandangan - pandangan rakyat.

Oleh yang demikian, saya harap penghulu-penghulu akan mendampingkan diri dengan lebih rapat lagi dengan anak-buah mereka dalam mukim masing-masing.

Fahamilah akan masaalah-masaalah rakyat, timbangkannya dengan sa[illegible]sama dari segi keseluruhan rancangan pembangunan negara dan ambillah tindakan mengikut saluran-saluran rasmi yang saudara-saudara fikir berkesan.

Sepertimana saya katakan sebentar tadi, penghulu-penghulu adalah wakil Kerajaan. Perkhidmatan yang saudara-saudara beri sudah tentu adalah untuk kebajikan dan faedah rakyat.

Oleh itu, saya harap adanya kerjasama yang erat antara penghulu-penghulu dengan wakil-wakil rakyat. Saudara-saudara hendaklah menganggap mereka sebagai rakan seperjuangan yang sama-sama berusaha untuk kebajikan rakyat dan negara. Urusan saudara-saudara akan dapat dijalankan dengan lebih licin dan cepat lagi jika ada kerjasama dengan semua pihak yang terlibat.

Sebagai penghulu, saudara-saudara mestilah melibatkan diri dengan sepenuhnya dalam rancangan pembangunan masyarakat seperti Gerakan Pembaharuan, dan Rancangan Buku Hijau atau Gerakan Bumijaya yang dilancarkan tidak lama dahulu. Saudara-saudara hendaklah memahami betul akan tujuan dan maksud serta strateji-strateji dan projek-projek dalam rancangan - rancangan ini.

Sebagai contoh, saya ingin menegaskan di sini bahawa matlamat utama rancangan Buku Hijau ialah hendak menggalakkan rakyat bercucuk tanam dan berternak supaya cukup untuk kegunaan keluarga sendiri.

Tujuan Kerajaan ialah supaya setiap keluarga terutama sekali yang duduk di luarbandar dan seberapa boleh mereka-mereka yang duduk di bandar dapat mengeluarkan barang-barang keperluan dengan usaha dan tenaga sendiri dan dengan itu dapat meringankan tekanan inflasi dengan cara tidak payah membeli barang-barang makanan seperti sayur-sayuran, ayam itik dan telur.

Dengan ini dapatlah wang pendapatan itu dijimatkan untuk samada disimpan atau digunakan untuk membeli keperluan yang lain.

Berdikari

Sikap berdikari dan berusaha mengatasi masaalah ekonomi inilah yang hendak digalakkan di kalangan rakyat. Adalah anih dan ganjil jika negara kita yang subur buminya dan baik iklimnya menghadapi masaalah kekurangan makanan dan kebuluran.

Kepada mereka yang suka hendak menumpukan sepenuh usaha dalam lapangan pertanian, Kerajaan adalah menggalakkan mereka menambahkan lagi pengeluaran dengan cara bercucuk tanam dan berternak dengan cara yang lebih modern dan dengan itu akan mendapat hasil yang berlebihan.

Dengan cara ini kita akan dapat mengurangkan atau menghapuskan sama sekali impot barang-barang makanan yang berjumlah berjuta-juta ringgit pada setiap tahun.

Dengan cara ini juga kita berharap akan dapat menolong membantu dunia amnya menghadapi masaalah kebuluran. Masaalah kebuluran dalam dunia makin meningkat dan bertambah rumit dan memerlukan kerjasama daripada semua negara untuk mengatasinya.

Dan lagi dengan cara yang demikian, kita dapat menggunakan hasil pertanian sebagai satu sumber untuk meninggikan pendapatan rakyat. Ini adalah satu daripada matlamat rancangan Buku Hijau yang telahpun dinyatakan. Kita mahu menjadi negara yang mengekspot bukan mengimpot barang-barang makanan.

Apabila kita sampai ke tingkatan ini kita haruslah menimbangkan soal pemasaran bahan-bahan pertanian, terutamanya jenis sayur-sayuran yang cepat rosak itu.

Keseluruhan sistem pemasaran sedang diperkemaskan. Pihak FAMA dengan kerjasama ajensi-ajensi pertanian yang lain di bawah kelolaan Urusetia Pusat memberikan perhatian khas tentang masaalah ini.

Saudara-saudara sebagai penghulu mestilah mengikuti rapat mesyuarat-mesyuarat dan keputusan - keputusan Jawatankuasa Tindakan Daerah dan selanjutnya memberikan panduan yang wajar kepada rakyat. Panduan tentang jenis-jenis tanaman dan cara menanam yang wajar hendaklah diberi kepada rakyat.

Daripada contoh tadi, jelaslah sudah bahawa penghulu-penghulu mestilah mempunyai pengetahuan yang cukup bukan saja mengenai dasar dan rancangan-rancangan pembangunan negara tetapi juga mengetahui bagaimana projek-projek dapat dijalankan.

Penghulu - penghulu juga seharusnya boleh membantu menentukan projek mana yang sesuai dan projek mana yang tidak sesuai bagi anak-anak buahnya diberbagai-bagai kampung dalam sesuatu mukim.

Untuk mendapatkan pengetahuan yang lengkap seperti mana yang dikehendaki itu, penghulu-penghulu mestilah sentiasa mengikuti perkembangan dasar dan rancangan - rancangan baru Kerajaan.

Dalam masa pembangunan yang giat diusahakan oleh Kerajaan hari ini, ada kemungkinan penghulu-penghulu ketinggalan zaman yakni dari segi mengetahui maklumat-maklumat yang penting berkaitan dengan rancangan - rancangan pembangunan.

Terusterang

Sekiranya hal ini dirasakan, penghulu-penghulu yang berkenaan haruslah maju ke hadapan dan berterus-terang menyatakannya kepada Pegawai - Pegawai Daerah supaya kursus-kursus yang sesuai dapat disusun untuk mereka.

Tindakan hanya boleh diambil dengan adanya pengetahuan yang sempurna. Kita haruslah sentiasa melengkapkan

SEBAHAGIAN ahli Kesatuan Penghulu dan Penggawa Semenanjung Malaysia merasmikan mesyuarat agung pertama mereka di Kelab Sultan Sulaiman pagi [illegible]

Matlamat utama untuk tinggi hasil tani: Tun

★ DARI MUKA 1

penghulu menjadi badan penghubung yang penting.

"Oleh yang demikian, saya berharap para penghulu mendampingkan diri lebih rapat dengan anak-anak buah mereka dengan memahami masaalah-masaalah yang dihadapi dan sebagainya," kata beliau.

Tun Razak juga mahukan para penghulu melibatkan diri sepenuhnya dengan rancangan Buku Hijau disamping memahami tujuan, maksud dan stratiji projek didalamnya.

Pengekspot

Katanya, matlamat utama rancangan tersebut ialah untuk meninggikan pendapatan rakyat menerusi pertanian dan menjadikan Malaysia negara pengekspot dan bukan pengimpot barang-barang makanan.

Menurut Tun Razak, Kerajaan berazam menambah pengeluaran hasil pertanian bagi mengurangkan atau menghapuskan samasekali impot barang-barang makanan yang berjumlah berjuta-juta ringgit setiap tahun.

Dan tujuan Buku Hijau itu ialah menggalakkan rakyat bercucuk tanam dan berternak dengan cara yang lebih moden dan mendapat hasil yang berlebihan.

Ia supaya setiap keluarga terutama di luarbandar dan juga di bandar dapat mengeluarkan bahan-bahan keperluan dengan usaha dan tenaga sendiri bagi meringankan tekanan inflasi, tambah beliau.

Beliau kemudian menasihatkan para penghulu berwaspada dengan golongan atau anasir-anasir yang cuba menangguk di air keroh dengan mengambil kesempatan dari masaalah yang dihadapi negara dalam masa inflasi dan ketegangan ekonomi.

Setuju

Mengenai tuntutan dan skim perkhidmatan penghulu, Tun Razak berkata, Kerajaan telahpun bersetuju supaya syor-syor yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Gaji Suffian diubahsuaikan agar penghulu tingkatan tinggi mendapat gaji yang lebih seimbang.

Dalam hal ini, katanya, Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Gaji baru yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ibrahim Ali bagi mengimbangkan perkara yang kurang memuaskan yang terdapat dalam laporan-laporan Suruhanjaya Suffian, Harun dan Aziz.

"Saya berharap perkara ini dapat menteramkan semua pihak, memang menjadi hasrat Kerajaan bersifat adil dan menjaga kepentingan semua pihak," katanya.

PTR · KA · 341 342/

(2)

meng... pentad...

KUA...

KESATUAN Kebangsa..., mereka per-
ma Malaysia Bara... ngetahui ten-
berunding dengan Dr.... tamaan kerja
Selasa ini mengenai... asing dan me-
mengambil alih pent... nnya meng-
gawai dan guru-guru... al.
nuh Kerajaan. ...azak menam-
...akan dapat
Setiausaha A g u n g ...akan tugas
KKGUMB, Encik Ham... dalam melak-
bali Abdul Razak mem... projek-projek
beritahu Menteri Pela... nan tanpa
jaran bersetuju untuk... g masa lagi.
merundingkan masaalah... Razak berkata
itu setelah pihaknya ... dalam per-
menghantar satu me... dengan pega-
morandam ya... berke-

eruskan pembangunan membuang masa lagi

wai-pegawai d a e r a h, penghulu-penghulu dan ahli-ahli jawatankuasa kemajuan kampung dari daerah-daerah dalam kawasan Kedah Tengah, di Sekolah Menengah Khir Johari di sini.

Turut hadir Menteri Besar, Dato' Sri Syed A h m a d Shahabuddin dan Timbalan Menteri Kesihatan, Haji Abu Bakar Umar.

Tun Razak berkata masanya telah tiba bagi pegawai-pegawai daerah dan penghulu-penghulu untuk mengubah sikap dan menyesuaikan diri dengan semangat untuk bekerja.

Katanya, pegawai-pegawai daerah hendaklah mengemaskan pentadbiran di pejabat masing-masing supaya segala rancangan pembangunan dapat dilaksanakan dengan segera.

Di samping itu, mereka perlulah mengetahui segala masaalah yang terdapat dan menyediakan rancangan-rancangan pembangunan yang perlu dilaksanakan untuk mengatasi masaalah-masaalah itu.

Dalam hubungan ini, katanya, penolong-penolong pegawai daerah hendaklah menghadiri tiap-tiap mesyuarat jawatankuasa kemajuan kampung di daerah masing-masing u n t u k membolehkan segala masaalah yang timbul dapat diatasi dengan segera dan di tempat itu juga.

Tun Razak juga menekankan tentang mustahaknya kerjasama yang penuh antara pegawai-pegawai Kerajaan dan seluruh lapisan rakyat.

Menyeluruh

Katanya, penglibatan rakyat yang menyeluruh adalah mustahak untuk menjamin rancangan-rancangan pembangunan yang memberi faedah kepada rakyat dapat dilaksanakan dengan sempurna.

"Negara tidak akan makmur sekiranya rakyat tidak makmur," tegasnya.

Oleh yang demikian, rakyat hendaklah dengan lebih giat mempelbagaikan usaha supaya dapat berdikari dan jangan semata-mata bergantung kepada satu mata pencarian saja.

Perdana Menteri berkata tanah di negara ini dan di Kedah khasnya adalah subur dan apa yang diperlukan ialah daya usaha dari rakyat sendiri untuk memajukannya dengan tanaman-tanaman yang boleh mendatangkan keuntungan.

Di samping itu, mereka juga hendaklah mengubah cara menjalankan perusahaan pertanian kepada cara moden dan menggunakan baja yang baik s e r t a mendapatkan nasihat supaya mereka boleh mendapat hasil yang berlebihan.

Usaha ini amatlah mustahak kerana pada masa ini negara masih bergantung kepada bahan-bahan makanan seperti beras, daging dan susu dari negara-negara luar.

Keyakinan

Perdana Menteri yakin sekiranya tiap-tiap rakyat memainkan peranan masing-masing untuk menghasilkan pengeluaran barang-barang makanan dan ternakan yang lebih, negara bukan saja akan mempunyai makanan yang cukup bahkan juga ada kemungkinan akan dapat mengekspotnya.

Tun Razak yang tiba di sini kelmarin untuk lawatan rasmi selama dua hari ke Kedah, kemudiannya telah melakukan lawatan sepintas lalu ke kawasan-kawasan perusahaan di kawasan Bakar Arang dan Tikam Batu.

Beliau kemudian bertolak ke Kulim untuk menemui pegawai-pegawai daerah dan penghulu-penghulu dari kawasan itu dan Bandar Bahru.

PTR · KA : 342 342/

Tun kpd penoreh2: Jangan berharap kepada getah sahaja

KULIM, Ahad. — Tun Razak menggesa penoreh-penoreh getah jangan bergantung hidup pada getah saja, sebaliknya berusaha bercucuk t a n a m mengikut Rancangan Buku Hijau.

Beliau sedar kesusahan rakyat yang bergantung kepada getah kerana pendapatan tidak cukup.

Katanya kejatuhan harga getah disebabkan negara-negara Eropah mengurangkan pembelian getah kerana kemerosotan ekonomi negara-negara tersebut.

Beliau berharap orang-orang kampung mencari jalan mengatasi masaalah tersebut dengan bercucuk tanam selaras dengan rancangan Buku Hijau.

Tun Razak bercakap di majlis taklimat sejam kepada ketua-ketua jabatan Kerajaan, wakil-wakil rakyat dan penghulu-penghulu di sini hari ini.

Arahan

Beliau mengarahkan pegawai-pegawai daerah menyiasat teliti permohonan - permohonan tanah rezab Kerajaan sebelum dikemukakan kepada pertimbangan Menteri Besar.

Beliau juga menegur sikap setengah penduduk yang suka bising ketika memohon tanah tetapi selepas mendapatnya tidak mengusahakannya.

Tun Abdul Razak juga menyeru pegawai-pegawai muda kerajaan terutama yang berkelulusan universiti membawa angin perubahan baru dalam melaksanakan pentadbiran Kerajaan samada diperingkat daerah mahupun negeri.

Perdana Menteri berkata mereka tidak harus lagi mengikut cara dan tauladan lama tetapi hendaklah mengubahkannya sesuai dengan keadaan di tempat bertugas masing-masing.

Dengan adanya angin perubahan ini, dapatlah dihapuskan sistem pentadbiran cara penjajahan dulu yang hanya membuang masa Kerajaan dan rakyat.

PTR. KL: 343 343178

ISNIN, 24 FEBRUARI 1975 -

Masaalah kenaikan gaji

Tun: Tuntutan mestilah menasabah

Tun Razak diapit oleh Ketua UMNO Bahagian Batu, Senator Ibrahim Haji Yaakub (dua dari kanan) disambut ketibaannya untuk merasmikan perayaan 10 tahun UMNO Bahagian tersebut di Selayang Baru pagi semalam. Kiri sekali Encik Mohamad Yusof, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian itu.—Gambar Berita Harian.

Mini2 bas akan atasi kesesakan Bandaraya

KUALA LUMPUR, Ahad. — Kerajaan akan mengambil tindakan segera mengeluarkan permit kepada orang perseorangan, terutama bekas perajurit untuk mengendalikan "mini bus" bagi mengatasi masaalah pengangkutan di Bandaraya Kuala Lumpur.

Perdana Menteri, Tun Razak yang mengumumkan ini di Majlis Perayaan 10 tahun UMNO Bahagian Batu di sini hari ini, berharap langkah itu akan dapat mengatasi masaalah itu yang dihadapi sekarang.

Sebelum itu, Menteri Besar Selangor yang juga Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Dato Harun Idris mengesyorkan supaya pengangkutan awam di Kuala Lumpur dimiliknegarakan jika masaalah pengangkutan yang di hadapi sejak beberapa lama tidak dapat diatasi.

Tun Razak berkata: "Saya telah arahkan supaya pihak berkenaan menambah bilangan bas mereka, terutama bas-bas yang lama sambil membanyakkan lagi teksi."

Bagaimanapun beliau tidak memberi butir-butir lanjut berhubung dengan rancangan tersebut.

Tun Razak berkata, Kerajaan juga telah mengambil berbagai langkah untuk mengatasi kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur

PELUANG KEPADA BEKAS PERAJURIT

★ DARI MUKA 1

kan yang tegas untuk mengatasinya.

Menurutnya, jika perlu Kerajaan hendaklah bertindak memiliknegarakan pengangkutan awam.

Dato Harun berkata, kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh orang ramai dan murid sekolah yang terpaksa menunggu berjam-jam untuk mendapatkan bas.

Katanya, murid-murid sekolah sejak akhir-akhir ini terpaksa pulang lambat ke rumah kerana kesulitan mendapat bas.

Menurutnya, lihat sahajalah ketika bas berhenti diperhentian, orangramai macam tarzan berebut-rebut untuk mendapatkan bas.

Menurut Dato Harun, Pergerakan Pemuda UMNO yang dipimpinnya telahpun menjalankan penyiasatan mengenai perkembangan itu dan mendapati kesulitan tersebut memang benar sekali.

Beliau mengakui laporan-laporan akhbar mengenai kepayahan orang ramai mendapatkan bas ternyata benar kenyataannya.

Dato Harun menuduh syarikat bas di Kuala Lumpur hanya mementingkan keuntungan semata-mata tanpa mengambil berat sangat tentang kemudahan bagi orang ramai.

Katanya, tidak dapat dinafikan bahawa syarikat-syarikat bas juga masih menggunakan bas-bas yang sudah tua dan uzur untuk mengangkut penumpang.

Berita Hariah 24 feb, 75.

PTR. KA : 344 344/75

PERJANJIAN DITANDATANGANI

Tun harap Perancis tambah pelaburan

PARIS, Khamis. — Tun Abdul Razak hari ini menandatangani dua perjanjian dengan Perancis guna mengeratkan lagi hubungan ekonomi dan meningkatkan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara.

Beliau menyatakan harapan bahawa dengan menandatangani perjanjian jaminan pelaburan dan menghapuskan cukai dua kali itu, lebih ramai lagi para pelabur Perancis akan menanam modal di Malaysia.

Menteri Luar Perancis, Encik M. Jean Sauvagnargues menandatangani perjanjian itu bagi pihak kerajaannya.

Tun Razak berkata, sebanyak 30 buah negara telah melaburkan modal di Malaysia. Negara yang banyak sekali melaburkan modal ialah Amerika, Jepun dan Jerman Barat. Pelaburan Perancis hanya $765,000.

Beliau mengalu-alukan sebarang pelaburan dari negara-negara sahabat. Sektor pengilang telah memberi sumbangan besar kepada perkembangan ekonomi Malaysia seluruhnya dan sebenarnya ini telah mencapai matlamat pembangunan sekarang.

Malah, kata Tun Razak lagi, sektor itu akan memainkan peranan lebih penting dalam rancangan Malaysia Ketiga mulai tahun depan.

★ MUKA 12 ruang 3

Dagang: Jaminan Tun kpd pengilang Perancis

★ DARI MUKA 1

Tun Razak berkata, Malaysia menggalakan penubuhan perusahaan untuk ekspot dan yang menggunakan ramai tenaga buruh dan bahan-bahan tempatan.

Malaysia mengalu-alukan penubuhan perusahaan yang maju dibidang teknoloji yang ingin bersatu dengan perusahaan - perusahaan di Malaysia.

Untuk menggalakan perkembangan perusahaan seperti itu, Malaysia telah menawarkan berbagai galakan disamping menyediakan banyak kemudahan asas bagi menjamin kemajuannya.

Kata... kerajaan... mempunyai... perusahaan...

...JASA ...eri-bate...

BERITA HARIAN, ISNIN, 24 FEBRUARI, 1975

PTR-KA : 345 345/75

KUALA LUMPUR, Ahad. – Kerajaan hanya akan menimbangkan tuntutan kenaikan gaji yang menasabah sahaja, terutama bagi pekerja-pekerja yang bergaji rendah, Tun Razak menjelaskan hari ini.

"Kakitangan-kakitangan Kerajaan yang menuntut kenaikan gaji mestilah bertimbang rasa, terutama masaalah yang dihadapi oleh Kerajaan sendiri yang kekurangan wang," tegas Perdana Menteri.

"Kerajaan akan menimbang hanya tuntutan-tuntutan yang menasabah, terutama bagi pekerja-pekerja yang bergaji kecil," tambah beliau semasa merasmikan perayaan 10 tahun UMNO Bahagian Batu di Selayang Baru dekat sini, sambil menambah:

"Kerajaan mahu biarlah segala tuntutan menasabah sesuai dengan keadaan yang dihadapi oleh mereka.

"Kita tidak boleh menerima segala tuntutan kerana Kerajaan sendiri dalam keadaan sekarang kekurangan wang, dan dalam keadaan ini Kerajaan tidak boleh membelanjakan wang yang banyak," kata Tun Razak lagi.

Beliau menasihatkan para pekerja baik kakitangan Kerajaan sendiri jangan terpengaruh dengan hasutan-hasutan liar sambil memberi amaran tentang tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab itu.

"Saya tahu ramai tokoh parti yang kalah dalam pilihanraya tempoh hari telah masuk ke kampung-kampung dan bandar menghasut rakyat supaya mogok atau menjalankan kegiatan-kegiatan sabversif.

Tak pulih

"Mereka ini sebenarnya tidak patuh kepada demokrasi, tetapi sebaliknya apa yang mereka lakukan bertentangan sekali dan bertujuan untuk menghancurkannya," tegas beliau.

"Saya memberi amaran tindakan tegas akan diambil ke atas orang-orang yang cuba menghasut pekerja-pekerja supaya mogok atau menjalankan kegiatan subversif," tambahnya.

Tun Razak berkata, berikutan dengan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan dan kerjasama rakyat, tekanan inflasi di negara ini bertambah reda.

"Tetapi yang belum pulih hanya kemerosotan ekonomi, dan sesuai dengan keadaan sekarang. Kerajaan terpaksalah bercermat membelanjakan wang.

★ MUKA 12 ruang 1

Pekerja2 bergaji rendah akan ditimbang

★ DARI MUKA 1

"Apabila keadaan telah pulih dan harga getah naik, barulah saya rasa Kerajaan boleh bermurah hati," ujar Tun Razak.

Bercakap khusus mengenai UMNO, Tun Razak berkata, parti tersebut yang meningkat usia 28 tahun tetap dapat menjaga keutuhannya kerana mempunyai pimpinan yang jujur dan ikhlas.

Beliau sekali lagi mengajak ahli parti di semua peringkat bekerja untuk parti, bangsa dan negara, bukan untuk kepentingan diri sendiri.

Tun Razak meminta Bahagian - bahagian UMNO berani membuka pintu kepada golongan belia yang ingin berjuang, terutama mereka yang dinamis dan terpelajar.

"Sebaliknya golongan belia ini hendaklah tahu menyesuaikan diri dalam parti dan tidak ada jalan singkat untuk menjadi pemimpin, melainkan mereka diterima oleh ahli-ahli parti.

Cita2

"Orang-orang baru dalam parti juga terpaksa bekerja bersungguh-sungguh dan menunggu giliran, kerana tidak ada shortcut untuk terus ke atas," katanya.

Tun Razak mengingatkan ahli-ahli lama dalam parti (yang matang dan pengalaman) dan yang muda (dinamis dan terpelajar) supaya bekerjasama melaksanakan cita - cita dan hasrat parti.

"Mereka hendaklah bertimbang rasa antara satu dengan lain," tegas beliau.

Tun Razak berkehendakkan UMNO yang kian dewasa mempunyai satu golongan sahaja yakni ahli-ahli yang patuh kepada perjuangan dan Perlembagaan parti.

"Untuk melangkah ke depan, seseorang ahli mungkin terpaksa ber-

PTR. 44: 346 346/78

Tun: Kita tak ada masa berlengah2

Batalkan projek2 percubaan

● *PERDANA Menteri berjabat tangan deng an pemimpin Barisan Nasional setibanya di Lapangan Terbang Pengkalan Chepa, Kota B haru, Kelantan, pagi semalam. Mengiringi Perdana Menteri, Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Mohammad bin Nasir (bersongkok dan kot itam). Ketua Executive Petron as, Tengku Razaleigh Hamzah, (bush jacket putih) turut sama dalam rombongan Tu n Razak itu. — Gambar Berita Harian.*

KOTA BAHARU, Isnin. — Tun Abdul Razak hari ini mengarahkan supaya jangan lagi dijalankan projek - projek percubaan kecuali yang benar-benar perlu kerana masa untuk berlengah-lengah sudah tidak banyak lagi.

Perdana Menteri juga mengarah supaya di kurang peringkat perancangan bagi mempercepat pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Rancangan2

Rancangan - rancangan hendaklah terus dilaksanakan setelah didapati sesuai tanpa menunggu bertahun-tahun lamanya dengan membuat berbagai perancangan dan kajian kemungkinan serta projek percubaan.

Tun Razak berucap demikian kepada ahli-ahli Jawatankuasa Tindakan Negeri, ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, dan p sional

Beli bahaw sedia wanga keraja kan yang

Katanya, bantahan pertubuhan - pertubuhan wanita juga berjaya mengurangkan poster-poster wayang yang agak lucah.

Ketua Satu PERTAMA (Persatuan Wartawan Wanita Malaysia), Puan Azah Aziz, berpendapat Wakil-Wakil Rakyat wanita boleh memimbulkan perkara itu dalam Parlimen kerana pengaruh mereka berkesan juga.

Setiausaha Lembaga Kebajikan Perempuan Islam, Puan Lily Majeed berkata, beliau menyokong penuh penubuhan satu badan penapis iklan sebagai yang terbukti kejayaan Lembaga Penapis Filem menyekat tayangan filem-filem lucah.

Menyekat

Tun: Kita tak boleh membuang masa lagi

★ DARI MUKA 1

Rancangan ternakan kerbau-lembu hendaklah diperbesarkan kerana negara sekarang masih mengimpot sejumlah besar daging dan susu yang diperlukannya.

Perusahaan - perusahaan yang hendak diadakan mestilah diberi keutamaan kepada jenis berkaitan dengan bahan pertanian yang dikeluarkan seperti padi yang sesuai untuk perusahaan membuat minyak dari dedak .

Katanya kemudahan asas seperti jalanraya untuk mempercepatkan projek pembangunan di negeri itu hendaklah dititik beratkan.

Jalan2

Ini termasuk meninggikan taraf jalan-jalan yang ada disamping membina jalan besar seperti beberapa batang jalanraya yang menghubungkan Lebuhraya Timur-Barat ke bandar-bandar lain di negeri ini.

Tun Razak berharap kawasan perusahaan di Pengkalan Chepa yang sekarang seluas 24 ekar dapat diperbesarkan lagi untuk menarik ramai lagi pelabur.

Kawasan-kawasan perusahaan berhampiran dengan bandar Kota Baharu hendaklah diberi keutamaan.

Beliau juga menggesa supaya langkah-langkah diambil bagi menjayakan rancangan tanah yang telah dijalankan tetapi tidak mencapai matlamat sebelumnya.

Projek2

Rancangan tanah seluas 36,000 ekar yang dulunya dimulakan oleh Lembaga Kemajuan Negeri tetapi tidak begitu berhasil hendaklah diserahkan kepada FELCRA.

Mengenai rancangan Buku Hijau, Tun Razak menasihatkan mereka yang ingin menjalankan rancangan pertanian secara perniagaan menghubungi jabatan-jabatan Kerajaan seperti Jabatan Pertanian dan Haiwan bagi mempastikan kejayaannya.

Beliau menegaskan bahawa soal pemasaran tidak menjadi masaalah, kerana dunia masih memerlukan banyak bahan makanan.

Katanya, tujuan utama rancangan Buku Hijau ialah supaya setiap rakyat dapat berdikari dalam pengeluaran bahan makanan seperti sayuran, telur dan daging.

Tujuan kedua rancangan itu ialah hendak menjadikan Malaysia sebuah negara pengeluar makanan dan bukan pengimpot.

Pada masa ini negara masih lagi mengimpot beras, daging dan makanan haiwan sedangkan negara mampu mengeluarkannya.

Terdahulu dari itu, Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Mohamed bin Nasir berkata projek-projek pembangunan di negeri ini akan dapat dijalankan dengan lebih baik lagi dimasa depan.

Sebuah jawatankuasa Barisan Nasional telah ditubuhkan dan akan bekerjasama dengan Jawatankuasa Barisan Peringkat Pusat bagi menyelaraskan usaha-usaha pembangunan.

Beliau menyatakan FIMA mungkin dipelawa mengadakan rancangan percubaan menanam tebu untuk perusahaan gula di kawasan seluas 4,000 ekar.

Kawasan itu pada mulanya ditawarkan kepada FELDA tetapi nampaknya pihak FELDA tidak begitu tertarik hendak menjalankannya.

Tun Razak telah mendengar taklimat dari Pegawai Kemajuan Negeri Kelantan, Encik Yusof bin Lassim mengenai berbagai aspek pembangunan di negeri itu termasuk kemajuan tanah, pertanian dan perusahaan.

Meriah

Sebelum itu Perdana Menteri telah diberikan sambutan meriah setibanya di lapangan terbang Pengkalan Chepa, di sini, pagi ini untuk lawatan selama dua hari ke Kelantan.

Menteri Besar, Datuk Haji Mohammad yang mengetuai jawatankuasa penyambut telah menghampiri pesawat terbang khas dari Tentera Udara DiRaja Malaysia untuk mempersilakan Tun Razak turun dari pesawat itu.

Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan, Haji Mohamed Yaakob adalah antara ramai orang-orang kenamaan terdiri dari ahli-ahli Parlimen, Dewan Undangan Negeri, ketua-ketua pejabat, pemimpin-pemimpin politik berada di lapangan terbang itu.

Tun Razak diiringi oleh pengerusi dan ketua executive Petronas, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad.

Dalam rangka lawatan itu, Tun Razak akan melawat jajahan-jajahan Tumpat dan Machang selain dari menemui ahli-ahli Jawatankuasa Tindakan Negeri, ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, ketua-ketua jabatan dan badan-badan berkanun serta pegawai-pegawai Barisan Nasional di sini.

PTR.US: 347 347/78

BERITA HARIAN, SELASA, 25 FEBRUARI, 1975

Tun disambut dgn mesra setibanya di Kota Bharu

* Orang-ramai mengerumuni Tun Razak, ketika Perdana Menteri tiba di lapangan Terbang Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan, pagi semalam.

Orangramai, terutama penyokong Barisan Nasional, telah menanti di lapangan terbang itu, bila mereka mengetahui Tun Razak akan tiba untuk lawatan dua hari ke Kelantan. — Gambar Berita Harian. (Berita dimuka 1).

PTR.US: 398 348/78

BERITA HARIAN, SELASA, 25 FEBRUARI, 1975

Tuntutan gaji: Pekerja JKR alu2kan Tun

KUALA LUMPUR, Isnin. — Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Jabatan Kerjaraya hari ini mengalu-alukan pengumuman Tun Razak mengenai kesediaan Kerajaan menimbangkan tuntutan gaji berpatutan dari pekerja dalam kumpulan berpendapatan rendah.

Setiausaha Agungnya, Encik S. Santhanasamy berkata, pengumuman Perdana Menteri itu kena pada masanya kerana kesatuan golongan berpendapatan rendah telah pun mengemukakan lapuran masing-masing kepada Suruhanjaya Gaji Tan Sri Ibrahim Ali.

Tun Razak membuat pengumuman itu di perayaan genap 10 tahun UMNO Bahagian Batu di Selayang Baru semalam.

Katanya, Kerajaan akan menimbang tuntutan-tuntutan kenaikan gaji yang menasabah, terutama bagi pekerja-pekerja yang bergaji kecil.

Masa tiba

Encik Santhanasamy berkata, masanya telah tiba bagi Kerajaan, majikan dan kesatuan sekerja di negara ini membuat satu dasar nasional mengenai gaji.

Katanya, gaji haruslah berdasarkan kepada pengalaman, perbandingan kerja, latihan, kemahiran, kesihatan, pelajaran dan taraf hidup.

Gaji juga harus berdasarkan keadaan sains dan teknoloji sekarang supaya para lepasan sekolah dapat digalakkan bekerja di kilang-kilang yang memerlukan kemahiran.

Encik Santhanasamy takut jika pelajaran semata - mata dianggap sebagai kriteria pekerjaan, maka Kerajaan akan menghadapi masaalah besar di masa depan bagi menentukan gaji yang lebih baik.

Beliau menjangka dalam masa 10 tahun lagi, hampir 95 peratus para lepasan sekolah akan mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia dan MCE.

PTR.KD: 350 350/75.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 27 FEBRUARI, 1975

Tun ara Lembag tubuhka 'ladang contoh'

MACANG, Rabu

TUN Abdul Razak telah mengarahkan Lembaga Pertubuhan Peladang menubuhkan seberapa banyak yang boleh "ladang-ladang contoh koperasi" dalam kawasan-kawasan kemajuan peladang.

Projek itu yang akan dilancarkan tahun ini adalah dengan kerjasama Koperasi Peladang sendiri.

Langkah tersebut bertujuan mengujudkan jenerasi peladang yang akan menghargai nilai-nilai koperasi dan semangat bergotong-royong.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Pusat Pembangunan Peladang Pangkal Gong, Pulai Chundong dekat sini petang semalam.

Katanya, ahli - ahli Koperasi akan diminta supaya membenarkan tanah mereka disatukan menjadi kawasan berkelompok yang luasnya tidak kurang dari lima ekar untuk diusahakan oleh Koperasi Peladang dengan jenis tanaman yang sesuai dan terjamin pasarannya.

Sekiranya projek itu dijalankan secara besar-besaran, hasilnya boleh diperdagangkan.

Jalin

Jaminan pembekalan penghasilan yang secukupnya boleh dijalinkan dengan punca-punca pemasaran, kilang-kilang memproses secara sederhana boleh didirikan dan cara pembaharuan dari segi pengeluaran pertanian boleh diamalkan di atas ladang-ladang contoh itu.

"Matalamat jangka panjang rancangan ini ialah menuju ke arah reformasi tanah dengan penambahan keluasan ladang-ladang contoh, tanah-tanah milik yang tidak ekonomi dapat disatukan secara beransur-ansur.

"Dengan demikian, lama - kelamaan corak kampung-kampung dan dusun-dusun kita akan bertukar menjadi lebih moden dan pro kata Tun Razak.

Beliau berharap san-kawasan yang milik kerajaan d nah-tanah ka yang sesuai unt usahakan hendak berikan kepada si-koperasi pelad tuk dijayakan berkelompok.

Tanah-tanah lehlah diamanahk pada Koperasi Pe untuk menjaya dengan jenis-jenis man yang ekonomi

Keuntungan ya perolehi nanti b dibahagikan kepa li-ahli koperasi p mengikut sistem si.

Menurut Tun sistem itu boleh atasi masaalah pe an kerana hasil pe an itu akan dik kan oleh Koperas dang dan bukan ol li-ahli koperasi persendirian.

Beliau juga mem tahu bahawa di persetujuannya Le Pertubuhan Pel sekarang mengad pertandingan antar persi-koperasi pel

Kesemua 2,000 pertnian kecil di untuk mengujudk kurang-kurangnya buah ladang cont

Pertandingan itu sampai kemuncak da 6 Ogos depan Hari Peladang, di persi peladang yan baik akan dipilih.

● *Tun Razak ketawa panjang bila mendengar penerangan-penerangan lucu yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-Ketua Pejabat, Penggawa dan Penghulu di majlis taklimat oleh Menteri Besar, Datuk Haji Mohamad Nasir di Bilik Gerakan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan hari pertama lawatan Tun Razak ke Kelantan.*

Bersama beliau (dari kanan) Datuk Haji Mohamad Nasir, Tun Razak, Tengku Razaleigh, Timbalan Menteri Besar, Wan Ismail Haji Ibrahim. — Gambar Berita Harian.

PTR.KD: 349 349/75.

KHAMIS, 27 FEBRUARI, 1975 –

Pemimpin2 oposisi menemui Tun hari ini

KUALA LUMPUR, Rabu. — Serombongan 10 orang pemimpin PSRM, DAP, KITA, PEKEMAS dan SNAP, akan menemui Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, jam 10 pagi esok.

Rombongan itu akan diketuai oleh Pengerusi Nasional PSRM, Encik Kassim Ahmad, akan menemui Tun Razak di Pejabat PM di Jalan Datuk Onn di sini.

Menurut kenyataan bersama parti-parti itu hari ini, dalam perjumpaan esok rombongan itu akan menyampaikan resolusi tentang pendirian parti-parti itu mengenai penahanan tanpa bicara di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

PTR. KS: 351 351/78.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 28 FEBRUARI, 1975

R. Frank dapat gelaran Tan Sri

KUALA LUMPUR, Khamis. — Tun Abdul Razak hari ini telah menyampaikan bintang kehormat, Panglima Setia Mahkota yang membawa gelaran Tan Sri, kepada presiden Persekutuan Hoki Antarabangsa, Encik Rene Frank.

Menteri Perusahaan Utama, Dato Musa Hitam, menjadi Menteri Pengiring di istiadat pengurniaan bintang tersebut.

Encik Frank berada di sini kerana menyaksikan pertndingan hoki Piala Dunia ketiga yang akan bermula di sini Sabtu ini. — Bernama.

● Tun Razak sedang menyematkan bintang tersebut ke dada Encik Frank. — Gambar Berita Harian.

PTR-KA: 352 352/78.

BERITA HARIAN, SABTU 1 MAC, 1975

Banyakkan keluaran gula, seru Tun

OLEH Amat Mat Top:
Bahau (N. Sembilan), Jum.

PERDANA Menteri menyeru pengusaha-pengusaha memperbesar lagi projek perusahaan gula bagi mengatasi keperluan gula negara yang dijangka meningkat 510,000 tan setahun menjelang 1978.

Menurut beliau, empat projek gula yang ada sekarang cuma berjaya mengeluarkan 240,000 tan dan terpaksa mengimpot 270,000 tan lagi, terutama dari Australia.

Beliau menjelaskan, dengan tertubuhnya kilang gula di beberapa tempat, orang-orang kampung yang tinggal berhampiran dengannya boleh menanam tebu untuk dibekalkan ke kilang-kilang tersebut.

Tun Abdul Razak berkata demikian ketika merasmikan Syarikat Gula Negeri Sembilan dua diusahakan secara bersama selepas Syarikat Gula Perlis.

Tun Razak menegaskan, negara memerlukan lebih banyak projek berasaskan pertanian dan menyeru para pengusaha berpengalaman melaksanakannya dalam bentuk usahasama.

Beliau menyebut, projek-projek seperti perusahaan gula dan lain-lain kilang memproses bahan makanan harus dititikberatkan oleh para pengusaha supaya rakyat mendapat bekalan yang cukup.

Titikberat

Syarikat Gula N.S. memberi peluang pekerjaan kepada 1,400 tenaga pekerja dan jumlah ini akan bertambah dari masa ke semasa.

Bagaimanapun, Tun Razak sedar bahawa pelaksanaan kilang tersebut tidak dapat menyelesaikan keseluruhan

● Tun Razak dengan diiringi oleh Datuk Mansor, Haji Mohamed Yaacob, Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan dan Dato' Sri Haji Kamaruddin, Timbalan Menteri, Jabatan Perdana Menteri, sedang menyaksikan cara-cara memproses batang-batang tebu. — Gambar Berita Harian.

BERITA HARIAN, RABU, 5 MAC, 1975

PAR. 44 : 353 353178

Tun terima pingat emas

KUALA LUMPUR, Selasa.

PRESIDEN Persatuan Hoki Antarabangsa, Tan Sri Rene Frank telah menyampaikan penganugerahan pingat emas Ahli Kehormat Persatuan Hoki Antarabangsa kepada Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, di satu majlis makan malam, Hotel Hilton, di sini, malam tadi.

Tun Razak menjadi orang yang ke sembilan di seluruh dunia menerima pingat emas ahli kehormat itu.

Majlis tersebut diadakan bagi meraikan Tun Razak dan menyambut kedatangan pasukan-pasukan hoki ke Pertandingan Hoki Piala Dunia Ketiga, para pegawai Persekutuan Hoki Antarabangsa dan ahli-ahli Jawatankuasa Pengelola Pertandingan.

Tun Abdul Razak telah memberi ucapan ringkas dalam majlis itu.

Hadir sama — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Hamzah Abu Samah dan Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Nik Ahmad Kamil.

Raikan peserta2

● Perdana Menteri, Tun Razak sedang berucap di majlis makan malam meraikan para peserta dan pegawai serta ahli jawatankuasa Pertandingan Hoki Piala Dunia Ketiga di Hotel Hilton, Kuala Lumpur, malam semalam.

Para hadirin tergelak mendengar ucapan Tun Razak yang di sulam dengan jenaka, gambar atas.

Di sebelah kanan Tun Razak, Presiden Hoki Antarabangsa, Tan Sri Rene Frank: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Hamzah Abu Samah.

Sementara di kanan sekali ialah Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Nik Kamil dan Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Pertandingan, Tan Sri Raja Azlan Shah.

● Para peserta dan pegawai Pertandingan Hoki Piala Dunia Ketiga gembira dan begitu asyik menarikan Joget Rakyat bersama penari-penari dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di Hotel Hilton Kuala Lumpur, semalam. — Gambar-gambar Berita Harian.

Berita Harian 5 March 75.

PAR. 44: 354 354178.

KENYA MINAT BELI GETAH KITA

KUALA LUMPUR, Selasa. — Menteri Luar Kenya, Dr. Munyau Waiyaki berkata negaranya berminat untuk membeli getah, balak dan kelapa sawit Malaysia.

"Kami berharap dapat menghantar satu rombongan dagang ke negara ini sedikit masa lagi," ujarnya kepada para pemberita di Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang sebelum berlepas ke Singapura semalam.

PTA. 44 : 355 ' 355/78 -

BERITA HARIAN, KHAMIS, 6 MAC, 1975

Seri Paduka sertai peraduan golf 'pro-am' Malaysia



KUALA LUMPUR, Rabu. — Yang Dipertuan Agung adalah di antara 276 pemain amator yang mengambil bahagian dalam pertandingan 'pro-am' Kejohanan Golf Terbuka Malaysia yang berlangsung di padang Kelab Golf Diraja Selangor di sini hari ini.

Dalam pertandingan sehari itu, Seri Paduka bergu dengan pemain 'professional' dari Thailand Sukree Onsham.

Hakim Datuk Abdul Hamid telah juga dipilih dalam pasangan tersebut sebagai pemain ketiga.

● Gambar kelihatan Seri Paduka sedang memerhati matlamatnya sebelum memukul bola itu.

Di kanan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak sedang memerhati jarak tempat letak bola sebelum memukul dalam pertandingan 'pro-am' Kejohanan Golf Terbuka Malaysia di padang Kelab Golf Diraja Selangor di sini hari ini.

Tun Razak bergu dengan pemain 'professional' dari Australia Graham Marsh dan Datuk Bandar, Tan Sri Yaacob Latiff dalam pertandingan sehari itu.

Pertandingan 'professional' akan bermula esok hingga hari Ahad. — Gambar Berita Harian oleh Saleh Osman.

PPR.04: 35C 356/78

JUMAAT, 7 MAC, 1975 — 23 SAFAR, 1395

Tun Paduka Imam Khalifah

JADI PENASIHAT TERTINGGI SENI SILAT GAYUNG

K. LUMPUR,

PERDANA ... Tun Ab... zak, telah menjadi ... Imam Khali... Gayung ... dan Serantau.

Istiadat me... Tun Razak me... duka Imam Kha... diadakan malam... rin di Seri Tam... diaman rasmi ... Menteri, di sini.

Hadir sama di... tiadat itu pen... Lembaga Waris ... Silat Seni Gayu... laysia dan serat...

Antara angg... gota itu termas... teri Besar Selang... Haji Harun Hi... Setiausaha Agun... Malaysia, Dato... Abdul Rahman;... Syed Nasir Ism... tuk Sri Kan... Mohd. Isa dan ... Pengarah Pelajar... laysia, Tan Sri ... Syeikh Tahir.

Tengku Intan ... kekanda Sultan ... juga turut hadir.

Menurut Naib ... Dipertua Per... Silat Seni Gayu... laysia, Encik Ab... Alias, istiadat p... lan itu telah ... sungkan dengan ... adat Melayu tu... murun yang m... seni silat.

Penasihat

Dengan pert... itu, Tun Razak ... menjadi Penasihat ... tinggi Lembaga ... Beradat Malay... Penasihat Seni Si... yung Malaysia ... rantau.

Lebih 30 orang ... hadiri istiadat ... ngan diperhati... Toh Puan Raha... seisi rumah ... Menteri.

Istiadat itu ... sung lebih satu ... lepas kesemua y... dir menunaikan ... Isyak malam itu.

Dalam istiadat ... Mahaguru Silat ... Dato Mior Abdul ... man bin Daeng ... shim, sendiri m... kan segala acar... masuk memb... Tun Razak ... keris pusaka se... tersebut.

Tidak semua ... yang menjadi ah... yung yang m... penghormatan ... keris tersebut.

Malah Dato ... Rahman telah m... kan hujung ker... ke bahu kanan ... serta dahi Tun ...

Kesemua yang ... memakai pakaian ... layu lengkap be...

★ MUKA 12 ru...

DATO' Mior Rahman mengucup dahi Tun Razak, selepas mempertabalkan Perdana Menteri menjadi Paduka Imam khalifah Silat Gayung Malaysia dan Serantau di kediaman Perdana Menteri.

Dengan pertabalan itu juga Tun Razak menjadi Penasihat Seni Tertinggi Lembaga Waris Beradat Seni Silat Gayung Malaysia dan Serantau.

Istiadat itu disaksi juga oleh semua ahli Lembaga Waris Beradat Silat Seni Gayung Malaysia.

Kanak-kanak kecil di belakang Tun Razak ialah Nizam, anak Perdana Menteri, yang juga murid Pertubuhan Seni Silat Gayung, memerhatikan dengan teliti istiadat itu duduk di samping Tan Sri Hamdan Sheikh Tahir.

Duduk di kiri berkaca mata hitam ialah Syed Ahmad Jamalulail, seorang pegawai tinggi UMNO Malaysia dan memerhatikan dengan teliti (tengah dan membelakang kamera) Menteri Besar Selangor, Dato Harun Idris.

Upacara dilakukan penuh dengan adat Melayu

★ DARI MUKA 1

hitam khas untuk istiadat seperti itu.

Selesai istiadat itu Tun Razak telah bersiram dilakukan oleh Mahaguru Silat Gayung itu sendiri.

Istiadat ini juga tidak semua orang yang menjadi ahli gayung mendapat penghormatan, yang dianggap tinggi, dan dilakukan oleh Mahaguru itu sendiri.

Dalam istiadat itu juga kesemua anggota Lembaga Waris Beradat Seni Silat Gayung telah berikrar menyokong pe... Tun Abdul Razak ...

54/74 BERTARIKH
23-8-74
MTUT, 51/73
GERAN SALAMA-LAMA
DAN SURATAN HAK-
MILEK SEMENTARA
TELAH DIDAPATI.
BLK 511, TINGKAT 5,
BANGUNAN O.C.B.C.,
...LAN IBRAHIM

PTR. UD: 357 357/78.

BERITA HARIAN, SABTU, 22 MAC, 1975



Pegawai Masjid Jame' Batu sambut Tun

• Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, beriringan dengan Menteri Besar, Dato Harun Idris, sedang disambut oleh pegawai-pegawai dan ahli jawatankuasa Masjid Jame Kampung Batu, Kuala Lumpur, pagi semalam.

Tun Razak telah membuka rasmi masjid tersebut, yang dibina dengan belanja $250,000, dan kemudian sama berjumaah dengan penduduk di situ.

Berkacamata hitam di kiri ialah Senator Ibrahim Haji Yaacob yang juga Setiausaha Masjid tersebut.

Dalam uucapannya diupcara merasmikan masjid itu, Tun Razak menyeru umat Islam dalam negara ini memperkukuhkan perpaduan mereka.

Beliau juga menyeru mereka memodenkan cara hidup bagi mencapai kejayaan hidup.

Sambil itu beliau menyeru ibubapa supaya mempastikan anak-anak mereka mendapat didikan ugama bagi kepentingan dunia dan akhirat.

Perdanan Menteri juga menyeru ibubapa supaya mengawasi dan melindungi anak-anak mereka dari pengaruh jahat agar mereka menjadi rakyat berguna.

Turut sama dengan Tun Razak dan Dato Harun berjumaah, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad. — Gambar Berita Harian.

PTR. KA: 358 358/78.

Berita Minggu, Ahad, 23 Mac, 1975

Fahamilah masaalah satu-satu golongan seru Tun

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Tun Abdul Razak mahu parti-parti dalam Barisan Nasional mengadakan dialog untuk memahami masaalah satu sama lain serta mencari jalan mencapai matlamat negara.

Sebagai sebuah negara yang penduduknya berbilang kaum, rakyat Malaysia harus merapatkan hubungan supaya dapat mengetahui lebih dekat segala aspirasi, perasaan dan masaalah satu-satu golongan agar tidak berlaku sebarang perbalahan.

Perbalahan kaum, kata beliau akan hanya menguntungkan golongan anti-nasional yang bertujuan memecahbelahkan perpaduan negara.

Perdana Menteri berkata demikian di majlis jamuan teh Kongres Ceylonese Malaysia di sini petang ini.

Majlis tersebut diadakan bagi meraikan Presiden Kongres, Datuk (Dr.) C. Sinnadurai yang dilantek menjadi Senator baru-baru ini.

Tun Razak memberi jaminan kepada golongan minoriti di negara ini bahawa kerajaan sentiasa memberi perlindungan kepada hak-hak mereka. "Semua lapisan masyarakat mempunyai hak menyuarakan hasrat mereka melalui wakil masing-masing."

Beliau, bagaimanapun mengingatkan wakil-wakil Majlis Perundangan supaya mengemukakan masaalah yang mempunyai hubngan dalam konteks berbilang kaum sahaja dan tidak pula terbawa-bawa dengan perasaan terhadap golongan sendri semata-mata.

Menyentuh tentang kedudukan ekonomi dan politik, Tun Razak berkata, buat masa ini kedudukan antara kaum dalam kedua bidang tidak seimbang sementara kekayaan negara masih belum dinikmati secara saksama.

Ini adalah kesan dari dasar penjajah yang telah memecahbelahkan perpaduan rakyat sehingga negara mewarisi berbagai masaalah sosio-ekonomi ketika mencapai kemerdekaan dahulu.

Oleh itu, kerajaan sedang berusaha menstabilkan keadaan supaya lahir kelak satu rupabangsa yang kuat, bersatupadu dan penuh semangat Malaysia serta satu masyarakat adil.

PTR. KD : 359 359/78.

SELASA, 25 MAC, 1975

Untuk mengelakkan penyelewengan

Tun: Adakan pengawasan rapi semua peringkat

TUN Abdul Razak mengingatkan Pegawai-pegawai Kemajuan Negeri supaya mengadakan pengawasan yang lebih rapi di semua peringkat dalam negeri masing-masing untuk mengelakkan sebarang penyelewengan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Katanya, penyelewengan dalam pelaksanaan rancangan pembangunan ini bukan saja menjejaskan kemajuan negara bahkan mencemar nama baik

K. LUMPUR, Isnin

Kerajaan.

Perdana Menteri menyatakan demikian semasa berucap di mesyuarat ke 10 Pegawai-pegawai Kemajuan Negeri di Bilik Gerakan Perdana Menteri di sini pagi ini.

Katanya, sebagai pegawai kerajaan persekutuan yang bertanggungjawab atas pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan di negeri-negeri, mereka hendaklah menjalankan tugas dan kewajipan dengan lebih dinamis dan berkesan lagi tanpa sebarang kebimbangan.

Sekiranya terdapat sebarang masaalah terutamanya dalam usaha memesatkan pelaksanaan rancangan-rancangan yang telah ditetapkan, mereka haruslah melaporkannya kepada pihak berkuasa Kerajaan Pusat mengenai masaalah itu jika mereka sendiri tidak dapat menyelesaikannya di peringkat negeri.

"Dengan demikian, langkah segera dapat diambil oleh peringkat pusat untuk mencegah kelambatan dalam sebarang pelaksanaan projek-projek pembangunan itu," kata beliau.

Demikinalah juga jika mereka mengetahui sebarang penyelewengan dalam pelaksanaan rancangan-rancangan untuk faedah rakyat, hendaklah sampaikan segera ke pengetahuan pihak berkuasa Kerajaan Pusat, sekalipun belum ada bukti-bukti terang mengenai penyelewengan tersebut.

Tun Razak menegaskan dengan cara ini, langkah segera dapat diambil supaya perkara seperti ini tidak berlanjutan.

Kawalan

Perdana Menteri berkata, tindakan seperti ini akan dapat menyelamatkan wang rakyat daripada disalah-gunakan juga dapat mengadakan kawalan-kawalan yang lebih ketat bagi mencegah perkara seperti itu berlaku ditempat-tempat lain.

Tun Razak berasa amat dukacita kerana terdapat setengah-tengah bantuan Kerajaan tidak sampai kepada rakyat yang berhak menerimanya.

"Oleh kerana ada orang-orang yang tidak menjalankan tugas dan kewajipan mereka dengan jujur maka pihak lain pula yang tidak patut menerimanya telah dapat menikmati kemudahan dan bantuan itu.

"Saya memandang berat terhadap berlakunya perkara seperti ini," tegas Tun Razak.

Menyentuh tentang Rancangan Buku Hijau, Perdana Menteri menyatakan beliau sangat puashati dengan sambutan rakyat setakat ini.

Beliau menyeru pegawai-pegawai Kemajuan Negeri supaya memberikan segala galakan untuk menentukan kejayaan Gerakan Bumijaya ini.

PTR. KD : 360 360/78.

8 orang lagi Setiausaha Politik angkat sumpah

KUALA LUMPUR, Isnin. — Lapan orang lagi Setiausaha Politik telah mengangkat sumpah di depan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak pagi ini.

Upacara setengah jam itu berlangsung di bilik Kabinet, Jabatan Perdana Menteri dan hadir sama dalam upacara itu ialah Setiausaha Bahagian Kabinet, Encik Abu Bakar bin Mohamad Noor.

Seramai 14 orang lagi Setiausaha Politik telahpun mengangkat sumpah beberapa masa lalu.

Mula-mula mengangkat sumpah ialah Setiausaha Politik kepada Timbalan Perdana Menteri, Encik Mustaffa bin Muhammad diikuti oleh Setiausaha Politik kepada Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-ekonomi, Encik Abdul Rahman Hamzah.

Lain-lain ialah Setiausaha Politik kepada Menteri Pelajaran, Encik Sidik bin Mohamad Ghouse; Setiausaha Politik kepada Menteri Kebajikan Am, Cik Zaleha Ismail; Setiausaha Politik

● *Setiausaha Politik kepada Menteri Kebajikan Am, Cik Zaleha Ismail sedang mengangkat sumpah di depan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak untuk jawatannya. — Gambar Berita Harian.*

BERITA HARIAN, RABU, 26 MAC, 1975

PTR-KA : 361 361/78.

Berbagai acara diadakan menyambut Maulud Nabi

KUALA LUMPUR, Selasa. — Umat Islam seluruh negeri hari ini menyambut Maulud Nabi dengan mengadakan berbagai acara keugamaan yang bertemakan Islam Memupuk Persaudaraan.

Di Ibunegara, kemuncak sambutan ialah perhimpunan di Padang Kelab Selangor dan perarakan yang di sertai oleh kira-kira 30,000 orang umat Islam dengan diketuai oleh Perdana Menteri, Tun Abdul Razak. (Lihat gambar-gambar oleh Berita Harian).

Umat Islam telah berhimpun di Padang Kelab Selangor sejak awal pagi lagi untuk mendengar titah ucapan Yang Dipertuan Agung dan ucapan Tun Razak sebelum perarakan dimulakan.

Perarakan telah bermula pada jam 8.30 pagi dan melalui beberapa batang jalanraya dan berakhir di perkarangan Masjid Negara.

Sebanyak 113 buah kumpulan dari berbagai pertubuhan, pejabat, Kementerian, Tentera dan Polis serta orangramai mengambil bahagian dengan membawa sepanduk-sepanduk yang berasaskan perpaduan dan persaudaraan.

Para peserta telah berselawat di sepanjang perarakan itu yang tamat pada kira-kira jam 10.30 pagi.

● Kaum wanita Islam, yang tua, yang muda juga tidak mahu ketinggalan menyertai perarakan Maulud Nabi di Kuala Lumpur pagi semalam.



Perarakan

Beribu-ribu orang termasuk yang bukan Islam telah menyaksikan perarakan tersebut di tepi jalan yang dilalui.

Sementara itu, di Kota Kinabalu, Ketua Menteri Sabah, Tun Datu Mustapha Datu Harun gembira kerana langkah Kerajaan hendak mengawal kemerosotan akhlak telah berkesan.

Ketua Menteri itu ketika berucap mengenai Maulud Nabi di Radio dan Talivisyen Malaysia di Kota Kinabalu petang semalam mengingatkan bahawa tanpa ugama dan sifat-sifat keharmonian yang murni, manusia akan tercebur ke alam hawa nafsu dan kehinaan.

Hanyut

Tanpa ilmu pengetahuan pula, mereka akan hanyut ke dalam kejahilan dan kesesatan, ujarnya.

Tun Datu Mustapha menerangkan di samping mengisi ilmu pengetahuan ugama untuk kepentingan rohani, mereka hendaklah mencari rezeki dengan cara halal di sisi ugama dan undang - undang untuk kepentingan jasmani.

Beliau menyeru seluruh masyarakat Islam supaya berusaha mempertahankan perpaduan, keharmonian dan kebahagiaan hidup.

"Banyak kisah perjuangan menegakkan syiar Islam di zaman dulu di mana kaum wanita dan lelaki bekerjasama dan berganding bahu boleh menjadi contoh kepada jenerasi sekarang," katanya.

BERITA HARIAN, RABU, 13 RABIULAWAL, 1395

26 mac 75

● Yang Dipertuan Agung sedang menyampaikan titah ucapan dalam sambutan Maulud Nabi yang diadakan di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur pagi semalam. Berada di pentas khas (baris pertama dari kanan), Tun Razak, Raja Permaisuri Agung dan Toh Puan Rahah sementara di baris belakang ialah Datuk Hussein Onn dan Datin Suhaila.

● Yang Dipertuan Agung sedang menerangkan sesuatu kepada Perdana Menteri, Tun Razak, sementara Raja Permaisuri Agung berbual mesra dengan Toh Puan Rahah di perhimpunan sambutan Maulud Nabi yang diadakan di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur pagi semalam.

Perarakan bermula dari Padang Kelab Selangor yang kemudian menjalui beberapa batang jalanraya dan berakhir di Masjid Negara.

AKU BACA BERITA MUHIB ALI AMBIL MASA IS AKU DAPAT TUA?

RTR us: 362 362/78.



● Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, dengan perasaan sedih sedang menurunkan tandatangan dalam buku belasungkawa kemangkatan Al-Malik Faisal di Kedutaan Arab Saudi di Kuala Lumpur tengahari semalam, sambil diperhatikan oleh Kuasausaha Kedutaan itu, Encik Ali Abdullah Al Fawzan. — Gambar Berita Harian.

Seri Paduka dan Tun dukacita dengan kemangkatan mengejut Malik Faisal

YANG Dipertuan Agung dan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, terharu dengan kemangkatan mengejut Al Malik Faisal Ibn Abdul Aziz, Raja Arab Saudi, semalam.

Seri Paduka Baginda, Perdana Menteri dan Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri hari ini menghantar kawat takziah kepada Al Malik Khalid ibn Abdul Aziz, Raja baru Arab Saudi.

Kawat takziah Seri Paduka Baginda berbunyi: "Beta sungguh terkejut dan berasa terharu atas kemangkatan DYMM Seri Paduka Baginda Al-Malik Faisal Ibn Abdul Aziz yang menyedihkan.

"Kemangkatan baginda menjadikan Arab Saudi kehilangan seorang putera yang agung dan setia dan dunia pula kehilangan seorang pemerintah yang termasyhur.

"Beta ingin menyampaikan melalui Seri Paduka Baginda, rasa dukacita dan ucapan takziah kepada kaum kerabat, Kerajaan dan rakyat Arab Saudi.

"Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh baginda."

K. LUMPUR, Rabu

Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, pula dalam perutusannya yang serupa juga menyatakan bahawa Almarhum Al Malik Faisal seorang pemerintah yang mempunyai perwatakan besar yang telah menyumbangkan khidmat yang tidak ternilai kepada Islam dan juga kepada keamanan dan keadilan dunia.

"Sumbangan Baginda yang tidak terhingga kepada umat Islam dan masyarakat dunia akan tetap dikenang sepanjang masa.

Kehilangan

"Dunia telah kehilangan salah seorang pemimpin yang paling terkemuka; kemangkatan Baginda merupakan kehilangan yang sangat dirasai oleh kita semua.

"Bagi pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia, saya mengucapkan kepada Seri Paduka Baginda, Kerajaan dan rakyat Negara Arab Saudi rasa simpati dan takziah kami.

"Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh Baginda" tegas Tun Razak, yang juga Menteri Luar, dalam perutusan itu.

Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Tengku Ahmad Rithauddeen, pula dalam perutusannya menyatakan: "Saya sungguh terharu di atas kemangkatan mengejut DYMM Seri Paduka Baginda Al-Malik Faisal Ibn Abdul Aziz Al Saud.

"Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan rasa simpati dan takziah kepada kaum kerabat Baginda. Semoga Allah mencucuri tahmat ke atas roh baginda."

Sementara itu, malam tadi, Tun Razak apabila mendapat berita kemangkatan Al-Malik Faisal, lalu menyatakan: "Saya berasa sungguh terkejut mendengar berita kemangkatan mengejut Al Malik Faisal yang menyedihkan.

"Baginda adalah seorang pemimpin yang diakui oleh seluruh dunia Arab dan dalam masa pemerintahannya. Baginda telah membawa kemajuan yang sangat besar kepada Arab Saudi.

"Baginda juga seorang raja yang bijaksana dan mempercayai dengan teguh akan perpaduan dunia Islam serta juga sahabat paling karib kepada negara Malaysia.

"Saya telah berpeluang mengadap Baginda semasa lawatan ke Arab

★ MUKA 12 ruang 1

Kehilangan kepada Malaysia

★ DARI MUKA 1

Saudi baru-baru ini dan Baginda telah menerima saya dengan penuh kemeseraan,

"Kemangkatan mengejut Baginda bukan sahaja merupakan satu kehilangan kepada dunia Arab malah juga kepada Malaysia."

Tengahari tadi Tun Razak telah mengetuai para menteri kebinetnya menandatangani buku belasungkawa kemangkatan Al Malik Faisal di Kedutaan Arab Saudi di sini.

Antara menteri yang sama dalam rombongan Tun Razak ialah Datuk Haji Asri, Tan Sri Manickavasagam, Datuk Hamzah Abu Samah, Datuk Musa Hitam, Tan Sri Lee Siok Yew, Encik Michael Chen, Datuk Ali Haji Ahmad dan Hajah Aishah Ghani.

Rombongan Tun Razak di Kedutaan itu disambut oleh Kuasausaha di situ, Encik Ali Abdullah Al-Fawzan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, juga telah menandatangani buku belasungkawa itu dalam rombongan yang berasingan.

Beribu-ribu rakyat dan para pemimpin negara ini datang menanda tangani buku itu, kerana saya mengetahui betul perasaan rakyat Malaysia terhadap Al Malik Faisal dan rakyat Arab Saudi, berasaskan terjalinnya ikatan persaudaraan yang begitu lama antara negara kami dan negara ini.

"Kemangkatan Al-Malik Faisal bagi rakyat Arab Saudi bukan sahaja berarti kami kehilangan seorang raja, tetapi kehilangan seorang bapa negara," kata Encik Al-Fawzan dengan suara sedih kepada para pemberita dan orang ramai yang berada di Kedutaan itu.

Sambil itu satu upacara sembahyang ghaib bagi roh Almarhum Al Malik Faisal akan diadakan selepas fardu Maghrib di Masjid Kolej Islam petang esok.

Sembahyang

Sembahyang ghaib itu anjuran Persatuan Mahasiswa Fakulti Islam

PTR KD: 363 363/75

CENDERAMATA untuk Perdana Menteri, Tun Razak di upacara perasmian Gabungan Persatuan Penjaja-penjaja dan Peniaga-peniaga Kecil Melayu disampaikan oleh Presidennya, Tengku Muhiyiddin Sulaiman di Kuala Lumpur semalam. — Gambar Berita Harian.

Arahan kepada semua syarikat ajensi Kerajaan Saham untuk pekerja: Tun

TUN Razak telah mengarahkan semua syarikat cawangan ajensi Kerajaan supaya menjual saham kepada pekerja masing - masing di samping Bumiputera yang lain.

K. LUMPUR, Khamis

Perdana Menteri berkata, langkah tersebut perlu untuk menjamin setiap rakyat benar-benar dapat menyertai bidang perniagaan dan perusahaan sambil menikmati keuntungan yang diperolehi oleh syarikat mereka.

Tun Razak menyatakan demikian ketika merasmikan penubuhan Gabungan Persatuan Penjaja-penjaja dan Peniaga-peniaga Kecil Melayu di sini, pagi ini.

Menurutnya, langkah itu mustahak kerana masih terdapat setengah - tengah kakitangan syarikat berkenaan tidak berkhidmat penuh dedikasi dan tidak menghiraukan untung-rugi syarikatnya.

"Mereka berfikir kerana syarikat-syarikat ini dikelolakan oleh Kerajaan, tidak menjadi masaalah sangat kepada mereka samada syarikat itu maju ataupun tidak dan samada untung atau rugi," tegas beliau.

Tun Razak berharap mereka hendaklah mengubah sikap masing-masing sambil meminta syarikat-syarikat swasta mengikut jejak langkah ajensi-ajensi Kerajaan.

Beliau juga menyatakan pandangan beratnya terhadap sikap negatif seperti itu kerana tujuan utama menubuhkan syarikat-syarikat tersebut ialah untuk memberi peluang kepada Bumiputera mengambil bahagian cergas dalam lapangan perniagaan.

Latihan

Di samping itu, tambahnya, Kerajaan juga berusaha untuk memberi latihan kemahiran kepada Bumiputera seperti yang dikehendaki dalam bidang perusahaan dan perniagaan.

Tun Razak meng-

Kerajaan sentiasa ambil langkah tolong B-putera

★ DARI MUKA 1

mempunyai peluang untuk menceburkan diri dalam lapangan perniagaan.

Tun Razak berkata, Kerajaan akan mengambil segala langkah un[tuk] menolong Bumip[utera] mencapai matlam[at] sebut termasuk ka beberapa r[ang]ru di Jengk[a] Tenggara Tenggar[a]

Beli[au] wasa[ha] ak[an] dup[at] bea[ran] ...endap[atan] ...an," ka[ta] Bellau ... perniaga-peniaga Bumiputera supa[ya] tiasa mengekalkan paduan dan harus m[en]jalankan kegiatan secara sistematik dan teratur tanpa terburu-buru.



SABTU, 29 MAC, 1975

PTR. KD. 364 364/78.

Tun mulakan lawatan ke Eropah 12 April ini

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dijangka akan berlepas ke Eropah 12 April depan untuk melakukan lawatan rasmi ke Sweden dan Perancis atas jemputan Kerajaan keduadua buah negara itu.

Menurut satu kenyataan Kementerian Luar hari ini, Tun Razak akan melawat Sweden dari 16 hingga 19 April dan Perancis dari 23 hingga 26 April.

Selepas melawat kedua-dua buah negara itu, beliau akan mengetuai perwakilan Malaysia ke mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komonwel di Kingston, Jamaica yang dijangka akan diadakan dari 29 April hingga 6 Mei.

Menyertai

Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen akan menyertai beliau di mesyuarat itu sebagai Timbalan Ketua dan mengambilalih Ketua Perwakilan selepas Perdana Menteri berlepas pulang pada 2 Mei.

Tun Razak dijangka sampai pulang ke Kuala Lumpur pada 5 Mei.

Semasa lawatan rasminya ke Sweden dan Perancis, Perdana Menteri akan diiringi oleh Toh Puan Rahah; Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zaiton Ibrahim; Ketua Setiausaha Sulitnya, Encik Zain Azraai dan Pengarah FIDA, Encik Mohamed Zain Haji Abdul Majid.

Lawatan Perdana Menteri ke Sweden dan Perancis khusus bertujuan berunding dengan pemimpin kedua-dua negara mengenai soal politik antarabangsa dan perkara ekonomi.

Mereka juga akan membincangkan hubungan dua hala yang menekankan kepada penggalakan pelaburan dan perdagangan serta pembangunan kerjasama ekonomi dan teknik dengan kedua-dua buah negara.

Perwakilan Perdana Menteri akan disertai oleh Duta-duta Malaysia ke Sweden dan Perancis semasa melawat kedua-dua buah negara itu.

Berita Minggu, Ahad, 30 Mac, 1975

PTR. KD: 365 365/78.

Tun: Adakan penyelidikan membolehkan petani2 mampu beli jentera

KUALA LUMPUR, Sabtu.

TUN Abdul Razak hari ini mahukan supaya diadakan satu penyelidikan bagi membolehkan para petani mampu membeli jentera-jentera untuk tujuan pertanian.

"Penyelidikan ini hendaklah bukan saja dari segi penyesuaiannya, tetapi juga dari segi harga, bagi membolehkan ramai petani mampu membelinya," kata beliau.

"Inilah satu cara bagaimana kita boleh membantu membasmi kemiskinan di kalangan petani di smping membolehkan mereka menjalankan perusahaan dengan menggunakan alat-alat moden," tambah beliau.

Perdana Menteri berucap merasmikan EXPO Jentera Syarikat United Manufacturers di Sungai Way, petang ini.

Mundur

Beliau berharap pihak-pihak yang terlibat dalam perusahaan pertanian akan memikirkan perkara tersebut dengan lebih lanjut dan mengambil tindakan wajar "bagi kebajikan kita bersama."

Tun Razak kesal jentera-jentera pertanian dan alat ganti amnya masih berharga tinggi yang hanya mampu dibeli oleh petani-petani yang sudah maju saja.

"Akibatnya petani-petani yang kurang berada dan mundur akan terus ketinggalan," tegas beliau.

Beliau berharap keadaan tidak seimbang dalam sektor pertanian ini dapat diatasi segera.

Tun Razak berkata, penggunaan jentera sangat penting dan mustahak sekali kerana ia merupakan alat revolusi pertanian.

"Ianya boleh menjamin kejayaan konsep memperhebat dan memperbagaikan jenis tanaman dengan tujuan perdagangan, sesuai dengan Rancangan Buku Hijau.

Walaupun matlamat rancangan tersebut hendak menggalakkan tiap-tiap keluarga bercucuktanam dan berternak cukup untuk kegunaan sendiri, tetapi Kerajaan juga menggalakkan petani-petani mampu menjalankan pertanian secara perdagangan.

Perdana Menteri berkata, Malaysia ialah negara pertanian dan kekayaan sumber alamnya hendaklah digunakan dengan sepenuh.

"Inflasi dan kemerosotan ekonomi yang dialami oleh kebanyakan negara, khasnya yang berasaskan industeri semata-mata patut dijadikan supaya memberi keutamaan pelajaran mengingatkan kita kepada perusahaan pertanian."

Beliau menambah: "Pontensi bidang ini amat luas asalkan saja dirancang dengan baik.

"Kerajaan sedar akan perkara ini dan sebab itulah dalam rancangan yang disusun sekarang, keutamaan diberi kepada pembangunan sektor pertanian seperti yang digariskan dalam Gerakan Buku Hijau."

Beliau mengulangi satu stratiji penting yang disusun dalam Rancangan Malaysia Kedua, sebagai langkah hendak membasmi kemiskinan dan meninggikan pendapatan rakyat desa ialah memodenkan sektor luarbandar.

Tun Razak berkata, dasar membandarkan Bumiputera juga perlu dilaksanakan.

Berita Minggu, Ahad, 30 Mac, 1975

PTR. KD: 361 365/78.

Detik bersejarah bagi mereka





BETAPA gembiranya hati kedua Olahragawan dan Olahragawati Kebangsaan — P. Gunalan dan Rani Kaur apabila diapit oleh dua orang pemimpin negara, Perdana Menteri Tun Razak di kanan dan Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan di kiri.

Keduanya sempat bergambar selepas disyt1harkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Kebangsaan 1974 di Kelab Taman Bunga, tengahari tadi.

Gunalan ialah pemain badminton terkenal, sementara Rani Kaur ialah pemain hoki wanita yang sedang meningkat. Keduanya berjaya mengalahkan calun-calun dari 21 buah Persatuan Sukan Kebangsaan yang lain dalam pertandingan tersebut.

Bagi Gunalan, inilah kali kedua beliau berjaya selepas tahun 1969 dan bagi Rani Kaur pula inilah kejayaan pertanannya.

Sementara gambar di kiri pula, Perdana Menteri Tun Razak kelihatan menyerahkan cek berharga $5,000 dari Rothman sebagai sumbangan khas kerana Gunalan berjaya memenangi gelaran tersebut.

Cek tersebut diserahkan kepada setiausaha Persatuan Badminton Malaysia, Encik Aziz Bokhari Bab.

Menurut peraturan, persatuan yang pemainnya berjaya terpilih akan menerima hadiah wang sebanyak $5,000 selain

BERITA HARIAN, SELASA, 1 APRIL, 1975

PTR.KD: 367 367178.

Makan dan kerja cukup untuk rakyat

Tun: Dasar utama tani dan indastri

KUALA LUMPUR, Isnin

TUN Abdul Razak berkata, Kerajaan berharap mengadakan bekalan makanan yang cukup dan peluang pekerjaan untuk rakyat melalui rancangan pertanian dan perindasterian.

"Itulah dasar utama kita yang telah dan akan terus kita laksanakan," katanya ketika berucap di majlis makan malam Persatuan Ekonomi Malaysia di sini, malam tadi.

Perdana Menteri percaya jika usaha itu dapat dicapai, Malaysia akan menjadi sebuah negara termaju di dunia.

Beliau berkata, dasar ekonomi Malaysia ialah "nasionalisma ekonomi" yang dikutip dari dasar-dasar terbaik dari semua teori dan diubah-suai dengan keadaan negara.

"Sementara kita menggalakkan perdagangan bebas bagi pembangunan yang pesat, kita juga mengambil langkah positif melalui rancangan pembangunan luar bandar untuk menolong golongan miskin dan kurang berada.

"Kita akan teruskan usaha ini supaya setiap warganegara dapat mencapai taraf hidup yang setanding dengan sebuah masyarakat yang moden dan progresif," katanya.

Tun Razak bangga kerana Malaysia telah berjaya mengatasi tekanan inflasi paling teruk, walaupun kesan-kesannya masih ada.

Tetapi beliau percaya dengan keadaan ekonomi negara yang stabil kesan-kesan tersebut tidak akan terasa lagi.

Perdana Menteri berkata, Malaysia mempunyai tanah yang cukup untuk pengeluaran makanan dan ini mesti menjadi perkara utama dalam dasar ekonomi negara di tahun-tahun akan datang.

Dalam pada itu juga, beliau menekankan, negara akan terus melaksanakan rancangan perindasterian dan di mana mungkin akan memproses bahan mentahnya sendiri untuk pasaran dunia.

Ini, kata beliau, penting untuk mengadakan lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat yang semakin bertambah.

Mengenai rancangan Buku Hijau, Perdana Menteri menjelaskan rancangan itu bertujuan menggalakkan rakyat di bandar dan luarbandar menanam lebih banyak makanan supaya mereka dapat bertahan dari tekanan inflasi.

Dunia mungkin menghadapi kekurangan makanan dan inilah masanya bagi Malaysia mengeluarkan sebeberapa banyak bahan makanan bukan saja untuk keperluan sendiri, bahkan untuk ekspot juga.

PTR.UD: 368 368/78.

RABU, 2 APRIL, 1975 —

Tun beri taklimat kepada anggota2 Parlimen Barisan

KUALA LUMPUR, Selasa. — Tun Abdul Razak hari ini memberi taklimat kepada ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, anggota jawatankuasa mengenai pertahanan dan hal ehwal luar.

Perdana Menteri telah mempengerusikan mesyuarat itu kerana pengerusinya, Tengku Ahmad Rithauddeen, Menteri Penerangan dan Tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar berada di luar negeri.

Seorang jurucakap Pejabat Perdana Menteri berkata Tun Razak telah memberi taklimat kepada anggota-anggota mengenai lawatannya ke negara - negara Teluk Arab baru-baru ini dan lawatannya akan datang ke Eropah.

Ahli-ahli Parlimen itu telah juga diberi taklimat mengenai perkembangan terbaru di Khmer dan Vietnam Selatan.

Hadir sama

Di antara anggota yang menghadiri mesyuarat itu ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad (timbalan pengerusi), Ketua Menteri Sarawak, Datuk Haji Abdul Rahman Yakob, Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Lim Chong Eu, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Encik Abdullah Majid dan Dr. Goh Cheng Teik, Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Encik Mustapha Ali, Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah, Tan Sri Mohamad Said Keruak dan Pengerusi LPN, Encik Mohamed Sopiee.

Di antara pegawai-pegawai yang hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian Luar Tan Sri Zaiton Ibrahim Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Tan Sri Abu Bakar Samad dan Ketua Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Ibrahim Ismail. — Bernama.

PTR.UD: 369 369/78.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 3 APRIL, 1975

Petronas kaji projek loji gas cecair

KUALA LUMPUR, Rabu. — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak memberitahu hari ini bahawa Petronas kini sedang mengkaji dengan teliti rancangan mendirikan loji gas cecair asli di Bintulu Sarawak.

Oleh kerana projek itu melibatkan modal berpuluh juta ringgit kajian yang teliti dan mendalam perlu dilakukan bagi mempastikan ia akan memberikan hasil, katanya semasa soal jawab di Dewan Rakyat hari ini.

Dengan itu beliau tidak dapat memberikan butir-butir mengenai projek itu sebagaimana dikehendaki oleh Encik Ting Ling Kiew (Snap-Bintulu) yang hendak mengetahui bila projek itu akan didirikan, syarikat mana mendapat tender menggunakan gas hasil projek itu dan jumlah sahamnya yang akan diberikan kepada rakyat Sarawak.

PTR.UD: 370 370/78.

BERITA HARIAN, SABTU, 5 APRIL, 1975

Tun harap muktamar ulama dapat gembeling segala tenaga...

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Tun Razak berharap Muktamar Ulama Malaysia minggu depan dapat menggembeling dan menyatukan segala tenaga bagi mengubah sikap serta menguatkan tekad umat Islam negara ini menghadapi zaman cabaran dan dugaan hari ini.

Dengan itu, katanya, rakyat Islam akan benar-benar faham peranan mereka terhadap kewajipan sebagai umat Islam bagi meninggikan syiar dan keperibadian Islam.

Perdana Menteri berkata demikian dalam perutusannya kepada Muktamar Ulama Malaysia yang akan berlangsung dua hari di Dewan Kolej Islam, Kelang, mulai 12 April.

Beliau berharap muktamar itu akan mengemukakan sesuatu usul baru bagi mengekalkan imej dan keperibadian masyarakat Islam negara ini yang memang terkenal dan dihormati oleh negara-negara Islam di dunia.

Tun Razak juga berharap segala persetujuan yang dicapai mencerminkan pendapat bulat segenap lapisan masyarakat yang ingin membawa negara ini ke arah kemajuan tinggi.

Kemajuan

Katanya: "Saya berharap apa juga keputusan dibuat dalam muktamar ini benar-benar mencerminkan hasrat dan azam kita hendak meninggikan syiar Islam di negara ini supaya nama Malaysia akan terus harum di kalangan negara-negara Islam."

Tun Razak yakin hanya dengan sama menitikberatkan lapangan rohaniah dan kebendaan kemajuan yang diperolehi akan benar-benar seimbang dan tidak terkeluar dari garisan dan panduan ugama Islam, ugama rasmi kita.

Beliau menambah walaupun beliau akan berada pun semasa muktamar di luarnegeri, semangatnya akan tetap bersama dengan para alim ulama dan pesertanya.

Tiga kertaskerja akan dibincangkan dalam muktamar tersebut.

Kertaskerja pertama bertajuk Ke arah Bentuk Pendidikan Islam Yang Dapat Mempertahankan Mutu Pengajian dan Keperibadian Islam, disediakan oleh Encik Ali Taib dari dari Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya.

16.

Berita Minggu, Ahad, 13 April, 1975

PTR. WA : 371 371/78.

Malaysia iktiraf sebarang kerajaan baharu Kemboja



TUN RAZAK

Oleh SHAFIE NOR

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Malaysia akan mengiktiraf sebarang kerajaan baru yang memegang kuasa di Kemboja, Tun Razak menyatakan malam ini sebelum berlepas ke Eropah dan Jamaica.

"Kita tidak akan menyebelahi mana-mana pihak dan menerima keputusan rakyat Kemboja serta menyokong Kerajaan yang mereka pilih," tambah Perdana Menteri.

Tun Razak mengulas laporan anjensi-ajensi berita yang menyebut Putra Norodom Sihanouk sebagai berkata bahawa Malaysia dan lapan negara lain tidak dibenar membuka semula kedutaanya di Phnom Penh kecuali negara-negara tersebut mengiktiraf Kerajaan sebelum ia dibentuk.

Tun Razak berkata: "Ini adalah bertentangan dengan prinsip mengiktiraf sebuah Kerajaan yang belum benar-benar lagi berkuasa di negara tersebut.

"Saya berharap apa jua Kerajaan yang akan wujud di negara itu akan bekerjasama dengan kita supaya kita dapat menjadikan Asia Tenggara rantau aman, bebas dan berkecuali," ujarnya.

Tun Razak berkata, perkembangan itu sangat penting bagi Malaysia yang sedang memerhati lebih dekat keadaan di Kemboja.

Tun Razak telah mengadakan satu sidang

■ Muka 14 ruang 4

Tun dijangka tiba balik pada 5 Mei

★ DARI MUKA 1

akhbar khas petang ini mengenai lawatan beliau ke Eropah dan Jamaica, selama tiga minggu hingga 2 Mei.

Beliau ke Eropah untuk melakukan lawatan rasmi ke Sweden (16 hingga 19 April) dan Perancis (23 hingga 29 April) dan singgah dua hari di London.

Lawatan beliau ke Sweden dan Peranchis sebagai membalas jemputan Kerajaan kedua negara tersebut.

Selepas itu, Tun Razak akan mengetuai perwakilan Malaysia ke sidang Ketua-Ketua Kerajaan Komonwel di Kingston, Jamaica, mulai 26 April hingga 6 Mei.

Tun Razak berkata beliau akan menyertai sidang tersebut hingga 2 Mei sahaja dan selepas itu Menteri Penerangan dan Tugas-Tugas Khas mengenai halehwal luar, Tengku Ahmad Rithauddeen, akan memimpin perwakilan Malaysia.

Beliau dijangka tiba balik pada 5 Mei.

Rombongan Tun Razak, termasuk isterinya, Toh Puan Hajjah Rahah; Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zaiton Ibrahim; Ketua Setiausaha Sulitnya, Encik Zain Azraai dan Pengarah FIDA, Encik Mohamad Zain Haji Abdul Majid.

Dalam sidang akhbar itu selain menghuraikan jadual lawatan beliau, Tun Razak sekali lagi menegaskan pendirian Malaysia yang tidak mahu campurtangan dalam halehwal Vietnam dan Kemboja.

"Kita mahu rakyat kedua-dua negara itu menyelesaikan masalah mereka sendiri kerana mereka telah lama menderita," tegasnya.

PTR. WA : 372 372/78.

Berita Minggu, Ahad, 13 April, 1975 (

Tun Razak dan Putera Bernhard dari Belanda sedang menandatangani perjanjian mengenai "rancangan kutipan jualan syiling Tabung Kehidupan Liar Dunia" semalam.

Putera Bernhard akhiri lawatan

KUALA LUMPUR, Sabtu.— Yang Dipertua Tabung Kehidupan Liar Dunia, Putera Bernhard dari Belanda berlepas ke Nepal dalam perjalanan melawat negara-negara Asia.

Beliau telah berada di Malaysia selama dua hari dan telah mengadakan rundingan dan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin negeri ini.

Beliau telah diucapkan selamat jalan oleh Menteri Tanah dan Galian, Datuk Haji Mohamed Asri Muda, Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Nik Kamil yang juga Pengerusi Tabung Kehidupan Liar Malaysia.

Putera Bernhard ketika berada di sini telah berunding mengenai rancangan perlindungan kehidupan liar di Malaysia dan rantau Asia.

Beliau menemui Perdana Menteri, Tun Abdul Razak semalam dan telah menandatangani perjanjian penyertaan Malaysia dalam rancangan kutipan jualan syiling untuk membiayai rancangan perlindungan dan pemeliharaan kehidupan liar.

Di bawah rancangan itu Bank Negara Malaysia akan mengeluarkan syiling emas $500 dan syiling perak $25 dan $15 bulan Disember ini atau awal tahun depan untuk dijual kepada orangramai.

PTR. KA : 373 373/78

Berita Minggu, Ahad, 13 April, 1975



Perdana Menteri, Tun Abdul Razak yang juga Yang Dipertua St. John Ambulan Malaysia, sedang menyampaikan pingat Serving Sister (SS. St. J.) kepada Cik Saw Liew Kim.
Upacara penyampaian itu diadakan di Kuala Lumpur malam kelmarin. — Gambar Berita Minggu.

'Libatkan diri dlm kegiatan sukarela'

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Tun Abdul Razak menyeru para belia melibatkan diri dalam kegiatan pertubuhan sukarela seperti St. John Ambulan bagi menjauhkan diri dari kegiatan yang tidak diingini dan mudarat.

Beliau lalu menyeru para ibubapa supaya menggalakkan anak mereka menyertai pertubuhan-pertubuhan seperti itu bagi mengasuh kepimpinan dan mendapat latihan.

Kata Tun Razak, kesedaran yang mereka perolehi menerusi pertubuhan seperti itu dapat menolong mereka menjadi rakyat yang berdisplin baik dan berguna kepada negara di masa depan.

Perdana Menteri telah berucap di majlis jamuan dan penyampaian pingat dan hadiah St. John Ambulan di sini malam tadi.

Tun Razak memuji persatuan itu atas sumbangannya kepada kempen menghapus nyamuk aedes yang dilancarkan oleh Kementerian Kesihatan, di samping memberikan pertolongan cemas di upacara-upacara kebesaran dan sambutan.

Seramai tiga orang menerima bintang "officer of the order of St. John", 16 orang "serving brother of the order of St. John", tiga orang "serving sister of the order of St. John" dan 16 orang lagi pingat perkhidmatan "order of St. John" daripada Perdana Menteri.

Kegiatan

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Kadir Shamsuddin, selaku Pemerintah Agung Briged memberitahu Persatuan St. John memerlukan wang yang cukup bagi menjalankan kegiatan terutama sekali dalam memberikan pertolongan cemas kepada penduduk.

Beliau menyeru agar Kerajaan menambahkan peruntukan sebanyak $35 ribu sekarang kepada $50 ribu.

Di samping itu, Kerajaan, pihak swasta dan orang perseorangan boleh membantu dalam kutipan derma seperti hari bendera yang akan di lancarkan tidak lama lagi.

Di akhir upacara itu, isteri Tan Sri Kadir, Puan Sri Zainab menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan pertolongan cemas dan rawatan.

PTR.KA : 374 374/78

RABU, 16 APRIL, 1975

Terimakasih, kata Tun

LONDON, Selasa. — Tun Abdul Razak hari ini mengucapkan terimakasih kepada para pengundi di kawasan Dewan Negeri Merbok di Kedah atas kepercayaan mereka terhadap Kerajaan dengan memilih calun Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil kawasan itu.

Perdana Menteri memberitahu Bernama bahawa sebagaimana yang dijangkakan Barisan Nasional akan menang walaupun dengan kelebihan undi yang kecil.

"Kita tidak berasa terlalu keciwa tetapi lebih dari itu mungkin dapat dicapai," katanya.

Tun Razak juga menyebut tentang kelemahan kawasan itu disebabkan oleh persengketaan di kalangan ahli-ahli UMNO.

Calun Barisan Nasional, Encik Hashim bin Haji Othman memenangi pilihanraya kecil itu dengan kelebihan 136 undi mengalahkan lawannya dari Partai Sosialis Rakyat Malaya (PSRM), Encik Kassim Ahmad dan calun Bebas, Encik Ismail bin Man.

Encik Hashim mendapat 5,418 undi sementara Encik Kassim 5,282 undi dan Encik Ismail 211 undi. — Bernama.

PR.OS: 375 375/78

BERITA HARIAN, KHAMIS, 24 APRIL, 1975

Tun Razak sifatkan lawatan ke France 'kemajuan besar'

PARIS, Rabu. — Tun Abdul Razak malam ini mensifatkan lawatannya ke sini sebagai satu "kemajuan besar" bagi mengerat dan menguatkan lagi hubungan antara Malaysia dengan Perancis.

Bercakap dalam majlis jamuan meraikannya oleh Perdana Menteri Perancis, Encik Jacques Chirac di sini, Tun Razak berkata, peluang-peluang untuk meluaskan lagi kerjasama antara kedua-dua negara masih luas.

Lawatannya ke sini akan memberi kesempatan kepadanya untuk meninjau peluang-peluang memperbaiki lagi kerjasama antara kedua-dua negara.

Beliau yakin rundingannya dengan Presiden Perancis, Encik Valery Giscar D'Estaing esok dan rundingannya dengan Encik Chirac awal hari ini akan dapat memperbaharui lagi ikatan dan hubungan kerjasama yang telah sedia ujud.

Walaupun dari segi sejarah hubungan antara Malaysia dengan Perancis tidak banyak tetapi tidak pula menghalang kedua-dua buah negara memupuk hubungan yang lebih erat menurut semangat kerjasama antarabangsa.

Penting

Ini ialah kerana kedua-dua negara mempunyai banyak persamaan dalam perkara-perkara antarabangsa khasnya berhubung dengan hal ehwal Asia Tenggara.

Malaysia mempunyai penuh kepercayaan bahawa setiap negara bergantung kepada satu sama lain merupakan satu faktor penting dalam hubungan antarabangsa dan hubungan itu merupakan contoh semangat tersebut.

Perancis, kata Tun Razak, adalah terkenal kerana mempunyai semangat persefahaman dan simpati terhadap masalah-masaalah yang dihadapi oleh negara-negara membangun dan contoh yang jelas sekali ialah hubungannya dengan Malaysia.

Tun Razak mensifatkan lawatannya itu dapat memupuk lagi hubungan yang lebih positif antara Malaysia dengan Perancis yang telah ujud sejak beberapa tahun lalu. — Bernama.

PTR.KA: 376 376/78.



TUN RAZAK

Malaysia suarakan perasaan bimbang terhadap pengedar senjata haram...

Tun: Awas seludup senjata2 AS

KINGSTON, Jumaat

TUN Abdul Razak bimbang kalau-kalau senjata moden Amerika yang berharga beribu-ribu juta ringgit jatuh ke tangan golongan - golongan pemberontak di Asia Tenggara dan lain-lain bahagian dunia berikutan penyerahan diri Kerajaan Saigon baru-baru ini.

Dalam satu wawancara khas dengan akhbar Observer, Tun Razak berkata ia telah mengarahkan pihak berkuasa di Malaysia waspada terhadap kemungkinan ini .

Katanya, banyak senjata yang dibekalkan oleh Amerika kepada Kerajaan Vietnam Selatan dulu mungkin telah ditinggalkan begitu sahaja atau terlepas ke tangan pengedar-pengedar senjata haram berikutan dengan penyerahan diri itu.

Beliau tidak menolak kemungkinan sebilangan senjata itu telah diseludupkan masuk ke Malaysia untuk kegunaan pengganas-pengganas komunis.

Bagaimanapun, beliau yakin kerajaannya dapat menghadapi keadaan ini walaupun penggganas-pengganas itu mungkin telah mendapat perangsang sedikit dan memperhebatkan gerakan-gerakan mereka.

Beliau menjelaskan bahawa keadaan di Malaysia adalah berlainan dari di Vietnam. Di Malaysia komunis adalah pengganas kerana mereka menentang sebuah kerajaan yang sah dipilih oleh rakyat.

Tun Razak berkata ia yakin kerajaan baru di Saigon tidak akan membekalkan senjata Amerika yang ditawan atau ditinggalkan itu kepada pengganas-pengganas di Malaysia.

"Apa yang membimbangkan saya ialah kalau - kalau senjata itu diseludupkan ke Malaysia oleh penyeludup-penyeludup senjata yang mencari keuntungan diri sendiri.

Tun Razak berkata walaupun dengan apa

★ Muka 12 Ruang 1

Tahniah Tun kepada Vietcong

★ Dari Muka 1

yang telah berlaku di Vietnam, beliau masih tidak mempercayai teori Domino yang dipegang oleh Amerika — bahawa jika sebuah negara jatuh kepada komunis maka negara-negara jirannya dengan sendirinya akan terancam.

Beliau memberi tahniah kepada Vietcong kerana kemenangan mereka.

"Mereka telah berjuang untuk membebaskan tanahair mereka selama berpuluh-puluh tahun," tambahnya.

Tun Razak berharap bila mereka menubuhkan sebuah kerajaan di Saigon — beliau akan mengiktiraf kerajaan ini, sama seperti yang dibuatnya terhadap kerajaan di Hanoi.

Tun Razak juga mengharapkan semoga kerajaan baru itu akan mengutamakan pembangunan setelah mengalami kerosakan teruk akibat peperangan yang berlarutan selama 30 tahun.

Bila diminta memberi pendapatnya mengapa British dapat mengawal keganasan pengganas di Malaysia semasa mereka memerintah dahulu sedangkan Amerika gagal di Vietnam, Tun Razak berkata: "British mendapat sokongan dari rakyat.

"Mereka berjanji akan memberikan kemerdekaan dan janji itu dipenuhkan dalam tahun 1957 hanya dua tahun selepas mengalahkan musuh."

18

PTR.45 : 377 377/75.

Keadaan di Malaysia lain dari Vietnam

Tidak ada bahaya: Tun

SAMBIL berjalan, Tun Razak ya ng tiba balik dari Jamaica petang semalam, berbual-bual dengan Menteri Halehwal Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie.

Di kanan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luarbandar, Encik Ghafar Baba yang memangku jawatan Perdana Menteri sepeninggalan Tun Razak di luar negeri. — Gambar Berita Harian.

K. LUMPUR, Ahad

MALAYSIA tidak menghadapi bahaya yang timbul berikutan kejayaan-kejayaan komunis di Vietnam Selatan dan Kemboja, kata Tun Razak setiba balik dari Jamaica petang ini.

Perdana Menteri memberi alasan: "Ini kerana keadaan di Malaysia dan keadaan di sana sangat berlainan."

Ketibaan beliau di Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang telah disambut oleh para menteri, anggota-anggota diplomat asing dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan termasuk isterinya Toh Puan Hajjah Rahah.

Jaminan Mao

Bercakap dalam satu sidang akhbar, Tun Razak berkata rakyat di Indochina berjuang untuk membebaskan negara mereka dari pengaruh dan kekuasaan asing.

Tetapi perjuangan mereka itu berlainan dengan pengganas-pengganas di Malaysia yang semata-mata mengganas," ujar beliau.

Tun Razak lalu mengulas kembali jaminan Pengerusi Mao Tse Tung bahawa pengganas-pengganas di Malaysia ialah "masaalah dalam negeri" dan Malaysia boleh bertindak mengikut caranya sendiri.

"Jika pengganas-pengganas itu benar-benar hendak berkhidmat kepada rakyat, mereka bolehlah meletakkan senjata dengan syarat-syarat damai dan jangan meneruskan perjuangan bersenjata.

"Peking juga telah memberi jaminan bahawa mereka tidak akan mengekspot penentang-penentang Kerajaan ke Malaysia," tegas Tun Razak.

Menjawab satu pertanyaan, Tun Razak berkata Malaysia belum berniat untuk mengundang Kerajaan-Kerajaan Kemboja dan Vietnam Selatan ke sidang para Menteri Luar ASEAN di sini 13 Mei ini.

"Kita terpaksa memerhatikan dulu kerajaan-kerajaan baru itu dan membiarkan mereka bertapak serta me-

★ Muka 12 Ruang 9

PTR. KA : 378 378/75

Berita Harian 5 Mei 75.

'ELOK DIADAKAN PUNCAK ASEAN'

★ DARI MUKA 1

nyelesaikan masalah-masaalah mereka segera.

"Kita telah pun mengiktiraf kedua-dua kerajaan baru itu, tetapi terlalu awal untuk kita mengundang mereka menghadiri sidang para Menteri Luar ASEAN," ujar beliau.

Bagaimanapun, kata Tun Razak ASEAN sedia bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan baru tersebut sambil membantu pembinaan semula negara yang menghadapi perang lebih 30 tahun itu.

"Tetapi kerajaan-kerajaan baru itu patutlah diberi peluang bertapak dulu dan menyelesaikan segera masaalah-masaalah yang mereka hadapi," kata Tun Razak lagi.

Tun Razak berharap sidang para Menteri Luar ASEAN kelak akan mengemaskan rangka asas dasar kawasan keamanan, kebebasan dan perkecualian Asia Tenggara.

"Eloklah juga diadakan sidang kemuncak ASEAN untuk meluluskan rangka asas tersebut," tambahnya.

Bercakap mengenai lawatannya ke Sweden, Perancis, United Kingdom dan sidang para ketua Kerajaan Komanwel di Kingston, Tun Razak berkata:

"Lawatan saya ini sangat berhasil meletakkan asas perhubungan yang lebih kuat dengan negara-negara Eropah dan Komonwel."

Tun Razak berkata, waktu di Kingston beliau telah menemui para pemimpin Komonwel dan bertukar-tukar pendapat mengenai masaalah semasa untuk memupuk kerjasama yang lebih besar antara Malaysia dan negara-negara anggota Komonwel yang lain.

Katanya, beliau gembira melihat kebanyakan pemimpin negara-negara Eropah yang ditemuinya mempunyai pandangan yang sama dalam usaha Malaysia untuk mengujudkan rantau aman,bebas dan berkecuali di Asia Tenggara.

Tun Razak berkata, di Britain, beliau telah berunding dengan Perdana Menteri Harold Wilson tentang hubungan duahala dan halehwal antarabangsa.

Menurutnya, dalam rundingan itu juga beliau telah menimbulkan soal menstabilkan harga hasil-hasil utara Malaysia termasuk getah dan bijih timah.

Tun Razak berkata, Ketua Pembangkang dari Parti Konservatif, Puan Margaret Thatcher telah berbincang dengan beliau mengenai masalah-masalah semasa.

Tun dan Datuk Hussein dicalunkan

5 mei 75

KANGAR, Ahad. — UMNO Bahagian Perlis Utara mencalunkan Tun Abdul Razak dan timbalannya, Datuk Hussein Onn, masingmasing sebagai Presiden dan Timbalan Presiden Umno Malaysia di Perhimpunan Agung UMNO Malaysia di Kuala Lumpur Jun depan. Setiausahanya, Encik Ali Ahmad berkata hari ini, bahagian itu dalam sidang perwakilannya di sini Jumaat lalu juga meluluskan empat usul untuk dibawa ke perhimpunan agung nanti.

Antara usul-usul tersebut ialah:

● Mendesak kerajaan meluaskan penglibatan Bumiputra dalam kegiatan penanaman padi dan usaha-usaha yang bersangkutan dengannya saperti memborong, memproses dan mengedar, dan

● Mendesak kerajaan mengarahkan Petronas menyediakan latihan-latihan kepada Bumiputra di semua bidang dalam perusahaan petroliam.

BERITA HARIAN, ISNIN, 5 MEI, 1975

PTR. KA : 379 379/78.

Menteri2 sambut ketibaan Tun

PARA menteri dan diplomat asing dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan telah menyambut ketibaan balik Tun Razak dari Jamaica di lapangan-terbang antarabangsa Kuala Lumpur di Subang petang semalam.

Kelihatan Tun Razak sedang [illegible] salam dengan Menteri, Datuk Abdullah Ahmad.

Di sebelah kiri Tan Sri Chong ialah Timbalan Menteri Pelajaran, Encik Chan Siang Sun; Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalan Menteri Kesih[illegible] Abu Ba[illegible]

PTR.KA : 380 380/78

BERITA HARIAN, JUMAAT, 9 MEI, 1975

PERDANA MENTERI
MALAYSIA

PERUTUSAN

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara dan Syarikat Boey Brothers Sendirian Berhad yang telah berjaya menubuhkan Dara Boey Brothers Gemstone Mine Sendirian Berhad untuk memproses batu permata yang terdapat di Bukit Ibam ini. Saya juga mengucapkan terimakasih kepada kedua-dua pihak ini kerana memberi penghurmatan kepada saya meresmikan kilang perusahaan batu permata yang pertama di Malaysia ini.

Perusahaan batu permata ini merupakan satu langkah kemajuan yang menempa sejarah kerana inilah perusahaan yang ulong di negara kita. Saya berharap lebih banyak lagi perusahaan dan kilang seperti ini di wujudkan di tempat atau kawasan di mana batu permata yang bermutu seperti ini boleh didapati.

Pada hemat saya munculnya perusahaan ini adalah petanda baik bagi masa depan negara kita dan saya percaya dengan adanya usaha-usaha mencari kawasan-kawasan dimana batu permata yang bernilai boleh didapati maka hasil negara kita akan bertambah. Dengan adanya hasil dari minyak dan gas dan sekarang ini batu permata, rakyat akan dapat menikmati kekayaan dan kemakmuran negara.

Saya berharap apabila perusahaan ini telah berjalan sepenuhnya dan berkembang maju, maka peluang-peluang hendaklah diberi kepada pekerja-pekerja untuk memiliki saham supaya mereka benar-benar dapat berkhidmat dengan penuh semangat dedikasi untuk memajukan perusahaan ini.

Saya ucapkan selamat maju jaya.

Tunrazak.
(TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN)

Kuala Lumpur.
6hb Mei, 1975.



TUN RAZAK

BERITA HARIAN, JUMAAT, 9 ME

PTR.KA : 381 381/78

JUMAAT, 9 MEI,

TUN ABDUL RAZAK MENYAKSIKAN ADAT BERSIRAM.

• *GAMBAR bawah para tetamu khas yang turut menyaksikan istiadat bersiram.*

Kelihatan Tun Razak, Toh Puah Hajjah Rahah, Datuk Mohamad bin Jusoh, Tun Tan Siew Sin dan Tan Sri Omar Ong Yoke Lin

Di belakang (dari kanan) Datuk Hamzah Abu Samah dan Tok Puan Zainon. — Gambar-gambar Berita Harian oleh Soong Hon Sin.

PTR.KA : 382 382/78.

Tun seru kesatuan sekerja contohi kegiatan Kesatria

KUALA LUMPUR, Khamis — Kesatuan-kesatuan sekerja diseru mencontohi kegiatan Kesatuan Pekerja Awam Angkatan Tentera (Kesatria) membantu perbelanjaan persekolahan anak-anak ahlinya.

Perdana Menteri, Tun Abdul Razak membuat seruan itu dalam perutusannya sempena tayangan filem perdana "Laki-laki Pilihan" anjuran Kesatria yang akan berlangsung di sebuah pawagam disini malam esok, untuk memungut derma tabung kebajikan Kesatria dan Tabung Pembinaan Tugu Kuala Lumpur.

Beliau mengucapkan tahniah kepada kesatuan itu atas kejayaannya memberi sumbangan wang sebanyak $15,000 untuk perbelanjaan persekolahan anak-anak ahlinya tahun ini.

"Rancangan seperti ini haruslah menjadi contoh yang baik kepada kesatuan-kesatuan sekerja yang lain di negara ini," katanya.

Berita Minggu, Ahad, 11 Mei, 1975

PTR.WA: 383 383/78

TUN RAZAK

BINA BANGUNAN: KEUTAMAAN KHAS BAGI KAYUKAYAN

KUALA ROMPIN, Sabtu — Tun Abdul Razak hari ini mengarahkan Kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan berkanun memberi keutamaan khas menggunakan kayukayan tempatan membina bangunan - bangunan pejabat dan rumah.

Katanya, balai - balai raya juga akan dibina dengan kayukayan keluaran tempatan.

Arahan ini, kata Tun Razak, ialah sebagai langkah menggalakkan penggunaan yang lebih besar kayukayan keluaran tempatan.

Perdana Menteri membuat arahan ini ketika berucap merasmikan Kilang Syarikat Dara Lockwood di Lanjut di sini petang ini.

Keyakinan

Tun Razak berkata rakyat Malaysia harus mempunyai keyakinan terhadap kebaikan kayukayan tempatan dalam pembinaan bangunan dan perumahan.

Beliau juga berharap lebih banyak pasaran di Eropah terutama di Asia Barat dapat diperolehi untuk mengekspotkan kayukayan Malaysia.

"Ini bukan saja akan mendatangkan keuntungan pertukaran wang asing yang lebih banyak tetapi juga untuk memperkukuhkan keluaran kayu di pasaran luar negeri," tegas beliau.

Pada masa ini, rumah-rumah yang diperbuat daripada kayu oleh Syarikat Dara Lockwood diekspot ke Australia.

Tun Abdul Razak menegaskan bahawa keutamaan harus diberi kepada bahan-bahan tempatan dalam aktiviti-aktiviti pembangunan nasional.

Menyekat

Menurut beliau, kayukayan tempatan harus dipakai untuk pembinaan rumah dan pejabat, khasnya di projek Pahang Tenggara.

Katanya, rumah - rumah kayu tidak patut lagi dianggap sebagai rumah sementara oleh setengah-tengah pihak selama ini.

Rumah-rumah ini, katanya, bukan saja tahan malah tidak kalah dari rumah batubata dan "rumah batubata juga boleh terbakar,' katanya.

Perdana Menteri berkata undang - undang yang menyekat kemajuan pembinaan rumah papan harus dikaji semula.

Beliau menyeru rakyat Malaysia membina lebih banyak rumah papan kerana kayukayan Malaysia bermutu tinggi.

Mengenai Syarikat Dara Lockwood, Tun Razak berkata projek itu telah dapat memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk - penduduk di sekitar Lanjut yang telah diberhentikan kerjanya berikutan tertutupnya Syarikat Pelombongan Rompin.

Puashati

Syarikat itu telah disifatkan oleh Tun Razak sebagai satu contoh yang baik dalam usaha Kerajaan membawa perindastrian ke daerah-daerah luar bandar.

Tun Razak juga menyebut bahawa Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara pada masa ini sedang menyediakan satu plan induk untuk pembangunan di kawasan Lanjut.

Beliau berharap bila pelan induk itu dilaksanakan, lebih banyak projek perindastrian akan didirikan di Lanjut.

Beliau juga menyeru sektor swasta melaburkan modal mereka untuk projek-projek perindastrian di kawasan itu.

Terdahulu dari itu, bercakap kepada para pemberita selepas melawat ke Ladang Teh Darateh di Bukit Ridan, Tun Razak berkata beliau puashati dengan kemajuan yang telah dicapai oleh Pahang Tenggara dalam projek itu sejak dua tahun lalu.

Bagaimanapun, beliau berkata projek itu sedang mengadapi kekurangan tenaga pekerja untuk berbagai projek yang dijalankan.

Menurutnya, sebuah lapanganterbang akan dibina di antara Bukit Ridan dan Rompin.

Catatan: Dara Lockwood ialah projek usahasama antara Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara The New Straits Times dan Lockwood New Zealand.

RITA HARIAN. ISNIN. 12 MEI. 1975

PTR. 45 : 384 384/75.



TUN TEKUN MENGUJI BATU PERMATA KITA

TUN RAZAK dengan tekun sedang menguji Jade Dara — batu permata keluaran Malaysia di sebuah kilang memproses di Pahang kelmarin dengan disaksikan oleh Toh Puan Hajjah Rahah.

★

Tun Razak ketika merasmikan kilang memproses batu permata Syarikat Dara Boey Gem Stone Mine Sdn. Berhad itu telah rasmi menamakan batu itu sebagai Jade Dara.

★

Inilah kilang pertama di Malaysia memproses batu permata keluaran tempatan yang menurut Perdana Menteri sendiri, mutunya sama dengan yang dikeluarkan di Burma dan Sri Lanka. — Gambar Berita Harian.

BERITA HARIAN, ISNIN, 12 MEI, 1975

PTR. 45 : 385 385/75

Pantai Timur akan jadi pusat pembangunan

PULAU TIOMAN, Ahad.

TUN Abdul Razak berkata negeri-negeri Pantai Timur akan menjadi pusat kegiatan pembangunan tidak lama lagi yang akan menarik lebih ramai para pelabur dan ahli perusahaan.

Ianya juga akan menjadi tumpuan para pelancong dan pekerja bila kegiatan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga berjalan pesat kelak.

"Pelaksanaan semua rancangan pembangunan ini akan memboleh-kan negeri-negeri Pantai Timur memasuki satu zaman kemajuan dan kemakmuran yang lebih pesat pada tahun-tahun akan datang," katanya.

Perdana Menteri telah merasmikan Kompleks Hotel Merlin-Samudra berharga $2.8 juta di sini hari ini.

Projek pelancongan tersebut ialah usahasama Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Pahang dan Faber Merlin Malaysia Berhad.

Tun Razak berkata di bawah Rancangan Malaysia Kedua, Kerajaan telah merangka satu stratiji untuk rancangan perindustrian yang pesat di negeri-negeri Pantai Timur.

Teratur

"Di bawah stratiji ini, pusat-pusat pertumbuhan baru dan kawasan perindustrian akan ditubuhkan sementara ba-

PTR. 45 : 386 386/75

Sebatang j-raya dibina dengan bantuan tentera

★ Dari Muka 1

wasan Pantai Timur yang cepat membangun," jelasnya.

Perdana Menteri menegaskan Kerajaan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan projak pelancongan di pulau ini.

Katanya, kemudahan-kemudahan asas di pulau ini seperti jalan, pengkalan udara, perkhidmatan tenaga dan talikom sedang dilengkapkan untuk menampung keperluan penduduk dan para pelancong.

"Kelengkapan kemudahan-kemudahan ini juga akan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan," katanya.

Sebatang jalanraya telah dibina dengan bantuan tentera untuk memudahkan perjalanan dari pengkalan udara ke hotel, sementara landasan pangkalan itu pula akan dipanjangkan.

Tun Razak yakin dengan adanya segala kemudahan dan pengurusan yang bijak "projek pelancongan ini akan menjadi satu projek yang mendatangkan hasil."

Katanya, Kerajaan telah mengambil keputusan mengecualikan cukai bagi beberapa jenis barang seperti rokok, alatsolek, arak dan minyak-wangi yang dijual di kawasan hotel itu.

Butir-butir lengkap sedang dikaji bersama oleh Pasukan Pertugas Pusat-Negeri, yang mengarahkan pembangunan projek pelancongan tersebut, Perbendaharaan dan Pengurusan Hotel.

Katanya, Kerajaan juga telah meluluskan beberapa kelab sukan untuk permainan para pelancong di hotel tersebut.

PTR. KB : 387 3871/78

Tokoh2 Asean khusuk

● Tun Razak sedang berucap merasmikan Persidangan Menteri-Menteri Luar Asean — Gambar Berita Harian

'Lupakan peristiwa lampau'

Asean tawar persahabatan

KUALA LUMPUR, Selasa. – Perdana Menteri berharap negara-negara Indochina melupakan segala kepedihan peristiwa lampau dan menyertai lain-lain negara Asia Tenggara bagi membina asas kerjasama dan keamanan yang kukuh di seluruh rantau ini.

Menurut beliau, negara-negara ASEAN seluruhnya bersedia bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan baru di Indochina dan menawarkan ikatan silaturrahim kepada masing-masing kerajaan.

"Adalah menjadi harapan saya kerajaan-kerajaan tersebut menyambut baik hasrat persahabatan lain-lain negara Asia Tenggara agar dapat bersama-sama membina rangkadasar keamanan dan kerjasama yang kukuh di rantau kita," ujarnya.

Tun Abdul Razak berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Kelapan Menteri-Menteri Luar ASEAN di Hotel Hilton selama tiga hari pagi tadi.

Beliau menjelaskan, rakyat Malaysia gembira dengan tamatnya rangkaian peperangan lebih tiga dekad di Indochina, dan mengharapkan satu zaman pembangunan semula negara-negara itu.

Kecuali

Perdana Menteri menambah, negara-negara ASEAN harus berusaha lebih gigih bagi menepati konsep Asia Tenggara yang berkecuali berikutan dengan perkembangan terbaru di Indochina.

Tun Razak menekankan asas pemikiran masadepan setiap rakyat ialah tanggungjawab bagi menentukan semua negara Asia Tenggara tanpa mengira ideoloji politik atau sistem sosial; supaya keamanan dan kemakmuran sentiasa terjamin.

sini. Tun Razak,

Malaysia, [illegible]an sejarah mengiktiraf [illegible]wang baru gara di Indoc[illegible]ak betelah mengadakan [illegible] kengan diplomatik dengat

PTR, KD : 388 388/78.

BERITA HARIAN, RABU, 14 MEI, 1975

Kemajuan Asean disanjung semua negara

★ Dari Muka 1

ngan wujudnya keamanan di rantau sini, perisytiharan Kuala Lumpur menjadi semakin bererti dan perlu di samping jangka waktu menjayakannya semakin dekat.

Perdana Menteri menjelaskan, sejak penubuhan ASEAN lapan tahun yang lalu, persatuan itu berjaya mengerat persaudaraan serantau yang lebih konstruktif.

Kemajuan ASEAN dikawal dengan baik bagi mengekalkan sikap berbaik-baik dengan semua negara tanpa berbentuk militar dan tidak mengamalkan sebarang ideoloji.

Model kenegaraan demikian mendapat sanjungan semua negara, termasuk kuasa-kuasa besar.

Tun Razak menjelaskan, kerjasama lebih luas pertubuhan-pertubuhan bukan-Kerajaan perlu; misalnya Konfederasi Wartawan-Wartawan ASEAN, Dewan Perniagaan dan Indastri ASEAN dan Persekutuan Majlis-Majlis Perkapalan ASEAN.

Beliau menyebut, sebuah jentera perunding harus disediakan bagi mempastikan kemampuan badan - badan swasta dapat digunakan untuk membantu kegiatan-kegiatan Kerajaan seluruh ASEAN.

Kerjasama serantau perlu mendapat galakan kerana ia adalah sebahagian dari corak kerjasama ASEAN di bidang-bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Hubungan kebudayaan dan sosial menerusi projek-projek ASEAN telah mempercepat lagi proses kerjasama di kalangan pertubuhan profesyenal dan bukan-kerajaan.

Kestabilan

Perdana Menteri menegaskan, jika Asia Tenggara ingin terus hidup subur masing-masing negara harus sanggup berdikari.

Menurut beliau, rahsia keselamatan dan kestabilan masadepan ASEAN tidak bergantung pada sikap perang dingin yang lapuk dan tidak sesuai untuk zaman kini.

Beliau menambah sidang juga harus memberi perhatian terhadap peranan dan pergolakan wanita dan belia yang mempengaruhi nilai hidup dan kekukuhan asas ekonomi dan sosial masyarakat ASEAN.

Tun Razak menjelaskan, kesedaran dan penyertaan popular di semua peringkat pembangunan aktiviti ASEAN perlu dibibitkan.

"Dengan cara ini, mereka dapat membantu usaha Kerajaan mewujudkan sebuah Asia Tenggara yang aman damai serta makmur," katanya.

Pengerusi sementara, Tun Adam Malik menegaskan, ucapan Tun Razak selama 30 minit itu membuktikan beliau seorang negarawan besar.

Terdahulu dari itu, para menteri luar telah mengiringi Perdana Menteri masuk ke dewan besar untuk merasmikan persidangan bersejarah itu.

Setelah semua wakil dan para menteri duduk, lagu tema ASEAN memulakan upacara jam 9.30 pagi itu.

Menteri Penerangan dan Tugas-Tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen mengetuai perwakilan Malaysia.

Tun Adam Malik, Menteri Luar Indonesia mengetuai perwakilan repablik tersebut.

Perwakilan Singapura diketuai oleh Menteri Luar, Encik S. Rajaratnam sementara Jen. Chartchai Choonhavan Menteri Luar Thai mengetuai perwakilannya.

Setiausaha Luar Filipina, Encik Carlos Romulo mengetuai perwakilan Filipina.

Pekerja2 LLN kirim kawat merayu kepada Tun Razak

KUALA LUMPUR, Selasa. — Kesatuan pekerja Lembaga Letrik Negara (LLN) hari ini telah mengutus kawat merayu Tun Abdul Razak campurtangan menyelesaikan pertikaian bersabit beberapa tuntutan kesatuan.

Kawat kepada Perdana Menteri itu antara lain berbunyi:

"Kami ketiga-tiga kesatuan dalam LLN telah mengambil keputusan bahawa pertikaian kami telah menempuh jalan buntu.

"Oleh itu kami minta Tun campurtangan dan sudi menggunakan jasa baik Tun untuk menyelesaikan pertikaian dan kami bersedia menghantar perwakilan menemui Tun."

Sementara itu Haji Othman Idris jurucakap kesatuan menegaskan: "Kesatuan Pekerja Lembaga (KPLLN) yang mewakili pekerja Bahagian IV dan IMG akan tetap melancarkan mogok pada 20 Mei ini jika satu penyelesaian tidak dicapai."

Notis mogok

Notis 14 hari mogok yang disampaikan oleh KPLLN kepada pihak pengurusan berakhir pada 19 Mei.

Kesatuan Pegawai Rendah (JOU) yang turut memberi notis mogok 14 hari itu juga akan melancarkan tindakan sama.

Sementara Kesatuan Perkhidmatan Teknik (TSU) yang telah mengedarkan kertas undi di kalangan ahlinya difahamkan akan turut bermogok.

Menurut Haji Othman lagi, pihak kesatuan tidak dapat menerima keputusan kerajaan untuk merujuk pertikaian tersebut kepada mahkamah perusahaan kerana itu akan memakan masa yang lama.

Tuntutan kesatuan yang belum selesai termasuk pengiraan tunggakan, bayaran kebelakangan elaun kerja lebih masa dan elaun dobi.

Haji Othman mengulangi hasrat kesatuan bersedia berunding pada bila-bila masa dengan syarat notis mogok terus berjalan.

Difahamkan Datuk Lee dalam pertemuannya dengan wakil-wakil tiga kesatuan petang semalam menasihatkan mereka supaya menarik balik notis mogok itu sebagai syarat untuk meneruskan rundingan.

Berita Harian 16 Mei 75.

PTR - Leb : 385 389/78

BERBARIS SEPANJANG 20 BATU

Ribuan rakyat Johor alu2kan lawatan Razak

RAKYAT Johor hari ini menyambut meriah ketibaan Perdana Menteri Tun Razak dan rombongannya di Lapanganterbang Senai pagi ini.

Tun Razak dan isterinya Toh Puan Hajjah Rahah serta beberapa orang menteri kabinet tiba di sini dengan sebuah jet khas dalam cuaca yang sederhana.

Lebih 20,000 rakyat Negeri Johor berbaris sepanjang jalan sejauh 20 batu dari lapanganterbang hingga ke rumah tetamu kenamaan Bukit Stulang untuk menyambut ketibaan Perdana Menteri yang pertama kali mengunjungi Negeri Johor sejak kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya tahun lalu.

Mereka telah berhimpun

JOHOR BAHARU, Khamis

di kiri kanan jalan sejak awal-awal pagi lagi menunggu dengan tenang.

Murid sekolah yang beribu-ribu banyaknya mengibarkan bendera Malaysia dan bertepuk tangan mengalu-ngalukan ketibaan Tun.

Tepung tawar

Ketibaan rombongan Perdana Menteri disambut oleh Menteri Besar Johor, Datuk Haji Othman Saat, dan isterinya serta pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, pegawai - pegawai tinggi kerajaan, orang-orang kenamaan lain.

Ketika tiba di lapanganterbang beliau telah ditaburkan beras kunyit dan tepung tawar oleh pemimpin-pemimpin kaum ibu UMNO Negeri Johor, sementara itu pasukan pancaragam Pemuda UMNO Negeri Johor serentak memainkan lagu "Tajuk Johor."

Tun Razak dan Toh Puan Rahah kelihatan gembira diperkenalkan oleh Menteri Besar kepada orang-orang yang menunggu.

Serentak itu pula paluan kompang bergema dan Tun diiringi dengan bunga manggar naik ke pentas membalas tabik barisan Pemuda dan Wanita UMNO serta MCA Johor.

Beliau kemudian memeriksa barisan kehormatan Pemuda dan Wanita UMNO dan MCA itu.

Turut serta dalam rombongan itu Menteri Perusahaan Utama Datuk Musa Hitam; Peguam Negara Tan Sri Kadir Yusof serta isteri, Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat Datuk Lee San Choon, Timbalan Menteri Datuk Mohamed Rahmat, Tan Sri Syed Nasir dan pegawai-pegawainya.

Murid2

Selepas itu dengan menaiki kereta bersama Menteri Besar beliau melalui perlahan-lahan barisan rakyat terutamanya rakyat sekolah disepanjang jalan dari lapanganterbang itu ke rumah tetamu kenamaan Bukit Stulang.

Sepanjang - panjang jalan rakyat dari segala bangsa telah mengalu-alukan ketibaannya dengan persembahan kebudayaan seperti tarian singa, tarian-tarian India, pencak silat dan lain-lain.

Di Tampoi Tun Razak dikalungkan bunga oleh Yang Dipertua Majlis Bandaran Johor Baharu Datuk Hussein Mohammad.

Sebelum itu di lapanganterbang, Tun Razak juga telah dikalungkan bunga oleh Menteri Besar sendiri.

Selepas tiba di rumah orang-orang kenamaan di Bukit Stulang Tun Razak kemudian mengadap Sultan dan Sultanah Johor di Istana Bukit Serene.

Mengadap

Beliau kemudian berlepas balik ke rumah tetamu Bukit Stulang dan selepas itu menghadiri majlis perjumpaan wa-

KUMPULAN silat ahli-ahli Wanita UMNO menyambut ketibaan Tun Razak ke Tampoi dengan persembahan silat. — Gambar Berita Harian.

PTR.KA: 390 390/78.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 16 MEI, 1975

Tun mahu Kerajaan sentiasa dampingi rakyat

JOHOR BAHARU, Khamis.

TUN ABDUL Razak hari ini menegaskan lagi bahawa kerajaan mestilah sentiasa berdamping rapat dengan rakyat bagi mengetahui lebih dekat masaalah-masaalah mereka dan cara mengatasinya.

Jika kerajaan sentiasa berdamping dengan rakyat, matalamat-matalamat negara dapat dicapai dengan mudah.

Ini juga akan dapat menghancurkan segala usaha anasir-anasir anti nasional untuk mempengarohi rakyat.

Bercakap kepada para pemberita selepas perjumpaan dengan ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dan ketua-ketua jabatan di Johor, Perdana Menteri memuji Kerajaan Johor kerana usaha-usaha yang dijalankannya ke arah mencapai tujuan itu.

Beliau menyatakan puashati dengan kemajuan semua bidang pembangunan yang dilaksanakan di negeri ini dibawah pimpinan Menteri Besar, Datuk Haji Othman Saat.

Dasar

Tun Razak berkata kejayaan yang dicapai oleh Kerajaan Johor adalah kerana kerjasama yang diberikan oleh semua sektor dan juga kerana pentadbiran yang licin.

"Adalah menjadi dasar kerajaan melicinkan lagi pentadbiran, mengujudkan kerjasama yang rapat antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri, ketua-ketua jabatan dan dengan wakil-wakil rakyat."

Beliau sungguh-sungguh puashati dengan usaha-usaha kerajaan negeri mendekatkan rakyat dengan kerajaan menerusi rancangan "pentas rakyat".

Ini, tambahnya, adalah penting khasnya dalam keadaan sekarang dimana anasir - anasir anti nasional semakin bergerak cergas.

Sebelum itu, Datuk Haji Othman telah memberi taklimat kepada Tun Razak mengenai berbagai pembangunan di Johor.

Beliau juga menyampaikan sekeping cek $250,000 kepada Tun Razak sumbangan Kerajaan Negeri bagi pembinaan Perpustakaan Negara.

Tun Razak kemudian mengucapkan terima kasih kepada rakyat negeri Johor kerana mengalu-alukan lawatannya dan serentak dengan itu mengumumkan hari cuti bagi murid-murid sekolah di empat buah daerah — Johor Bahru, Kota Tinggi, Mersing dan Batu Pahat — pada hari Ahad ini. — Bernama.

PTR.KA: 391 391/78.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 16 MEI, 1975

Tun Razak puashati dengan kemajuan projek2 di Johor

JOHOR BAHARU, Khamis. — Perdana Menteri Tun Abdul Razak hari ini puashati dengan projek-projek Kerajaan Johor yang telah berjalan dengan pesat dan dapat dinikmati oleh rakyat.

Dalam satu pertemuannya dengan akhbar-akhbar di Pejabat Menteri Besar, selepas menghadiri majlis perjumpaan dengan wakil-wakil rakyat, ketua-ketua jabatan Kerajaan di Bilik Dewan Negeri Johor Tun Razak berkata:

'Kerajaan Johor menjadi contoh yang baik tentang keteguhan politiknya, pentadbirannya yang cekap dan benar-benar dapat mendekati hati rakyat.'

Gembira

Beliau gembira datang ke Johor dan terharu dengan sambutan besar-besaran yang diatur oleh Kerajaan dan rakyat Johor.

Katanya, kerjasama yang baik antara Kerajaan dengan parti, pegawai-pegawai, wakil-wakil rakyat serta hubungan yang erat antara Kerajaan Pusat dan Negeri Johor menjadi faktor penting kejayaan negeri Johor.

Beliau juga berkata bahawa negeri lain boleh menjadi contoh bagaimana Kerajaan Negeri Johor mendekati rakyat, seperti selalu mengadakan dialog-dialog, perjumpaan, pentas rakyat dan sebagainya.

"Mereka telah dapat mendengar rintihan rakyat dan telah berusaha mengatasi kesulitan-kesulitan rakyat," katanya.

Menurut Perdana Menteri hanya dengan cara mendekati rakyat dan memberikannya kemakmuran saja, gerakan-gerakan anti nasional dapat dihapuskan.

"Kita mesti bersedia mempertahankan kemerdekaan dan keutuhan kita dan ini mesti diketahui oleh rakyat," katanya.

Pakaian baru

Sementara itu sambutan meriah sekali lagi diberikan oleh rakyat ketika Tun Razak dan rombongan melawat kawasan perindastrian dan pelabuhan di Pasir Gudang, kira-kira 12 batu dari bandar ini.

Berpuluh ribu rakyat telah beratur di sepanjang jalan dalam cuaca yang redup menanti ketibaan Tun Razak.

Rombongannya telah diarak dengan kompang dan bunga manggar ketika tiba di kawasan itu.

Seluruh penduduk di kawasan itu seperti berhariraya dengan pakaian baru dan mengerumuni rombongan Tun.

Di kawasan itu. beliau telah diberi taklimat mengenai kemajuan-kemajuan kawasan perindastrian dan pelabuhan itu.

Sebelum itu Tun telah melawat kawasan perumahan tentera di Pandan dan telah juga diberi sambutan meriah. Perdana Menteri telah menaiki bot meninjau kawasan pelabuhan tersebut.

PTR.KA: 392 392/78.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 22 MEI, 1975

TUN AKAN RASMI SIDA MAJLIS UGAMA ISLA

KUALA LUMPUR, Rabu. — Tun Abdul Razak akan mempengerusikan mesyuarat Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Negeri-negeri di Jabatan Perdana Menteri di sini esok.

Semua Yang Dipertua Majlis itu akan hadir dalam mesyuarat itu yang akan membincangkan perkara penting mengenai Islam, Setiausaha Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam, Encik Mohamed Ma Mahmood memberi hari ini.

Inilah kali per mesyuarat seumpam diadakan.

Satu lagi mesy untuk ketua-ketua ma negeri-negeri akan diadakan esok akan dipengerusikan Timbalan Menteri d batan Perdana Me Datuk Haji Kamar Isa.

PTR. KS: 393 393178.

AHAD, 1 JUN, 1975



Inilah jet supersonic F-5E Tiger yang dibeli oleh TUDM yang boleh me lancar naik seperti roket.

Skuaderan Ke 12 dilancarkan

TUDM MAKIN GAGAH DGN SUPERSONIC

BUTTERWORTH, Sabtu

MALAYSIA dengan gagah melangkah masuk ke zaman supersonic bila Skuadron ke 12 Tentera Udara Diraja Malaysia yang dilengkapi dengan kapal-terbang F 5 dilancarkan di Pangkalan Butterworth petang ini.

Perdana Menteri, Tun Abdul Razak yang melancarkannya dalam satu upacara berwarna warni dan dihadiri oleh semua ketua tentera dan para diplomat asing menegaskan:

"Skuadron ini akan dijadikan nucleus bagi pasukan pertahanan udara juga di samping memberi tapak untuk kemajuan-kemajuan pada masa depan."

Tegas beliau, adalah menjadi matlamat Malaysia untuk berdiri di atas kaki sendiri dalam soal pertahanan dan projek F5 ini merupakan satu lagi langkah ke arah matlamat tersebut.

Tun Razak berkata oleh kerana kita mahu berdikari dalam soal pertahanan, sudah sewajarnya kita memperadatkan tentera kita dengan alat-alat yang boleh mencapai maksud tersebut.

"Usaha ini juga adalah sejajar dengan dasar berkecuali yang kita amalkan.

Jet supersonic jenis F-5E inilah yang dilengkapkan untuk Skuadaan ke 12 TUDM untuk mempertahankan udara negara kita.

Berbaik2

"Kita melaksanakan dasar berbaik-baik dan bekerjasama dengan semua negara di dunia dan kita tidak akan sama sekali campur tangan dalam urusan rumahtangga negara-negara lain.

"Pegangan kita terhadap prinsip tidak campur tangan dalam urusan - urusan negara lain mendorong kita mengambil langkah positif untuk bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pertahanan negara kita," kata Tun Razak.

★ MUKA 14 ruang 5

PR. VD : 394 394 1/75

Berita Minggu, Ahad, 1 June, 1975

Jet Supersonic: 61 anggota TUDM sudah pun dilatih

★ Dari Muka 1

Di samping itu, kata Perdana Menteri, kita juga berusaha supaya sentiasa wujud keamanan di kawasan ini.

Dalam hubungan ini, kata Tun Razak, Malaysia telah berjaya mengemukakan syor menjadikan Asia Tenggara sebagai satu kawasan aman, bebas dan berkecuali.

"Kita yakin keamanan di rantau ini hanya akan tercapai jika kuasa-kuasa besar tidak campur tangan dalam urusan dalam negeri-negeri di rantau ini.

"Dalam lawatan saya baru-baru ini ke Perancis, Sweden dan Eropah, saya dapati negara-negara tersebut memahami dan menerima baik konsep yang kita utarakan itu.

"Ini menunjukkan bahawa dasar yang kita amalkan itu adalah dapat menjamin keamanan di rantau ini.

"Hanya dengan adanya keamanan dapat kita menjalankan usaha kerjasama bagi kenaikan seluruh rakyat di sebelah sini.

"Tetapi selagi konsep ini belum dapat diwujudkan, maka terpaksalah kita bersedia dan berada dalam keadaan berjaga-jaga," kata Tun Razak.

Menurut Tun Abdul Razak, Skuadron F5 ini adalah salah satu daripada sumbangan Malaysia kepada sistem pertahanan udara bersekutu yang telah diwujudkan di bawah peraturan pertahanan lima negara.

Kemegahan

Perdana Menteri sukacita sistem pertahanan udara ini telah mencapai kemajuan yang memuaskan berkat dari kerjasama negara - negara sahabat yang mengambil bahagian dalam peraturan pertahanan tersebut.

Tun Razak berkata keputusan Kementerian Pertahanan membeli kapalterbang pertahanan udara dibuat sejak tahun 1972.

Di bawah rancangan tersebut yang dinamakan "projek F5" keputusan telah dibuat untuk membeli beberapa buah kapalterbang F5 daripada Syarikat Northrop Corporation.

"Saya rasa megah dan sukacita melihat projek tersebut telah dapat dilaksanakan dengan jayanya, kata beliau.

Menurut beliau, sejak perojek itu dimulakan sehingga sekarang, 61 orang anggota TUDM telah mendapat latihan lengkap dalam berbagai bidang bagi membolehkan mereka mengendalikan pesawat - pesawat tersebut dengan cekap.

Anggota-anggota yang terlatih itu akan dijadikan tulang belakang Skuaderon ke 12 dan mereka pula akan melatih anggota - anggota lain yang akan bertugas dengan Sekuaderon itu.

Kerjasama

Tun Razak menyebut pelancaran Skuaderon dengan F 5 itu menunjukkan satu lagi kemajuan yang telah dicapai oleh TUDM khasnya dan Angkatan Tentera kita amnya.

Beliau percaya kapalterbang F5 itu adalah jenis kapalterbang pertahanan yang akan dapat memenuhi kehendak-kehendak pertahanan kita.

Tun Razak mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Australia yang telah menyumbangkan satu Skuaderon kapalterbang Sabre yang akan digantikan dengan kapalterbang F 5 ini.

Dengan adanya kapalterbang sabre itu, TUDM mendapat kesempatan melatih anggota-anggotanya dan mendapat penggalakan dalam bidang pertahanan udara.

Perdana Menteri se-

terusnya menegaskan angkatan tentera, baik, laut atau udara adalah sama pentingnya.

Tiap-tiap kumpulan mempunyai peranannya masing-masing dan peranan tersebut berkait rapat antara satu sama lain kerana okjebtifnya adalah sama, iaitu mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara.

Oleh yang demikian, perlulah setiap anggota angkatan tentera memahami dengan sepenuhnya hakikat ini supaya dalam menjalankan tugas hari-hari akan terjalin kerjasama yang rapat antara satu sama lain.

"Dalam keadaan negara pada hari ini, di mana kita berkehendakkan sistem pertahanan dan juga rancangan mengekalkan keamanan di dalam negeri dengan secara elektif, kerjasama adalah penting sekali," kata Tun Razak.

Beliau berharap semua anggota tentera akan dapat mencapai kata sepakat dan sefahaman yang boleh menjamin kebahagiaan rantau kita bukan saja bagi masa ini tetapi juga bagi masa depan.

Tun Razak kemudian telah menepung tawar kapalterbang - kapalterbang F 5 di Pangkalan Butterworth.

Nota: butir-butir lengkap mengenai Skuaderon ke 12 dan kapalterbang F 5 telahpun disiarkan di muka empat akhbar ini hari ini.

Tun anjur 3 negeri selaras tindakan kawal keamanan

PULAU PINANG, Sabtu. — Tun Abdul Razak hari ini menghadiri mesyuarat bersama Jawatankuasa Keselamatan Negeri-negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis di Dewan Sri Pinang di sini.

Beliau memberitahu para pemberita kemudian, mesyuarat itu telah membincangkan berbagai masaalah berhubung dengan ketenteraman awam dan jenayah.

Soal mengenai cara-cara meningkatkan lagi kerjasama di antara kerajaan-kerajaan negeri dan berbagai ajensi kerajaan telah juga dibincangkan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan-kerajaan negeri berkenaan perlu menyelaraskan tindakan dari masa ke masa dalam menghadapi masaalah bersama.

Beliau menggesa rakyat memberikan kerjasama dengan pasukan keselamatan untuk menghapus anasir-anasir anti-nasional.

Tun Abdul Razak tiba di sini hari ini untuk lawatan sehari ke Pulau Pinang.

Ketibaan Perdana Menteri di lapangan terbang Bayan Lepas disambut oleh Ketua Menteri, Dr. Lim Chong Eu serta para pegawai kanan kerajaan.

Di Langkawi

Sebelum itu Tun Razak bertolak dengan kapalterbang Caribou Tentera Udara Diraja Malaysia dari Pulau Langkawi. Beliau meresmikan kursus politik Pergerakan Pemuda UMNO di sana kelmarin.

Turut menyertai Tun Razak ialah Menteri Besar Kedah, Dato' Sri Syed Ahmad Shahabuddin, Menteri Besar Perlis, Datuk Haji Jaafar Hassan dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Mansor Othman.

Perdana Menteri diiringi oleh Dr. Lim Chong Eu kemudian bertolak ke Wisma Pahlawan di mana beliau akan menginap.

Mengenai pertahanan, Tun Razak berkata, Malaysia sebagai sebuah negara merdeka yang mengamalkan konsep berkecuali mestilah sedia mengadakan pertahanan sendiri.

Hadir di mesyuarat itu ialah Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Besar Kedah, Datuk Sri Syed Ahmad Shahabuddin. Menteri Besar Perlis, Datuk Haji Jaafar Hassan dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Lim Chong Eu.

Turut serta ialah Ketua Turus Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Ibrahim Ismail, Ketua Polis Negara, Datuk Sri Haniff Omar, Panglima Wilayah Satu, Ma-

PJR RO : 335 335/78

Berita Minggu, Ahad, 1 Jun, 1975 (21 Jamadilawal, 1395)

Periksa barisan di Langkawi



PERDANA Menteri, Tun Abdul Razak sedang memeriksa perbarisan Wanita UMNO semasa beliau tiba ke Pulau Langkawi untuk merasmikan kursus politik Pemuda dan Wanita UMNO kelmarin.

Ratusan orang pemimpin Pemuda dan Wanita UMNO telah menghadiri kursus selama dua hari untuk membincangkan berbagi masaalah berkenaan dengan perkembangan politik di negara ini.

Dalam ucapannya, Tun Razak telah menyentuh tentang harapan Malaysia supaya negara-negara Indo-China akan memberikan kerjasama rapat kepada negara ini.

Beliau juga menegaskan dasar pelajaran kebangsaan tidak akan diubah di samping mengecam golongan pemimpin UMNO yang tidak mahu memperjuankan kepentingan negara. — Gambar Berita Minggu.

ARK·66: 39C 356/78·

SEKITAR PERAYAAN HARI KEPUTERAAN

● Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, sedang menyembah ucapselamat dan tahniah ke bawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung dalam istiadat mengadap di Balai Rong Seri Istana Negara, Kuala Lumpur, pagi semalam.

BERITA HARIAN, SABTU, 7 JUN, 1975

PTR.65: 397 397/78.

Untuk stabilkan harga getah

Tun beri arahan selaraskan pengeluaran

TUN RAZAK

Oleh ZAINUDDIN BENDAHARA

SERDANG, Jumaat. — Tun Abdul Razak mengarahkan satu penyamaan polisi pengeluaran yang teratur diadakan bagi menentukan penstabilan harga melalui stok penimbal getah antarabangsa.

Katanya, penyamaan polisi itu perlu jika Malaysia mahu harga getah melalui stok tersebut mencapai kesan yang diharapkan.

Pada masa ini, kata beliau, kemerosotan harga getah satu sen sekati boleh menyebabkan Malaysia kehilangan pendapatan luar negeri kira-kira $25 juta setahun.

Perdana Menteri berkata demikian ketika merasmikan seminar pembangunan pekebun-pekebun kecil di Universiti Pertanian di sini hari ini.

Seminar tersebut diadakan sempena penubuhan persatuan tunggal bagi pekebun - pekebun kecil negeri ini.

Tun Razak juga mahukan:

● Pengeluaran getah di masa depan di susun berasaskan kepada luasnya kawasan tanaman, rancangan tanaman semula dan kemudahan mendapatkan bahan tanaman mutu tinggi.

Perhatian

● Perhatian utama ditumpukan kepada penggunaan teknoloji moden serta bidang teknik ekonomi antara getah asli dengan getah tiruan.

● Selain dari stok penimbal, juga diadakan skim penawaran rasional untuk dilaksanakan di peringkat kebangsaan oleh negara-negara pengeluar.

Kesemuanya, tegas beliau, ialah bagi menentukan aliran yang teratur dalam polisi-polisi

Langkah intensif untuk bantu para pekebun...

★ DARI MUKA 1

Skim ini, kata Perdana Menteri, pada dasarnya ialah untuk menentukan jangkaan terhadap permintaan atau jangkaan mengekspot pada satu tingkat harga yang difikirkan berpatutan di mana jangkaan mengekspot dijadikan asas menentukan banyaknya jumlah yang boleh diekspot oleh negara-negara anggota.

Kata Tun Razak, harga telah yang tidak stabil memberi kesan besar kepada ekonomi negara dan juga penduduk yang terlibat dengan perusahaan getah.

Kerana itulah Kerajaan telah menjalankan beberapa langkah mengatasinya seperti mengurangkan pengeluaran, membeli separuh dari getah - getah pekebun-pekebun kecil dan menyimpannya sebagai stok.

Untuk menolong para pekebun kecil, Kerajaan telah menubuhkan sebuah yunit pusat membeli getah di bawah Kementerian Perusahaan Utama.

Tujuan utamanya, ialah untuk membeli terus sebahagian dari keluaran pekebun kecil khasnya dari kumpulan kebun-kebun kecil yang tidak ekonomi dengan harga yang adil dan berpatutan semula sejak 22 tahun lalu dan dengan adanya rancangan tanaman baru oleh badan-badan Kerajaan, ketika ini kira-kira 70 peratus getah sektor pekebun kecil adalah terdiri dari yang bermutu tinggi.

Mereka diberi kemudahan memperoses di 979 pusat memproses getah berkelumpuk dan 15 buah pusat memproses SMR.

Mengenai penubuhan badan tunggal itu, Tun Razak berkata, dengan adanya badan itu usaha Kerajaan hendak memajukan sektor pekebun kecil getah akan dapat dilaksanakan lebih sempurna dan berkesan.

Beliau berharap dengan tertubuhnya badan tersebut, Kerajaan dan RISDA khasnya, dapat menyalurkan bantuan dan berbagai kemudahan lain dengan lebih teratur dan berkesan bagi faedah pekebun-pekebun kecil seluruhnya.

Beliau memuji Menteri Perusahaan Utama, Datuk Musa Hitam kerana usaha yang dibuat bagi menyatukan seluruh pekebun-pekebun kecil dalam sebuah badan bercorak kebangsaan ini.

Mengenai seminar itu beliau berharap, segala keputusan yang dicapai dikemukakan kepada pihak-pihak berkenaan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil bagi mengatasi segala masaalah yang dihadapi oleh sektor tersebut.

Hadir sama dalam majlis perasmian itu ialah Datuk Musa; Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, Tan Sri Kadir Yusuf, Menteri Kebajikan Am, Hajjah Aishah Ghani dan beberapa orang timbalan menteri.

Terdahulu dari itu, Pengerusi dan Ketua Pengarah RISDA, Dr. Mohamed Nor Abdullah berharap seminar tersebut dapat menilai dan memberi pandangan supaya memudahkan RISDA menjalankan rancangan-rancangannya.

"Kami mahu pekebun-pekebun kecil melibatkan diri dalam pelaksanaan menjayakan tanggungjawab bersama ini," katanya.

RISDA, menurut beliau, mempunyai tanggungjawab berat untuk merintis jalan baru dan mengubahsuaikan sistem lama ke sistem baru yang berorientasikan perkhidmatan.

Pemikiran

Ini bukan saja melibatkan pentadbiran tetapi juga corak pemikiran dan sikap seluruh peringkat kakitangan RISDA.

Dr. Nor juga menerangkan bahawa RISDA mengamalkan tindakan paduserentak bagi mengatasi semua masaalah pekebun kecil di samping menjalankan usaha pembangunan untuk meninggikan taraf ekonomi mereka.

Melalui seminar tersebut, beliau berharap RISDA akan dapat mengenali dan memahami lebih dekat kerumitan para pekebun kecil supaya dapat dijadikan panduan bagi memperbaiki sistem pentadbiran dan kegiatannya.

Seramai 300 pekebun kecil dari seluruh Malaysia hadir di seminar itu.

BERITA HARIAN, SABTU, 7 JUN, 1975

PTR. LS : 398 398/78.

Tun akan rai Ali, Bugner

MORIB, Jumaat. — Tun Razak akan meraikan Muhammad Ali dan Joe Bugner di kediamannya, Seri Taman di Kuala Lumpur pada hari Rabu 12 Jun ini.

Demikian dinyatakan oleh Menteri Besar Selangor merangkap Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Dato Harun Idris di sini hari ini.

Perdana Menteri ialah penaung pertandingan tinju heavyweight dunia antara Muhammad Ali dengan Joe Bugner di Stadium Merdeka Kuala Lumpur 1 Julai depan.

Muhammed Ali dijadualkan tiba dari Tokyo pada hari Selasa 11 Jun, manakala Bugner tiba dari London esok.

Dato Harun berkata, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Yaakub Latif juga akan meraikan Muhammad Ali dan Bugner di Hotel Regent Kuala Lumpur pada 16 Jun.

Manakala Majlis Kebangsaan Halehwal Ugama Islam Malaysia Barat pula akan menganjurkan satu pertemuan antara Muhammad Ali dengan pemimpin-pemimpin ugama di Dewan Syarahan Masjid Negara, tetapi tarikhnya belum ditetapkan lagi.

Dato Harun memberitahu, Pergerakan Pemuda UMNO yang menganjurkan pertandingan tinju itu juga mengatur satu perjumpaan dengan kedua ahli tinju tersebut.

Katanya, pertemuan itu akan memberi peluang seberapa ramai ahli pergerakan pemuda dari parti-parti yang bergabung dalam Barisan Nasional hadir.

Tempat dan tarikh bagi

★ MUKA 12 ruang 4

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Tiga orang pensyarah Universiti Malaya hari ini mengesyorkan Universiti Kebangsaan Malaysia, menganugerahkan ijazah kehormat sains kepada Muhammad Ali, johan tinju heavyweight dunia, dalam upacara konvokesyen universiti itu Sabtu depan.

Raja Mukhtaruddin Dain, Encik Abdul Rashid Ahmad dan Encik Mohd. Fhuzi Haji Yaacob, dalam surat mereka kepada Perdana Menteri, berkata penganugerahan itu nanti akan lebih menyemarakkan nama Malaysia di dunia.

PERTEMUAN DI RUMAH SABAH

★ DARI MUKA 1

pertemuan tersebut juga masih belum ditetapkan lagi.

Satu pertemuan lagi antara Muhammad Ali dengan para pemimpin Islam juga telah diatur di Rumah Sabah Kuala Lumpur antara 25 hingga 30 Jun.

Ketua Menteri Sabah, Tun Datu Mustapha bin Datu Harun akan menjadi tuanrumah pertemuan tersebut.

Dato Harun juga memberitahu, dua pencaragam — Pencaragam Pemuda UMNO Johor dan Pencaragam Sekolah Perempuan Kuen Cheng Kuala Lumpur akan menunjukkan permainan mereka menjelang pertarungan Muhammad Ali dan Bugner di sini.

Mereka akan berbuat demikian di Stadium Merdeka pada 1 Julai.

Dato Harun berkata, kerajaan Selangor sedang membina sebuah kompleks yang mengandungi kelab dan hotel, pentas kebudayaan dan tempat penginapan harga murah dan taman burung dijangka siap akhir tahun ini.

Timbalan Setiausaha Kerajaan Selangor, Encik Abu Hassan Omar selaku pengerusi kompleks itu memberitahu hampir 70 peratus kerja-kerja membangunkan kompleks tersebut telah siap.

Sementara itu, dikatakan bahawa Muhammad Ali telah bersetuju mendermakan sepasang kasut tinju, glov (gloves) tinju serta jubah tinjunya kepada Muzium Negara sebagai penghormatan kepada Malaysia yang menganjurkan pertarungan dengan Joe Bugner bagi merebut juara dunia itu.

Muhammad Ali menyatakan hasrat tersebut melalui talipon kepada Tinju Dunia.

(1950-1951), Jersey Joe Walcott (1951-1952), Rocky Marciano (1952-1956), Floyd Patterson (1956-1959, 1960-1962), Ingemar Johansson (1959-1960), Sonny Liston (1962-1964), Cassius Clay (Muhammad Ali) (1964-1975), Joe Frazier (1970), George Foreman (1973).

BERITA HARIAN, SELASA, 10 JUN, 1975

PTR. LS : 399 399/78.

PM Kukrit mulakan lawatan ke Malaysi



Tun Razak sedang memperkenalkan Timbalannya, Datuk Onn kepada Perdana Menteri Thai, Encik Kukrit Pramoj setiba Lapangan Terbang Antarabangsa semalam untuk lawatan ke M — Gambar Berita Harian.

PTR. KD: 408 409/78

SELASA, 10 JUN, 1975

Asia Tenggara diseru hadapi 'kenyataan baru'

JANGAN BIMBANG—T

gerakan itu u
ding kerusi
tinggi UMN
membayangka
wanita sekara
Enam orang
gerakan Wani
bertanding ial
Datin Hajj
Haji Abdul Ma
ina Yusof. S

KUALA LUMPUR, Isnin

MALAYSIA dan Thailand sekata menyeru negara-negara di Asia Tenggara mengkikis perasaan bimbang yang lama dalam menghadapi "kenyataan baru" membina keamanan yang berkekalan di rantau ini.

Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri Thai, Tun Kukrit Pramoj, membuat seruan itu dalam jamuan makan malam di sini malam ini.

Tun Razak mengadakan jamuan itu untuk meraikan lawatan pertama Tun Kukrit, selaku Perdana Menteri Thai, ke negara ini.

Tun Razak berkata: "Semua negara di Asia Tenggara hendaklah, jika mahu keamanan yang berkekalan melupakan salahfaham dan perasaan tidak mempercaya satu sama lain dan menghulur tangan untuk persahabatan."

Tun Kukrit dalam ucapan balas pula berkata, negaranya sanggup membuat perubahan, jika perlu, bagi mengatasi masalah lama yang belum selesai dan memulihkan hubungan lebih erat dengan negara-negara tetangga.

Kita tidak patut menghidupkan perasaan bimbang yang lama dalam menghadapi kenyataan baru, kata beliau.

Tun Razak berkata, hubungan persahabatan yang erat antara sesebuah negara adalah perlu "supaya kita dapat bekerjasama memainkan peranan yang konstruktif dan teratur demi kepentingan Asia Tenggara."

Bagaimanapun dasar persahabatan itu hendaklah berdasarkan kepada tidak ganggu-mengganggu hal ehwal dalam negeri sesebuah negara itu, kata Perdana Menteri.

Ia juga hendaklah bersedia mempertahankan kedaulatan dan keutuhan sesebuah negara dari sebarang pencerobohan luar negeri, tambah beliau.

Beliau mensifatkan berakhirnya konflik di Indochina setelah beberapa tahun menghadapi peperangan dengan mengorbankan beribu nyawa, sebagai membuka jalan yang cerah dan keamanan yang berpanjangan kepada rantau itu dan seluruh Asia Tenggara.

Walaupun ia cuma satu pandangan masa depan saja, tetapi buat kali pertama sejak beberapa abad, kita mempunyai di tangan kita, satu peluang untuk membentuk diri kita, oleh kita sendiri — kebahagiaan untuk wilayah kita, kata Tun Razak.

"Adalah menjadi harapan saya supaya kita semua merebut peluang ini, yang mungkin tidak akan datang kepada kita lagi dalam sejarah hidup



● *TUN RAZAK dan Encik Kukrit berdiri tegak menghormati lagu kebangsaan kedua negara yang dimainkan sebaik Perdana Menteri Thai itu tiba untuk lawatan rasmi ke Malaysia di Lapangan-terbang Antarabangsa semalam. — Gambar Berita Harian.*

KERJASAMA DUA NEGARA DIHARAP DAPAT DITERUSKAN

★ DARI MUKA 1

erat antara negara anggotanya.

Malaysia dan Thai adalah terlibat penuh dalam ASEAN dan bersama negara anggota lain telah memberi sumbangan besar ke arah kemajuan dan kematangannya.

"Kami di Malaysia menyedari peranan yang di mainkan oleh Thailand dalam pertubuhan ini dan kami berharap Thailand di bawah pimpinan Tun Kukrit akan memberi sumbangan lebih besar lagi ke arah kemajuan ASEAN," harap Tun Razak.

Tun Razak juga berkata, Malaysia dan Thailand mempunyai banyak persamaan dan menghadapi masaalah penggganas komunis dalam hutan masing-masing.

Malaysia bangga kerana kerjasama dari Thai dalam mengawal sempadan kedua negara dari ancaman pengganas itu.

"Kita berharap kerjasama itu dapat diteruskan demi kepentingan keselamatan bersama," kata beliau.

Tun Razak sebelum itu mengucapkan tahniah atas lantikan Tun Kukrit sebagai Perdana Menteri Thai dan bangga kerana beliau memilih Malaysia sebagai negara luar pertama untuk dilawati.

Tun Kukrit dalam ucapannya berkata lawatannya ini tiba ketika negaranya sedang menghadapi peringkat perubahan dalam suasana politik dan ekonomi.

Beberapa buah negara telah menyuarakan pendapat bahawa Thailand akan berubah sikap ekoran dari apa yang berlaku di Indochina.

"Jika hasrat kita untuk melupakan perkara lama dan membaharui hubungan baru dengan negara tetangga di anggap sebagai satu perubahan, maka perubahan itu kami mahu," kata beliau.

Beliau menyatakan rasa gembira kerana dapat mengunjungi Seri Paduka Baginda Yang Diper-

HARIAN, RABU, 11 JUN, 1975

PTR.KA : 401 401/78.

Soal kepentingan bersama Thai, Malaysia dibahas

KUALA LUMPUR, Selasa. — Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri Thai, Tun Kukrit Pramoj hari ini mengadakan rundingan selama 45 minit mengenai perkara kepentingan bersama kedua negara.

Rundingan di Pejabat Perdana Menteri di sini meliputi hubungan Malaysia-Thai, keadaan rantau ini berikutan dengan perkembangan di Indochina dan kerjasama serantau.

Hadir sama

Hadir sama dalam rundingan itu, ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dan Menteri Luar Thai, Major General Chatichai Choonhavan.

Selepas rundingan itu kedua-dua Perdana Menteri itu bersama Datuk Hussein dan General Chatichai meneruskan perbincangan kira-kira satu jam dengan lain-lain anggota Thai dan Menteri-menteri Kabinet Malaysia.

Antara yang hadir Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, Encik Abdul Ghafar Baba; Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Lee San Choon; Menteri Perhubungan, Tan Sri V. Manickavasagam.

Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, Datuk Mohamed Asri Muda; Menteri Perdagangan dan Perindastrian, Datuk Hamzah Abu Samah; Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, Tan Sri Ong Kee Hui.

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie; Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Tengku Ahmad Rithauddeen; Menteri Perusahaan Utama, Datuk Musa Hitam dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zaiton Ibrahim.

Terdahulu dari itu, Encik Kukrit telah diberi taklimat mengenai pembangunan negara oleh Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Penyelarasan, Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran, Encik Sulaiman Abdullah di Bilik Gerakan Negara.

Encik Sulaiman memberitahu bahawa Kerajaan sekarang menitikberatkan pelajaran dan latihan teknik serta vokesyenal supaya selari dengan perkembangan perusahaan di negara ini.

Katanya, Malaysia sekarang menghadapi kekurangan tenaga mahir dan terpaksa mengambil tenaga yang diperlukan dari luar negeri.

Ditumpukan

Bagaimanapun, tambah beliau, sistem pelajaran sekarang ditumpukan untuk mengatasi kekurangan tenaga mahir.

Encik Sulaiman memberitahu Perdana Menteri Thai itu bahawa Malaysia pada asasnya ialah sebuah negara pertanian yang bergantung kepada bahan-bahan utama seperti getah, bijih timah, kelapa sawit dan kayu-kayan.

Katanya, Malaysia sekarang telah mendapat sumber hasil baru, perusahaan minyak dan penemuan gas asli pasti akan memberi kesan yang bermakna kepada kemajuan ekonomi negara.

RABU, 11° JUN, 1975

PTR.KA : 402 402/78.

Kerjasama: Jaminan Tun kepada Thailand

TUN Abdul Razak memberi jaminan bahawa Malaysia akan terus memberi kerjasama kepada Thailand dalam menghadapi berbagai tugas bersama di masa depan.

Katanya, kedua-dua negara memang telah lama bersahabat dan menjalin hubungan erat dan boleh menganggap sebagai rakan, jiran dan kawan paling ikrab.

"Berdasarkan ini saya berharap persahabatan dan kerjasama itu akan

K. LUMPUR, Selasa

terus kekal," kata beliau dalam majlis jamuan makan malam balasan Perdana Menteri Thai, Tun Kukrit Pramoj, kepada Tun Razak.

Perdana Menteri gembira kerana Tun Pramoj sudi melawat Malaysia dan mensifatkan lawatan itu sebagai satu penghargaan besar kepada negara ini.

Beliau berharap lawatan begini dapat diadakan kerap kerana ia membolehkan kedua pihak mengetahui dan memahami lebih dekat dasar Kerajaan masing-masing.

Tun Razak berkata, lawatan Tun Kukrit sebagai berjaya dan berharap "banyak lagi lawatan dan pertemuan antara kita seperti ini dan lain-lain Menteri secara rasmi dan tidak rasmi diadakan pada masa akan datang."

Ini, kata beliau, kerana negara-negara di dunia sekarang saling bergantung satu sama lain khasnya dalam konteks Asia Tenggara.

Hakikat

Memandangkan hakikat itu wajarlah bagi pemimpin-pemimpin Kera-

ra tulus ikhlas ini mereka sekarang lebih memahami kedudukan, masaalah dan kesulitan satu sama lain.

Beliau mengalu-alukan pertukaran pandangan seperti itu dan berharap diadakan lebih banyak lagi di masa depan.

Petang tadi Tun Kukrit diiringi Menteri Luar Thai, Encik Chatichai, Timbalan Menteri Dalam Negeri Thai, Encik Prakorb P. Poakarch dan Dato' Mohamad Rahmat, melawat Rancangan Felda Kampung Soeharto, tujuhpuluh batu dari sini.

Rombongan sampai dengan helikopter khas TUDM dan mendarat di Padang Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Dusun, pukul tiga petang.

Pegawai-pegawai FELDA diketuai oleh Pengarah Besarnya, Raja Mohamad Alias Raja Mohamad Ali, menunggu ketibaan mereka.

Sambut

Paluan kompang, arakan bunga manggar, renjisan air mawar, dan taburan bunga rampai menyambut ketibaan mereka di sekolah itu, tempat mereka diberi taklimat rengkas mengenai FELDA Soeharto oleh Raja Alias.

BERITA HARIAN, SABTU, 14 JUN. 1975

PTR. KA : 403 403/78.

● *"Sampai hati kamu meminta otograf dia (Bugner) saja.*
"Kami tak mahu otograf ku!
"Kamu tak suka padaku!," kata Ali dengan wajah seolah-olah sedih bila dua orang gadis (sebelah Bugner) meminta otograf dari Bugner.

Tun Razak sebagai tuan rumah dan para tetamu lain termasuk pegawai pengiring Tun Razak, Encik Nordin Idris (belakang Tun Razak) dan Dato' Abu Mansor Basir (berkaca mata di belakang Ali), Pengarah Tinju Dunia Sdn. Bhd. — Gambar-gambar Berita Harian.

TUN MERAIKAN ALI DAN BUGNER DI SRI TAMAN.

Berita Harian 14 Jun 75.

PTR. KA : 404 404/78.

Tun akan sampaikan pingat emas kepada Dr. Sekhar

14- Jun 75

KUALA LUMPUR, Rabu. — Tun Abdul Razak akan menyampaikan pingat emas Institiut Kimia Malaysia kepada Pengawal Penyelidikan Getah, Dr. B.C. Sekhar di satu majlis jamuan di sebuah hotel terkemuka di sini pada 27 Jun ini.

Penganugerahan pingat itu kerana menghargai kerjaya beliau yang cemerlang dalam bidang kimia polymer getah.

Setiausaha Institiut, Dr. M. Mohinder Singh berkata dalam satu kenyataan hari ini, Dr. Sekhar merupakan penerima pertama pingat itu.

Pingat itu yang juga disertakan dengan hadiah wang tunai $1,000 dilancarkan tahun lalu kerana menghargai sumbangan dalam apa juga bidang kimia atau dalam penggunaan kimia di Malaysia. — Bernama.

BERITA HARIAN, SELASA, 17 JUN, 1975

PTR·KD : 405 405/78

15 NEGARA DIUNDANG

Peraduan Quran bermula 22 Sept

● Tun Razak sedang merasmi dan berucap dalam mesyuarat bersama pertama Jawatankuasa Pusat Penganjur Pertandingan Membaca Quran 1975 di Bilik Gerakan Perdana Menteri, pagi semalam.

Di kiri Perdana Menteri, Pengerusi jawatankuasa itu, Tan Sri Syed Nasir Ismail dan di kanannya Haji Lokman Musa, Timbalan Pengerusi jawatankuasa. — Gambar Berita Harian.

KUALA LUMPUR, Isnin — Pertandingan membaca Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa akan diadakan mulai 22 hingga 26 September depan di Stadium Merdeka.

Thema pertandingan tahun ini ialah "Kemakmuran menerusi lunas-lunas Islam."

Sempena pertandingan itu, setem-setem khas akan dikeluarkan buat pertama kalinya.

Perdana Menteri Tun Abdul Razak mengumumkan hari ini, pertandingan peringkat kebangsaan akan diadakan pada 22 dan 23 September, manakala pertandingan peringkat antarabangsa pada 24 hingga 26 September.

Upacara menyampaikan hadiah akan diadakan malam 27 September.

Perdana Menteri hari ini mempengerusikan sidang pertama Jawatankuasa Pusat Pertandingan Membaca Quran dengan wakil-wakil Kerajaan Negeri di Bilik Gerakan Perdana Menteri di sini.

Katanya, Malaysia mengundang 15 negara untuk menyertai pertandingan peringkat antarabangsa, termasuk:

Hakim

● Afghanistan, Bangladesh, Brunai, India, Indonesia, Iran, Niger, Pakistan, Filipina, Singapura, Somalia, Sri Lanka Thailand, Turkey dan Uganda.

Tun Razak memberitahu, undangan juga dibuat kepada semua negara anggota Pertubuhan Sekretariat Islam supaya menghantar wakil-wakilnya sebagai pemerhati.

Para hakim yang dijemput untuk mengadili pertandingan peringkat antara bangsa (seorang pada tiap-tiap negara) dari Arab Saudi, Indonesia, Libya,, Maghribi, Mesir, Thailand, Singapura dan Malaysia sendiri.

Satu persidangan (muzakarah) hakim-hakim peringkat negeri akan diadakan sebelum pertandingan peringkat negeri.

Tun Razak berkata, persidangan itu bertujuan menyelaraskan sistem dan peraturan kehakiman di kedua-dua peringkat negeri dan kebangsaan.

Menurutnya, Kerajaan-kerajaan Negeri juga akan diminta mengadakan pertandingan

PTR·KD : 406 406/78

BERITA HARIAN, RABU, 18 JUN, 1975

Sokongan penuh kepada pimpinan Tun Razak

KUALA LUMPUR, Selasa. — Sebahagaian besar usul yang dikemukakan untuk Perhimpunan Agung UMNO mulai Sabtu ini telah menyokong pimpinan Tun Razak yang berjaya memimpin parti dan dasar Kerajaan.

Encik Ghafar Baba membuat kesimpulan kebanyakan usul yang dimajukan oleh Bahagian-bahagian parti telah memuji kebijaksanaan Perdana Menteri itu terutama atas kejayaan Barisan Nasional dalam Pilihanraya Nasional tahun lalu.

Katanya, ini nampak dengan jelas bahawa perpaduan rakyat memberi kesan yang baik, begitu juga Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

"Tetapi nyata sekali ahli-ahli parti mahu diberitahu dari masa ke semasa mengenai penyertaan 30 peratus orang-orang Melayu dalam bidang perusahaan," tegas beliau.

Encik Ghafar petang ini mempengerusikan sidang jawatankuasa menapis usul-usul yang diterima dari Bahagian-bahagian parti untuk Perhimpunan Agungnya.

dikatakan, tel

PTR.BS: 407 407/78

JUMAAT, 20 JUN, 1975

PELUANG SAMA UNTUK SEMUA: TUN

KUALA LUMPUR, Khamis.

TUN Abdul Razak berkata, beliau tidak akan membenarkan kedudukan mana-mana golongan dirampas atau diambilalih oleh golongan yang kurang maju semata-mata untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru.

"Kiranya keadaan ini timbul, dasar itu pasti akan gagal," katanya dalam "Laporan Kajian Presiden 1975," yang akan dibentangkan dalam Perhimpunan Agung UMNO Malaysia disini.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO berkata demikian ketika menyentuh soal-soal ekonomi yang menurutnya Kerajaan berhasrat untuk mengujudkan satu "kelas menengah" di negara ini.

"Pengalaman sejak Merdeka, jelas menunjukkan bahawa kita tidak pernah mengambil atau mengurangkan peluang mana-mana golongan untuk memajukan golongan yang tertinggal.

"Bentuk inilah yang diikuti sekarang," katanya.

Beliau menjelaskan lagi bahawa tujuan Kerajaan bukanlah untuk mengkayakan golongan miskin dan memiskinkan golongan kaya.

Tertinggal

Apa yang dilakukannya ialah untuk memberi peluang kepada semua golongan terutama yang tertinggal supaya sama-sama mencapai kemajuan dalam negara yang maju sekarang, tambah beliau.

Beliau bagaimanapun menyatakan puashati kerana Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan tahun 1971 berjalan dengan lancar.

Beliau berkata, Kerajaan berharap selain dari penyertaan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindastrian, dapat meningkatkan penglibatan ini menerusi penubuhan ajensi-ajensi Kerajaan, badan-badan berkanun yang dimodali penuh oleh Kerajaan

Tujuan utama Kerajaan bergerak ke arah itu ialah untuk memindahkan hak milik ajensi tersebut kepada Bumiputera dalam satu jangka masa kelak bagi mencapai matlamat yang ditetapkan dalam masa 20 tahun.

Tun Razak juga menyeru ahli-ahli UMNO berwaspada terhadap golongan-golongan yang "menggunakan platform-platform kita" untuk menghancurkan Barisan Nasional dari dalam.

(Kandungan penuh "kajian Presiden 1975" ini lihat muka 4).

PTR.BS: 408 408/78.

ISNIN, 23 JUN, 1975

SERAMPANG TIGA MATA

UCAPAN Presiden Umno, Tun Abdul Rezak, kepada perhimpunan agung Umno kelmarin menghuraikan tiga strateji penting yang akan dijalankan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Ketiga-tiga strateji itu ialah mengadakan peluang-peluang sosial dan ekonomi yang lebih besar untuk golongan berpendapatan rendah terutama di luar bandar, mendorongkan pembangunan bandar-bandar baharu dengan maksud mengadakan sekurang-kurangnya sebuah bandar dalam tiap daerah dan negeri serta menekankan rancangan melahirkan satu golongan usahawan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perusahaan.

Ketiga-tiga rancangan ini akan melanjutkan usaha-usaha Kerajaan ke arah mencapai cita-cita Dasar Ekonomi Baru untuk membanteras kemiskinan di luar dan di lalam bandar serta merapatkan jurang ekonomi antara bandar dan desa.

Di samping itu, Tun Razak juga mengumumkan rancangan-rancangan yang akan dipergiat untuk mendorongkan pembangunan ekonomi negeri-negeri yang mundur seperti Kelantan, Trengganu, Perlis dan Kedah.

Seperkara yang menarik lagi ialah pengumuman Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dalam perhimpunan Pemuda dan Wanita kelmarin bahawa Kerajaan bermaksud melancarkan rancangan untuk memberikan tanah kepada petani-petani yang tidak bertanah. Betapa rancangan ini akan dijalankan tidaklah dihuraikan tetapi nyatalah bahawa masaalah petani tidak bertanah ini terutama sekali di negeri-negeri seperti Kelantan, Kedah, Trengganu dan negeri-negeri lain yang menghasilkan padi akan menerima perhatian yang berat daripada Kerajaan Pusat.

Lebih daripada yang lain maka soal tanah ialah soal yang memerlukan perhatian yang berat sekali daripada Kerajaan kerana hanya dengan itu maka kita dapat memberikan isi dan kenyataan kepada Dasar Ekonomi Baru.

Negeri ini masih tetap merupakan negeri pertanian dan walaupun kita mengutamakan pertumbuhan perusahaan dan menggalakkan perdagangan, namun sebahagian besar rakyat negeri ini ialah dari kaum petani. Bahawa kedua-dua ucapan Tun Razak dan Datuk Hussein Onn menekankan aspek ini dari rancangan-rancangan Kerajaan pada masa akan datang menunjukkan betapa hakikat ini sangat-sangat disedari oleh pemimpin-pemimpin kita.

Tun Razak menekankan bahawa projek-projek "Buku Hijau" akan diteruskan dan pembangunan bidang pertanian akan digiatkan daripada peringkat penghasilan membawalah kepada peringkat pemasaran.

Rancangan serampang tiga mata di bawah Rancangan Malaysia Ketiga mudah-mudahan akan mempertingkat lagi taraf hidup rakyat negeri ini, membawa negara kita selangkah lagi maju ke arah cita-cita hidup yang sejahtera dan makmur.

PEMILIHAN NAIB PRESIDEN

PILIHAN Naib Presiden Umno yang selesai hari Sabtu kelmarin juga pilihan anggota-anggota Majlis Kerja Tertinggi dijalankan dengan sempurna dan lancar, menunjukkan kematangan ahli-ahli UMNO serta kelicinan organisasi. Mengingat bahawa inilah kali pertama pilihan itu dijalankan berdasarkan pembaharuan dalam perlembangaan Umno, maka adalah wajar bahawa pilihan itu menarik perhatian besar dari kalangan rakyat.

Encik Ghaffar Baba, Tengku Razaleigh Hamzah dan Dr. Mahathir telah berjaya dalam pilihan Naib Presiden. Tahniah setinggi-tingginya kepada mereka atas kejayaan yang tercapai oleh mereka.

Ketiga-tiganya adalah tokoh-tokoh besar yang mamainkan peranan yang besar dalam bidang masing-masing tidak sahaja dalam Umno tetapi juga dalam pembangunan negara sekarang.

Pilihan pemimpin-pemimpin itu dan juga pilihan ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi dilakukan menurut asas-asas yang paling demokratik yang seumpamanya barangkali tidak terdapat dalam mana-mana parti pun, satu hal yang patut sekali dibanggakan oleh ahli-ahli Umno bahkan juga oleh rakyat negeri ini.

Dato' Harun Idris yang kalah dalam pilihan Naib Presiden memberikan kesimpulan yang tepat kepada keputusan pilihan itu dengan mengatakan bahawa pilihan itu menunjukkan kematangan para perwakilan sekelian dalam politik.

PTR. KA: 409 409/75

ISNIN, 23 JUN, 1975 —

Jangan tunjuk sebarang jenis sokongan kepada Parti Komunis Malaya

TUN RAZAK

Peking di-gatkan

Tun beritahu sidang Umno

K. LUMPU

MALAYSIA m pablik Rakyc ia TIDAK se jukkan sebarang terhadap Parti Kc sekiranya RRC erat dan baik den

Perdana Menteri, selaku Presiden UM beritahu perhimpur petang ini Wisma P tahu hal itu melalui sini, Encik Wang Yu

Perdana Menteri petang ini ketika me ucapan dasarnya me Agung itu semalam, laysia berharap RRC perjanjian perhubun gara — tanpa campu dalam negeri masing

Duta d.

Galakan:

KUALA LUMPUR, Ahad. Kemajuan Perusahaan (FIDA) sedang menyusun satu bagi mengadakan berbagai kepada pengusaha-pengusaha pemodal Bumiputera.

Menteri Perdagangan dan Pe Datuk Hamzah Abu Samah n hari ini galakan-galakan te tujuan mendorong lebih ramai Bumiputera melibatkan diri dalam bidang perniagaan

Ini ialah untuk menge- lakkan rasa kurang se- orang kepada Kerajaan dan boleh mengaktibkan mereka berpaling tadah dan menyertai kegiatan ko- munis.

Wakil Perak, Encik Sai- din Mat Piah sebelum ini mahu Kerajaan menubuhkan kilang mem- buat senjata di negeri ini supaya anggota pasukan keselamatan dapat meng- gunakan senjata-senjata moden mengawal ke- selamatan negara.

Katanya, ketika ini Malaysia membeli sen- jata dari luar dan kerana itu ada senjata-senjata tersebut tidak sesuai di- gunakan lagi.

"Kita cuma mem- punyai kilang membuat peluru saja sekarang, te- tapi kalau ada peluru ti- dak ada senapang, tidak ada guna juga," tambah beliau.

Elakkan

Beliau juga menyuara- kan rasa tidak puas hati dengan kedudukan per- jalanan keselamatan sem- pada Malaysia-Thai dan mahu supaya perjanjian itu dikaji semula.

Menurutnya, per- janjian yang ada se- karang baik pada dasar- nya saja, tetapi dari segi praktikal tidak, terutama ketika menjalankan ron- daan bersama.

Encik Abdul Rahman kemudian menggesa Kerajaan mengambil be- rat terhadap kebajikan bekas-bekas anggota pa- sukan keselamatan ter- utama dalam memberi- kan pekerjaan kepada mereka selepas bersara.

PERTAHANAN: TUN BERI KETERANGAN DI PERHIMPUNAN

★ DARI MUKA 1

dudukan keselamatan dalam negeri, kegiatan komunis dan ekonomi negara khusus pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Soal pertahanan juga telah ditimbulkan dan Tun Razak ditanya mengenai kekosongan jawatan Menteri Pertahanan setelah Ketua Menteri Sabah, Tun Datu Mustapha, tidak dapat memenuhi jawatan itu.

Mengenai jawatan Menteri Pertahanan, Tun Razak berkata, beliaulah yang memangku jawatan itu kerana beliau belum dapat menyerahkan tugas tersebut melainkan kepada seorang Menteri yang kanan.

Beliau berkata, sebenarnya Tun Mustapha yang telah dilantik dulu bersetuju menerima jawatan tersebut tetapi rakyat Sabah tidak mahu melepaskan beliau.

Bercakap mengenai keselamatan dalam negeri, Tun Razak berkata, tugas tersebut memang berat dan malang sekali bagi sesiapa yang menjadi Menteri Dalam Negeri terpaksa menghadapi beberapa kesulitan.

Mamikul

Tun Razak sambil bergurau menyebut nama Tan Sri Ghazali Shafie yang dilantik memikul tanggungjawab Kementerian itu yang tidak dapat menjalankan projek-projek secara terus menerus kepada rakyat seperti Kementerian - kementerian lain.

"Tugas beliau (Tan Sri Ghazali Shafie) sungguh

Majlis Tertinggi UMNO yang berjalan begitu licin dan inilah kali pertama pengundian dijalankan secara sulit.

Sambil tersenyum Tun Razak berkata semua perwakilan berpuas hati terhadap pemilihan walaupun memakan masa yang agak panjang sedikit dan beliau berjanji akan memperbaikinya tahun 1978.

Tun Razak berkata enam usul yang dibentang bernas sekali dan berharap akan dapat dilaksanakan pada masa akan datang.

Mandat

Beliau juga berpuas hati tentang pemilihan anggota Majlis Tertinggi UMNO dan kebanyakannya terdiri dari Menteri-menteri, menteri-menteri besar dan timbalan-timbalan menteri.

"Ini menunjukkan bahawa ahli-ahli UMNO memberi mandat penuh kepada Kerajaan untuk melaksanakan tanggungjawabnya di samping menyelaraskan konsep Kerajaan berparti.

"Dengan ini semua perkara yang berhubung dengan dasar-dasar Kerajaan boleh dibincangkan oleh Majlis tertinggi UMNO dengan sempurna. Parti dan Kerajaan mesti ada penyelarasan," kata beliau.

Dalam pertemuan beliau dengan para pemberita Tun Razak telah ditanya tentang kemungkinan penyusu-

Katanya, hal keselamatan adalah tanggungjawabnya dan beliau sendiri menjadi Pengerusi Majlis Keselamatan Negara.

Majlis tersebut biasanya mengadakan mesyuarat tiap-tiap minggu untuk menyemak keadaan keselamatan negara.

Mengenai kebimbangan yang disuarakan oleh anggota perwakilan tentang bilangan korban yang bertambah di kalangan anggota pasukan keselamatan, beliau berkata dalam menghadapi keadaan kecemasan perkara ini tidak dapat dielakkan, sebaliknya pihak musuh juga ramai yang terbunuh.

Katanya, kerajaan telah dapat menghalau komunis balik ke sempadan setelah usaha mereka untuk kembali bergerak dalam negeri tahun lalu ditumpas.

Sekarang ini mereka menggunakan pasukan pembunuh dengan membunuh matagelap-matagelap.

Tun Razak percaya keadaan dapat diatasi jika rakyat memberi sokongan yang penuh kepada kerajaan.

Tindakan

Katanya, rakyat boleh memainkan peranan mereka dengan memberi maklumat-maklumat kepada pihak berkuasa mengenai kegiatan-kegiatan Anti nasional supaya tindakan dapat diambil.

Rancangan Rukun Tetang-

BERITA HARIAN, JUMAAT, 27 JUN, 1975

PTR-KD: 410 410/78

Tun rayu Saudi batalkan aturan baru haji

KUALA LUMPUR, Khamis.

PERDANA Menteri Tun Abdul Razak merayu Kerajaan Arab Saudi membatalkan cadangan negara itu menghadkan masa 40 hari bagi jemaah haji dari Malaysia.

Rayuan itu telah dihantar pagi ini melalui Duta Besar Malaysia ke Judah, Tengku Abdul Aziz Hamzah.

Setiausaha Jabatan Perdana Menteri berkata Tun Razak juga mengarahkan Tengku Abdul Aziz menemui dan berbincang dengan Menteri Haji dan Wakaf dan Timbalan Menteri Haji Arab Saudi mengenai perkara tersebut.

Tun Razak berharap Kerajaan Arab Saudi dapat terus membenarkan jemaah haji Malaysia tinggal 105 hari di negara itu tanpa sebarang bayaran tambahan.

TUN RAZAK

Dikenakan

Menteri Tanah, Galian dan Tugas-tugas Khas, Datuk Haji Mohd. Asri, Timbalan Pengerusi Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH), Datuk Abu Hanafiah dan Pengurus Besar LUTH, Datuk Mohd. Shamsuddin Yaakub menemui Tun Razak semalam.

Mereka membincangkan peraturan-peraturan baru yang dikenakan oleh Arab Saudi kepada jemaah haji tahun ini dengan Perdana Menteri.

Antara peraturan-peraturan tersebut ialah:

- Semua jemaah haji dibenarkan tinggal 40 hari dengan mewajibkan setiap orang mesti mempunyai wang belanja hidup atas kadar 30 rial sehari — sekurang-kurangnya 1,200 rial (kira-kira $840).
- Pemilihan mutawiff (syeikh haji) akan ditentukan oleh Kedutaan Saudi di negara bakal haji yang

★ MUKA 12 ruang 7

K-terbang haji ditambah

★ DARI MUKA 1

akan dicatitkan sama dalam paspot jemaah haji;

- Bayaran syeikh haji, dalal, wakil-wakil di Judah, air zam-zam dan upah mengangkut barang ditambah 84 rial kepada 147 rial; dan
- Bayaran tempat tinggal di Arafah dan Mina dinaikkan dua kali ganda.

Tun Razak juga telah bersetuju mendapatkan dua kapalterbang MAS untuk membawa bakal-bakal haji Malaysia tahun ini kerana tahun lalu hanya sebuah kapalterbang saja.

Sementara itu, Datuk Shamsuddin berharap Arab Saudi akan menghantar segera dua pegawai dari Kementerian Haji dan Wakaf untuk menentukan peraturan-peraturan mengenai visa dan syeikh haji di tanah suci itu jika syor Tun Razak diterima.

Beliau juga memberi jaminan kepada bakal-bakal haji di Sabah, Sarawak, Singapura dan Brunai bahawa kapal-kapal haji, "Malaysia Raya" dan "Ratu Timur" akan belayar seperti dijadualkan jika peraturan baru itu dibatalkan.

Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan mengadakan mesyuarat tergempar pada 3 Julai ini bagi membincang perkembangan terbaru tersebut.

Semua pegawai penerangan LUTH seluruh negara dipanggil menghadiri mesyuarat tersebut untuk memberi penerangan sejelas-jelasnya mengenai perkembangan terakhir di tiap-tiap negeri.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 27 JUN, 1975

PTR. KD: 411 411/78

TUN RAIKAN NAZARUDDIN DI SERI TAMAN

KUALA LUMPUR, Khamis. — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, meraikan Ketua Turus Tentera Darat, Jeneral Ungku Tan Sri Nazaruddin bin Ungku Mohamed dan isterinya, Puan Sri Ramona dalam satu jamuan makan malam perpisahan di Seri Taman di sini malam tadi.

Jen. Ungku Tan Sri Nazaruddin, 52 tahun, akan bersara dari jawatannya akhir bulan ini.

Isteri Perdana Menteri, Toh Puan Hajjah Rahah turut hadir di majlis tersebut.

Turut

Di antara mereka yang hadir dimajlis tersebut ialah timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid; Ketua Turus Angkatan Tentera, Jen. Tan Sri Ibrahim bin Ismail; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Tan Sri Abu Bakar Samad Noor; Ketua Turus Tentera Laut, Laksamana Muda Datuk K. Thanabalasingam dan Ketua Turus Angkatan Udara, Naib Marsyal Udara, Datuk Sulaiman bin Sujak serta isteri masing-masing.

Tun Razak telah menghadiahkan satu cenderamata perpisahan kepada Jen. Ungku Tan Sri Nazaruddin. — BERNAMA.

PTR. KD: 212 412/78

Berita Minggu, Ahad 29 Jun, 1975 (19 Jamadilakhir, 1395)

CEK DAN PINGAT KEPADA SEKHAR

Tun Razak sedang menyampaikan cek $1,000 serta pingat emas Institiut Kimia Malaysia kepada Dr. Sekhar, Presiden institiut tersebut dalam satu majlis jamuan di Kuala Lumpur malam kelmarin.

Dr. Sekhar yang juga Pengawal Penyelidikan Getah menerima hadiah tersebut kerana sumbangan besarnya terhadap kimia-getah.

Tun Razak dalam ucapannya menjelaskan, Kerajaan bercadang membentuk Majlis Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara dengan tujuan dapat merumuskan Dasar Sains Kebangsaan.

Turut hadir, Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan, Haji Mohamed Yaacob. — Gambar Berita Minggu.

PTR-WA: 413 413/78.

Soalan 'siapa selepas Tun Razak' sudah dijawab...

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KALI INI PALING BERSEJARAH

Pilihan pemimpin dan kecaman terhadap menteri-menteri menunjukkan demokrasi tulen di dalam UMNO



● TUN RAZAK: ... bayangan mengenai corak pimpinan yang diperlukan.

● DATUK HUSSEIN ONN: ... petunjuk dasar pertimbangan memilih pemimpin.

● ENCIK GHAFAR BABA: ... 'veteran' parti dan 'organisator' yang ulung.

● TENGKU TAN SRI RAZALEIGH: .....menebus ketinggalan ekonomi Bumiputra.

● DR. MAHATHIR MOHAMED: .....men dokong cita-cita dasar pelajaran bangsa.

Oleh Penulis Khas

PERHIMPUNAN agung perwakilan UMNO minggu lalu sungguh bersejarah dan banyak orang sependapat bahawa belum pernah perhimpunan UMNO begitu menarik perhatian umum seperti persidangan yang berlansung minggu lalu.

Beberapa faktor yang menyebabkan perhimpunan itu demikian penting. Sebab yang penting sekali ialah persoalan tokoh-tokoh yang bakal mengambil tempat jenerasi Tun Razak dan Datuk Hussin Onn akan diselesaikan dalam perhimpunan itu.

"Selepas Tun Razak siapa?", inilah pertanyaan yang disebut-sebut oleh rakyat. Siapakah antara lapan orang tokoh yang bertanding merebut jawatan Naib-Presiden itu akan dipilih untuk menganggotai barisan kedua setelah Tun Razak dan Datuk Hussein Onn?

DITELITI

Adakah para perwakilan hari itu akan memilih mengikut pertimbangan mereka sendiri?

Inilah pertanyaan-pertanyaan yang mendebarkan yang rata-rata disebut-sebut oleh orangramai beberapa lama sebelum perhimpunan itu.

Ucapan-ucapan Presiden UMNO dan Pemangku Timbalan Presiden UMNO diteliti, dikaji diamat-amati dengan halus oleh orangramai dengan maksud mendapatkan bayangan atau petunjuk terhadap pimpinan di tiap peringkat.

Ucapan Timbalan Presiden kepada perhimpunan agung Pemuda dan Wanita ialah yang paling terus-terang pernah diucapkan oleh Datuk Hussein Onn dalam mana-mana perhimpunan UMNO pun.

Ia tidak membayangkan, tetapi ia menghuraikan beberapa syarat yang perlu ada pada pemimpin di tiap peringkat.

LAYAK

Membaca ucapan itu, kita dapat mengetahui kehendak dan keinginan pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO terhadap tokoh-tokoh yang layak menjadi pemimpin UMNO di tiap peringkat parti itu dari yang tinggi membawalah kepada yang serendah-rendahnya.

Ucapan Datuk Hussein Onn adalah lebih besar ertinya dari segi menjawab persoalan orangramai yang ingin tahu pemikiran dan sikap mereka terhadap masaalah pimpinan parti.

Ucapan Tun Presiden lebih sederhana, lebih lembut walaupun ia mengandung bayangan-bayangan mengenai corak pimpinan di tiap peringkat yang diperlukan oleh UMNO dalam dan patuh kepada pucuk pimpinan yang mereka pilih dan yang mereka percayai .....

Inilah "message" Tun Razak kepada perwakilan itu yang lebih dalam ertinya daripada nama-nama tokoh yang disenyai pertimbangan-pertimbangan mereka sendiri dan pertimbangan-pertimbangan itu tepat dengan kehendak rakyat dan tugas-tugas parti pada masa ini serta pada masadepan.

Encik Ghaffar Baba telah seorang tokoh ve- sepanjang detik-detik suka-dukanya hingga dia menjadi pemimpin nasional yang mempunyai tempatnya sendiri dalam perkembangan politik negara sekarang.

Encik Ghaffar melambangkan kejayaan yang kan Melayu, seorang guru sekolah lulusan SITC, dan dengan itu ia menyimpulkan hasrat dan cita-cita satu golongan nasionalisma Melayu yang menjadi pelopor perjuangan kemerdekaan tanahair dari sejak sebelum perang lagi.

CERDAS

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah melambangkan kecerdasan jenerasi muda sekarang yang berjuang untuk menebus ketinggalan bumiputra dalam bidang ekonomi; ia memperlihatkan kebolehan jenerasi muda untuk setanding dan sejajar dengan dunia antarabangsa dalam persaingan dunia perdagangan dan perusahaan; ia mendokong harapan bangsa Melayu dan rakyat Malaysia untuk mencapai cita-cita yang termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru.

Dr. Mahathir melambangkan satu titik sejarah yang penting dalam perjuangan UMNO, titik pemisahan antara bidang pelajaran dengan ketegasannya menjalankan dasar itu.

Seperti dua anak sungai mengalir ke laut, maka kehendak pimpinan dan kehendak perwakilan bertemulah di kuala untuk menuju ke tengah lautan. Maka terpecahlah persoalan: "Selepas Tun, siapa", dijawab sendiri oleh perwakilan dalam satu perhimpunan yang bersejarah, dalam satu pilihan yang paling demokratik.

Perhimpunan itu telah memberikan sepenuh-penuh kepercayaan dan keyakinan kepada Tun Presiden dan Timbalannya.

Dugaan ramai orang bahawa perlawanan Muhammad Ali dan Bugner menjadi faktor dalam perhimpunan itu, ternyata meleset sekali.

Perhimpunan itu bersejarah kerana sengetnya dan tajamnya persaingan yang berlaku sebelum hari perhimpunan itu.

TAJAM

Berminggu - minggu lamanya berbagai cerita, kabar-angin dan dan yang menerima kritik yang paling tajam daripada sidang perwakilan.

Sebelum ini, perwakilan UMNO menumpukan kecamannya ke atas Lembaga Padi Negara dan yang banyak menjawab soalan - soalan daripada perhimpunan itu dahulu ialah Tan Sri Syed Nasir Ismail.

RUNCING

Bahawa kali ini perwakilan UMNO bertumpu kepada Kementerian Dalam Negeri ialah kerana soal-soal keselamatan telah menjadi meruncing pada masa akhir-akhir ini. Memang biasa perwakilan UMNO menumpukan perhatian kepada soal-soal semasa (current), yang menarik perhatian mereka menjelang hari perhimpunan.

Sepertimana juga mereka tertarik kepada kegiatan dan aktiviti pemimpin-pemimpin mereka kira-kira enam bulan sebelum hari perhimpunan, mengikuti dengan teliti siaran-siaran akhbar, TV dan Radio mengenai pemimpin-pemimpin yang mereka tidak terlalu jauh dan tinggi hingga tidak terjangkau oleh mereka.

Hampir semua menteri yang dicalunkan untuk Majlis Kerja Tertinggi terpilih dalam perhimpunan itu. Hampir semua Timbalan Menteri; hampir semua Menteri Besar terpilih juga oleh perwakilan.

Cara pilihan ini adalah tradisonal atau kebiasaan dalam perwakilan UMNO pada masa yang lalu, menunjukkan "conservatism" para perwakilan UMNO, keinginan mereka untuk meletakkan kepercayaan terus kepada pemimpin-pemimpin mereka, sifat mereka untuk mencari dan mengadakan perimbangan antara satu golongan dengan golongan lain, antara yang tua dan yang muda, antara lelaki dan wanita.

Kepercayaan dan keyakinan kepada pemimpin agung, selain suatu pusaka warisan orang Melayu, mungkin disebabkan oleh sebab-sebab lain.

Dan faktor yang terbesar sekali ialah tekanan-tekanan ke atas UMNO sendiri yang terbit daripada perkembangan-perkembangan di dalam dan di luar negeri.

Masaalah ekonomi, soal-soal politik, sosial dan kebudayaan yang dihadapi oleh bangsa Melayu dan negara yang masih belum selesai dan masih memerlukan kesempurnaan, menjadi tekanan-tekanan yang kuat yang mendorong perwakilan itu untuk mengutamakan kepentingan parti lebih daripada yang lain.

GAGAH

UMNO mesti utuh, mesti gagah dan mesti bersatu-padu menghadapi semua tekanan dari berbagai jurusan pada masadepan. Dan ia hanya akan utuh, kuat, gagah dan bersatu kalau sekiranya pimpinan Parti diberikan sebulat-bulat kepercayaan untuk melaksanakan kewajipan dan tanggungjawabnya.

Dasar Ekonomi Baru belum selesai; Rancangan Malaysia Ketiga belum terselenggara: Perkembangan - perkembangan baru akibat kekalahan Amerika di Indo-China mesti dihadapi dengan tegas; dan banyak masaalah lain yang semuanya menyentuh "survival" bangsa Melayu dan negara.

Inilah yang menjadi pertimbangan para perwakilan dan yang mempengaruhi sikap mereka terhadap pemimpin-pemimpin parti.

Bahawa mereka telah mengecam hebat setengah-setengah Menteri, tidaklah bererti Menteri yang bersangkutan tidak mendapat kepercayaan mereka. Bahawa mereka telah mengecam dengan tajamnya setengah aspek dari dasar-dasar Parti dan Kerajaan, tidaklah bererti bahawa mereka tidak mempunyai kepercayaan kepada dasar Parti dan Kerajaan.

Satu tradisi perhimpunan perwakilan UMNO ialah kebebasan yang dinikmati oleh perwakilan untuk mengkritik dan mengecam pemimpin dan dasar-dasar Parti serta Kerajaan.

BEBAS

Dan kebebasan itu dipergunakan sepenuhnya oleh perwakilan. Mereka mengkritik dan mengecam dalam lengkongan keluarga; yang dikecam dan dikritik ialah "bapa" mereka sendiri atau "abang" mereka sendiri dan yang mendengar ialah "adik-bera-

PTR. KD: 414 414/78

BERITA HARIAN, SABTU, 5 JULAI, 1975

Perairan kita perlu dikawal ketat kata Tun

WOODLANDS (Singapura), Jumaat. — Perkembangan politik rantau dunia sebelah sini setelah Repablik Khmer dan Vietnam Selatan bertukar tangan memerlukan pengawasan perairan yang lebih menyeluruh terutama dalam mengawal penyeludupan senjata kepada anasir-anasir jahat.

Pendek kata, Tentera Laut Diraja Malaysia hendaklah sentiasa berwaspada untuk menghadapi apa juga kemungkinan yang akan mengancam keselamatan dalam negeri dan kedaulatan negara.

Demikian ditegaskan oleh Perdana Menteri Tun Abdul Razak, di majlis makan malam Hari Tentera Laut Diraja Malaysia di Wisma Samudra di sini malam ini.

Perdana Menteri menyatakan segala aktiviti di laut luas bergantung kepada jaminan keselamatan yang diberikan oleh TLDM dan Polis Laut.

★ MUKA 12 ruang 4

Kecekapan Tentera Laut disanjung

★ DARI MUKA 1

Mengenai TLDM, Tun Razak berkata meskipun usianya masih muda tetapi telah menunjukkan mutu kecekapan yang tinggi dan setanding dengan Royal Navy, Royal Australian Navy, RNZN dan Angkatan Laut Repablik Indonesia dalam latihan bersama yang diadakan dari masa ke semasa.

Perdana Menteri juga menyebut pangkalan TLDM yang baru di Lumut apabila siap paling moden dalam dunia.

Menurut jadual pangkalan itu boleh mula digunakan pada tahun 1981 dan Kuantan pada tahun 1978.

Beliau mengucapkan terimakasih kepada kerajaan Singapura kerana kerjasama dalam memberikan kemudahan selama ini.

Perdana Menteri mengingatkan setiap anggota angkatan bersenjata meletakkan taat setia terhadap raja dan negara serta kejujuran dan dedikasi di atas segala-segalanya.

PTR. KD: 415 415/78

BERITA HARIAN, SABTU, 5 JULAI, 1975

Dato Seeni memberi sumbangan besar kpd negara: Tun

KUALA LUMPUR, Jumaat.

PERDANA Menteri dan Timbalan Perdana Menteri serta ramai pemimpin parti-parti politik dan masyarakat mensifatkan kematian mengejut Presiden Parti Progressive Rakyat Malaysia, Dato Sri S.P. Seenivasagam, sebagai satu kehilangan seorang tokok peguam dan politik bagi Perak dan seluruh Negara.

Tun Razak dan Timbalannya, Datuk Hussein Onn, mengirim kawat takziah mereka kepada Datin Sri Danapakia Devi, balu mendiang Presiden PPR dan Presiden Majlis Bandaran Ipoh itu, pagi tadi.

Ketika menerima berita kematian Dato Sri Seenivasagam itu, Tun Razak yang merasmikan Hari Tentera Laut Diraja Malaysia di Woodland, Singapura, pagi tadi berkata: "Kematian beliau bukan sahaja satu kehilangan amat besar kepada keluarga dan sahabat handainya tetapi juga kepada negara."

Perdana Menteri juga mensifatkan mendiang tersebut sebagai seorang tokoh yang matang dan terkenal.

"Beliau dan adiknya, Encik S.P. Seenivasagam telah memainkan peranan besar dalam Parliamen," tegasnya.

Tun Razak juga menerangkan, Datuk Sri Seenivasagam telah menunjukkan kebolehannya memajukan kawasan Bandaran Ipoh.

Terkenal

Dalam satu kenyataannya dari jabatannya di sini, Tun Razak menerangkan kawat takziah telah dihantarkan kepada keluarga mendiang itu.

Dalam kawat itu Perdana Menteri juga menyebut: "Selama beberapa tahun menjadi wakil rakyat, Mendiang Dato Sri Seenivasagam telah memberi sumbangan besar untuk kemajuan negara, khasnya bandar Ipoh."

Kenyataan Jabatan Perdana Menteri juga menyebut bahawa Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, juga telah menghantar kawat takziah kepada keluarga mendiang Dato Sri Seenivasagam.

Presiden Pekemas, Dr. Tan Chee Khoon, pula mensifatkan mendiang itu sebagai "seorang tokoh politik yang terkenal."

"Kematiannya boleh di sifatkan sebagai Malaysia kehilangan seorang tokoh Parlimen dan peguam yang cemerlang.

"Mendiang itu terkenal kerana sentiasa mengeluarkan pendapat yang lantang baik di dalam mahupun di luar Parlimen," katanya.

Dikenang

Pengarah Biro Politik Pekemas, Encik V. David, pula mensifatkan kematian mengejut mendiang itu sebagai kehilangan besar kepada semua rakyat Malaysia yang cintakan demokrasi dan kebebasan.

"Mendiang itu telah banyak memberikan sumbangan besar kepada Majlis Bandaran Ipoh dan jasanya sentiasa dikenang oleh penduduk Ipoh," katanya.

Pengerusi DAP Perak, Encik Lim Cho Hock, pula berkata DAP juga turut terharu dengan kematian mengejut mendiang itu.

"DAP pernah bekerja rapat dengan mendiang di peringkat awal dan budinya tetap kami kenang.

"Walaupun sudah berpisah haluan, kami tetap menghormati mendiang itu sebagai seorang yang yakin kepada apa yang dibuatkan untuk kepentingan rakyat," kata beliau.

Timbalan Presiden Gerakan Rakyat Malaysia, Senator Dr. Lim Keng Yaik, berkata Barisan Nasional susah hendak mencari ganti seorang pemimpin berkaliber seperti mendiang Dato Sri Seenivasagam.

Kehilangan

"Gerakan akan terus bekerja rapat dengan PPR," katanya.

Setiausaha agung PPP, Encik Khong Kok Yat berkata beliau sebagai tidak percaya mendiang

PTB ICA: 416 416/78.

SABTU, 5 JULAI, 1975 -



● Dengan menaiki Land-Rover Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, bersama Ketua Turus Tentera Laut Diraja Malaysia, Laksamana Muda Datuk K. Thanabalasingam, memeriksa Barisan Kehormatan TLDM di Pangkalan TLDM di Woodlands, Singapura pagi semalam. Seramai 1,000 orang pegawai dan anggota TLDM mengambil bahagian dalam perbarisan tersebut. Upacara itu diadakan sebagai menyambut Hari Ulangtahun TLDM. Selepas memeriksa barisan itu, Perdana Menteri menerima taklimat tentang kemajuan TLDM dari Panglima Satu Kolonel (Laut) Mohd. Sidek Shabudin. Sebelah malamnya Tun Razak dan Toh Puan Rahah menghadiri jamuan ulangtahun angkatan laut itu di Pangkalan itu juga. — Gambar Berita Harian.

Alat-alat lebih moden: Tun

TLDM akan diperbesar...

Oleh MOHD NOH ATAN

WOODLANDS (Singapura), Jumaat. – Tun Razak berkata, Tentera Laut Diraja Malaysia, akan diperbesarkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, untuk memikul tanggungjawab yang semakin bertambah.

Katanya, kapal-kapal serta alat-alat yang sudah lama akan diganti dengan kapal-kapal dan alat-alat yang lebih moden.

Menurut Tun Razak dengan adanya usaha mencari gali minyak di dasar laut tugas dan tanggungjawab TLDM akan semakin bertambah.

"Namun begitu saya yakin tanggungjawab yang bertambah itu dapat dijalankan dengan cekap dan memuaskan," tambahnya.

Perdana Menteri berkata demikian di upacara perbarisan menyambut Hari Tentera Laut Diraja Malaysia di K.D. Malaya di sini hari ini.

PTR.KA : 418 218/75

AHAD, 6 JULAI, 1975 —

Peruntukan awal $10 juta sebagai modal pusingan

RUMAH UNTUK RAKYAT DESA

Oleh SHAFIE NOR

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Kerajaan menguntukkan $10 juta sebagai modal pusingan bagi sekim perumahan untuk rakyat berpendapatan rendah di negara ini Tun Abdul Razak mengumumkan hari ini.

Perdana Menteri berkata beliau telah mengarahkan Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru supaya merancang dan melaksanakan sekim tersebut.

Sekim itu meliputi semua pekeja berpendapatan rendah termasuk pekerja-pekerja ladang di luarbandar dan pekerja-pekerja kilang.

Berucap merasmikan perhimpunan agung Kongres India Malaysia (MIC), Tun Razak berharap dengan terlaksananya sekim itu, Kerajaan dapat menampung sebahagian daripada keperluan perumahan di kalangan rakyat miskin.

Beliau menggesa para majikan termasuk tuanpunya ladang dan pengusaha-pengusaha membantu pekerja-pekerja mereka mendapatkan rumah menerusi sekim itu.

Menurutnya, dengan cara itu mereka akan dapat membantu keperluan perumahan bagi golongan yang berpendapatan rendah.

Tun Razak berkata pelaksanaan sekim tersebut adalah salah satu usaha untuk merapatkan jurang perbezaan antara golongan yang berada dan tidak berada di negara ini.

Matlamat

Beliau meminta pihak majikan mengseimbangkan tenaga pekerja pa-



Tun Razak dan Tan Sri V. Manickavasagam berbincang sesuato sesurus sebelum beliau merasmikan perhimpunan agung MIC yang ke 23 di Kuala Lumpur semalam.

Ramai pemimpin parti-parti yang bergabung dalam Barisan Nasional hadir dalam upacara tersebut termasuk Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Haji Asri Haji Muda; Pemangku Presiden MCA, Datuk Lee San Choon; Presiden Parti SUPP, Tan Sri Ong Kee Hui; Datuk Amar Haji Abdul Taib Mahmud dari Parti Pesaka Sarawak. — Gambar Berita Minggu.

Anasir2 jahat tak mahu rakyat bahagia — Tun

★ DARI MUKA 1

hadap Barisan Nasional dan Kerajaan yang didokongnya.

"Tetapi pihak-pihak yang gagal [illegible] ruhi rak[illegible] lihanraya

PTR. KA: 419 419/78

BERITA HARIAN, SELASA, 8 JULAI, 1975

Tun anjur koperasi di kota bantu yg di desa

PERDANA Menteri menyeru koperasi-koperasi dalam bandar membantu memajukan koperasi luarbandar dan bandar-bandar kecil yang bakal menjadi pusat pertumbuhan baru.

Menurut beliau, koperasi luarbandar nyata masih belum dapat menyaingi kebolehan koperasi bandar yang cergas dalam bidang-bidang perkilangan, insurans, pasaraya dan pelancungan.

KUALA LUMPUR, Isnin

Beliau menjelaskan, pusat-pusat pertumbuhan baru di Pahang Tenggara, Johor Tenggara dan di rancangan-rancangan Felda, perlu diberi perhatian penuh.

Tun Razak berkata demikian ketika merasmikan Perayaan Hari Koperasi Antarabangsa Ke 53 Peringkat Nasional di Dewan Tuanku Abdul Rahman petang ini.

Beliau berkata: "Dengan kerjasama itu nanti, dapatlah jurang perbezaan kemajuan koperasi kedua-dua sektor itu dirapatkan."

"Gerakan Koperasi akan dapat berjalan lebih baik apabila Pindaan Undang-Undang Koperatif diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang akan datang.

"Saya difahamkan, wakil-wakil koperasi turut sama memberikan syor dan pandangan terhadap pindaan undang-undang itu.

"Sepatutnya ahli-ahli Gerakan Koperasi berpuashati dengan pindaan-pindaan yang dikehendaki itu," ujarnya.

Perdana Menteri berharap, Rancangan Malaysia Ketiga memberi pengertian lebih bermakna terhadap Gerakan Koperasi bagi mempercepat pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Beliau menyebut, Angkasa, sebagai gabungan agung badan-badan koperatif besar patutlah sama-sama menyelaraskan aktiviti perancangannya.

"Projek Koperasi Nasional Sekolah-sekolah adalah contoh baik dan patut diperluas ke negeri-negeri lain setelah mendapat ilham dan kejayaan di Selangor dan Wilayah Persekutuan," tambahnya.

Mengenai Koperasi Perdagangan dan Perusahaan Daerah yang diumumkan oleh Encik Ghafar Baba, Menteri Pertanian dan Pembangunan Luarbandar dulu, Tun Razak mengumumkan, satu "blueprint" dan model Undang-undang Kecil telah disediakan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi (dulu Jabatan Kemajuan Kerjasama).

Tun Razak juga mengumumkan penukaran nama itu hari ini, kerana JKK telah digunakan sejak zaman penjajahan dan tidak lagi sesuai pada zaman kini.

Perlu dikaji

"Semoga perubahan nama jabatan ini akan memberi semangat baru serta azam ahli-ahli koperasi kita dan juga kepada pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan supaya mereka bertugas penuh minat, jujur serta dedikasi," jelasnya.

Mengenai Koperasi Perusahaan Daerah beliau berkata: "Sungguhpun konsep ini nampaknya baik, tapi berdasarkan bentuk dan corak koperasi yang berbagai itu, eloklah dikaji sebelum diambil langkah pencantuman selanjutnya."

Menurut beliau, pencantuman koprasi-koperasi daerah tidak akan melibatkan koperasi besar bertaraf kebangsaan, tapi dalam beberapa hal, koperasi besar digalakkan bergabung demi untuk memperkukuh lagi koperasi-koperasi tersebut.

Beliau gembira kerana LPP berjaya menggabungkan semua koperasi peladang di 210 kawasan pembangunan pertanian, sementara MAJUIKAN sedang mengusahakan pencantuman koperasi-koperasi nelayan.

Perdana Menteri bersyukur kerana dapat untuk pertama kalinya bersama-sama menghadiri Perayaan Hari Koperasi Antarabangsa yang disambut setiap tahun itu.

Beliau memuji usaha bersama Jabatan Pembangunan Koperasi (dulu Jabatan Kemajuan Kerjasama), LPP dan MAJUIKAN kerana menjayakan perayaan tersebut.

Usaha tersebut dapat menjalin semangat kerjasama dan perpaduan di kalangan koperasi-koperasi yang sedang bergerak dengan giatnya di seluruh negara.

Menurut beliau, strateji pembangunan masyarakat telah diperkuat bersama oleh LPP dan MAJUIKAN kerana berjaya menggabungkan koperatif-koperatif luar bandar yang berasaskan pertanian, sementara MCIS, MOCCIS dan Koperatif Pelbagaiguna Malaysia dengan koperatif-koperatif bandar.

"Duapuluh tahun lampau, setengah-setengah ahli jawatankuasa Koperasi Kampung tidak tahu membaca dan menulis, apatah lagi menguruskan buku kira-kira.

"Tapi sekarang, dengan tertubuhnya Maktab Kerjasama dan lain-lain latihan, keadaan koperasi semakin baik dan cergas, tidak semata-mata menyimpan dan meminjamkan wang kepada ahli-ahlinya," ujar beliau.

PTR. KA: 420 420/78

SELASA, 8 JULAI, 1975 –

Kejayaan komunis di Vietnam tak jadi ancaman

—TUN

KUALA LUMPUR, Isnin.

TUN RAZAK hari ini menegaskan lahirnya kerajaan Komunis di Kemboja dan Vietnam Selatan tidak bererti timbulnya satu ugutan terhadap Malaysia dan lain-lain negara di Asia Tenggara.

"Kita penuh kepercayaan bahawa keutuhan susunan politik dan sosial kita sendiri akan membolehkan kita menghadapi sebarang ancaman dari luar, baik dari Komunis ataupun lain-lain," kata beliau dalam jawapan bertulisnya kepada soalan Encik Stephen Robert Evans (BN-Keningau).

Sesungguhnya, kata Perdana Menteri, tamatnya perang di Indochina memberi harapan baru untuk keamanan dan kestabilan yang kekal di Asia Tenggara membolehkan negara-negara di rantau ini berkemampuan membentuk untuk mereka sendiri dan oleh mereka sendiri atu rantau yang aman, bebas dan kerkecuali, bebas dari gangguan luar.

Encik Evans bertanya samada kejatuhan Republik Khmer dan Vietnam Selatan ke tangan Komunis sebagai satu ancaman kepada keamanan dan keselamatan dalam Malaysia dan negara-negara Asean.

Berkecuali

Tun Razak berkata Malaysia telah memberi pengiktirafan diplomatik kepada kedua-dua kerajaan baru di Kemboja dan Vietnam Selatan dalam bulan April dan Mei lalu.

Dalam satu jawapan bertulis kepada soalan Encik Lee Lam Thye (DAP-Kuala Lumpur Bandar), Tun Razak berkata Malaysia memberi perhatian berat ke atas perkembangan di Indochina dengan membuat pengiktirafan segera ke atas kerajaan baru kedua-dua negara itu.

"Pengiktirafan kita adalah selaras dan bersesuaian dengan dasar berkecuali dan tidak campur tangan dalam pertelingkahan di Indochina.

"Kita dalam pengiktirafan telah menyatakan keinginan untuk mengadakan hubungan kerjasama yang mesra dengan negara-negara ini.

"Kita juga telah menyatakan kesediaan kita untuk menolong mereka dalam apa juga cara yang kita boleh berkaitan dengan usaha-usaha

Berita Harian 8 Julai 75,

PTR.KA: 421 421/78

Tun harap dapat pelajari sesuatu dari sidang majistret C'wealth

8 Julai 75?

KUALA LUMPUR, Sabtu. Tun Abdul Razak berharap persidangan keempat Majistret Commonwealth di sini akan memberi peluang kepada Malaysia belajar dalam penggunaan undang - undang dari pengalaman anggota-anggota tertua dalam pertubuhan tersebut

Dalam perutusan sempena persidangan enam hari yang bermula Isnin ini, Perdana Menteri berkata, ramainya anggota perwakilan Malaysia menghadiri persidangan tersebut menunjukkan "betapa besarnya minit kami untuk memperbaiki lagi sistem undang-undang kami."

Tun Razak berharap segala keputusan persidangan tersebut akan dapat memperbaiki pentadbiran keadilan di mahkamah-mahkamah Commonwealth.

Seramai 200 orang anggota perwakilan dan 40 orang pemerhati dari negara-negara Commonwealth menghadiri persidangan itu yang pertama kali diadakan di sini.

Berita Harian 8 Julai 75.

PTR.KA: 422 422/78

HIMPUNAN AGUNG A.

TUN RAZAK keluar meninggalkan dewan setelah merasmikan perhimpunan agung MCA diiringi tepukan seluruh perwakilan semalam. Bersama beliau Presiden parti itu, Datuk Lee San Choon, manakala di belakang Perdana Menteri ialah Tan Sri Lee Siok Yew dan Encik Michael Chen. — Gambar Berita Minggu.

PTR.UD:423 423/78.

RABU, 9 JULAI, 1975 —

BERITA HARIAN, KHAMIS, 10 JULAI, 1975

PTR.UD: 424 424/78.

Tun: Rancangan Ke-2 berjalan lancar

K. LUMPUR, Rabu

MATLAMAT perbelanjaan pembangunan awam di bawah Rancangam Malaysia Kedua dijangka akan melebihi 50 peratus dari matlamat asalnya berjumlah $6 biliun pada akhir tahun ini.

Tun Razak menjelaskan perkembangan sektor swasta dalam pelaburan, sebahagian besarnya dalam sektor perkilangan yang telah berkembang selaras dengan ramalan dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Bentuk pelaburan swasta yang besar ialah jentera-jentera dan alatan tetapi pelaburan dalam bangunan dan pembinaan juga sangat cepat.

Perdana Menteri Tun Abdul Razak berkata keadaan ini disebabkan kenaikan harga yang cepat dalamasa dua tahun lalu.

"Bagaimanapun sumbangan kerajaan terhadap kemajuan sosio-ekonomi negara ini adalah besar," katanya menjawab soalan Encik Luhat Wan (SNAP-Baram) di Dewan Rakyat petang ini.

Tun Razak berkata, pada keseluruhannya prestasi atau performance ekonomi di bawah Rancangan Malaysia Kedua telah mencapai kemajuan sebagaimana yang dijadualkan.

Ini diukir daripada perkembangan keluaran kasar negara (GNP).

Menurut beliau, kira-kira 70 peratus daripada matlamat perbelanjaan pembangunan awam telahpun dicapai antara tahun 1971-1973.

"Adalah dijangkakan pada akhir tahun 1975, perbelanjaan pembangunan awam akan melebihi 50 peratus dari matlamat asalnya yang berjumlah $6 biliun".

Memandang kepada berbagai-bagai bentuk pelaburan swasta yang terus berkembang walau pun dalam tahun yang kurang cergas seperti tahun 1975 ini, menunjukkan keyakinan sektor swasta akan "kemampuan" ekonomi negara seluruhnya, katanya.

Progresif

Perdana Menteri berkata, angka-angka terakhir mengenai kadar pembangunan yang di alami oleh sesebuah negeri akan dimasukkan dalam dokumen Rancangan Malaysia Ketiga.

Secara umum, pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua lebih progresif di negeri - negeri yang lebih maju jika di bandingkan dengan negeri-negeri yang kurang mampu.

Tun Razak menjelaskan apa yang akan di tekankan dalam Rancangan Malaysia Ketiga nanti ialah bidang pembangunan lebih besar kepada keperluan-keperluan negeri-negeri yang kurang mampu.

Tun akan sampai Hadiah Sastra 2 Ogos

KUALA LUMPUR, Selasa. — Tun Abdul Razak akan menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang Hadiah Sastra 1974 di Holiday Inn pada 2 Ogos ini.

Setiausaha Penal Hadiah Sastra 1974 Encik Kamaluddin Muhammad (Kris Mas) memberitahu Berita Harian hari ini, kad-kad undangan mengenai perkara itu telah pun diedarkan.

Sekretariat Penal Hadiah Sastra 1974 pernah menetapkan 31 Mei sebagai tarikh penyampaian hadiah di tempat yang sama, tetapi terpaksa ditangguhkan atas sebab-sebab tertentu.

Tahun lalu, pengumuman keputusan Hadiah Sastra 1973 dibuat pada minggu kedua bulan April.

Terakhir

Encik Kamaluddin menjelaskan, Penal Hadiah Sastra 1974 yang mengadakan perbincangan terakhir di Cameron Highlands awal Mac lalu, menilai dan menimbangkan 2,895 karya sastra yang diterbitkan sepanjang 1974.

"Dalam tahun 1974 terdapat 1.077 penulis menghantar karya-karya mereka dan diteliti terlebih dulu sebelum pemilihan," ujarnya.

Panel Hadiah Sastra 1974 menilai 1,630 sajak, 572 cerpen, 671 essei kritik, 15 drama dan lapan buah novel.

34

PTR. KS: 425 425/78.

JUMAAT, 11 JULAI, 1975 —

MEMBACA LAPU-RAN TAHUNAN.

PERDANA Menteri, Tun Abdul Razak (kiri sekali) sedang membaca laporan tahunan di mesyuarat Lembaga Pengurus Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara yang dipengerusikan oleh beliau di Jabatan Perdana Menteri di sini semalam.

Di sebelah kiri Tun Razak Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dzulkifli Abdul Hamid, Ketua Pengarang Kumpulan Akhbar The New Straits Times, Encik Lee Siew Yee, Tan Sri S. O. K. Ubaidulla, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Encik Osman Cassim dan lain-lain. — Gambar Berita Harian.

PTR. KS: 426 426/78

ERITA HARIAN, SELASA, 15 JULAI, 1975

Tun nafi bekas perajurit sertai komunis

KUALA LUMPUR. Isnin.

TUN ABDUL Razak memberitahu tidak ada bekas perajurit di negeri ini yang telah menyertai Parti Komunis Malaya.

Dalam jawapan bertulis kepada soalan Encik Chian Heng Kain (DAP-Batu Gajah) di Dewan Rakyat hari ini beliau mengumumkan kerajaan sedang merancang dan menimbang langkah-langkah lain yang difikirkan perlu dilaksanakan bagi menolong bekas-bekas perajurit itu.

Menurut Perdana Menteri, lima buah pejabat baru hal ehwal bekas anggota tentera akan didirikan di Pulau Pinang, Johor Baharu, Kuantan dan Kuching bagi tujuan itu.

Tugas utama pejabat-pejabat ini, menurut beliau, untuk mengendalikan masaalah bekas perajurit di peringkat negeri dan daerah.

Encik Chian dalam soalannya juga bertanya samada Tun Razak sedar bahawa bekas perajurit kurang puashati dengan layanan yang diberi kepada mereka oleh kerajaan.

"Saya memang ada mendengar rasa kurang puashati itu," kata beliau.

Tetapi ini adalah merupakan salah satu sifat manusia, ada yang puas dan ada pula yang kurang puas."

Bagaimanapun, kata beliau, Kementerian Pertahanan khasnya bahagian hal ehwal bekas anggota tentera sentiasa mencari jalan untuk mengatasi masaalah ini.

SELASA, 15 JULAI, 1975 -

PTR. KA: 427 427/75



TAN SRI KADIR

103 pegawai kerajaan terlibat rasuah: Tun

KUALA LUMPUR, Isnin. — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak memberitahu Dewan Rakyat hari ini bahawa seramai 103 pegawai kerajaan telah terlibat dalam kes-kes rasuah sejak bulan Januari hingga Jun tahun ini.

Dari jumlah tersebut mereka yang ditangkap atas maklumat atau aduan orangramai berjumlah 50 orang.

Manakala jumlah orangawam yang ditangkap kerana memberi rasuah atas maklumat atau aduan pegawai kerajaan ialah seramai 53 orang, kata beliau ketika menjawab soalan, Encik Farn Seong Than (DAP-Sungai Besi).

Encik Farn ingintahu jumlah pegawai-pegawai yang telah ditangkap atas dakwaan telah menerima wang rasuah berkaitan dengan permohonan-permohonan untuk permit teksi.

Beliau juga ingintahu berapa ramai pegawai yang ditangkap atas dakwaan telah menerima wang rasuah berkaitan dengan permohonan untuk tanah.

Tun Razak berkata, tiga orang pegawai telah ditangkap oleh Biro Siasatan Negara atas tuduhan menerima wang rasuah berkaitan dengan permohonan mendapat permit teksi.

Manakala tujuh orang pula ditangkap atas tuduhan menerima wang rasuah berkaitan dengan permohonan mendapatkan tanah.

Menjawab pertanyaan Encik Lee Lam Thye (DAP - Kuala Lumpur Bandar) mengenai langkah kerajaan menghapuskan perbuatan rasuah beliau berkata:

Kuasa penuh

"Kerajaan telah menubuhkan BSN dan memberi kuasa penuh kepadanya menghapus perbuatan ini.

"Oleh kerana itu terpulang kepada pihak awam membantu dan memberi maklumat kepada badan ini untuk memudah dan menjayakan tugas mereka," kata Tun Razak.

Menjawab pertanyaan lain Encik Farn Seong Than, Perdana Menteri berkata, kerajaan telah mengadakan rundingan dengan sektor estate bagi menggalak pekerja-pekerja mereka menanam tanaman sendiri di bawah Rancangan Buku Hijau.

Dari rundingan itu persetujuan telah dibuat bahawa mereka yang ingin melibatkan diri dalam rancangan itu hendaklah menekankan matlamat pertama buku tersebut—menanam untuk kegunaan sendiri.

Beliau memberitahu, Rancangan Buku Hijau ialah untuk semua rakyat dan adalah diharapkan semua pihak termasuk pekerja-pekerja ladang getah dan kelapa sawit menyahut seruan ini tanpa perlu mendapatkan galakan dari kerajaan.

Berternak

Beliau menambah, dibawah akta (Piawaian minima Perumahan Pe-

PTR. KA: 428 428/75

Berita Minggu, Ahad, 20 Julai, 1975

Tun gesa pekebun2 lebih giat baiki nasib mereka

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Tun Abdul Razak hari ini berjanji beliau akan memberi perhatian berat untuk mengatasi kesulitan para-pekebun kecil kelapa yang mengalami masaalah kejatuhan harga kelapa dan inflasi.

Beliau juga berharap para-pekebun kecil kelapa dan petani berusaha lebih giat memperbaiki nasib mereka selaras dengan dasar ekonomi baru kerajaan.

Beliau berkata demikian ketika menerima sembilan orang ahli jawatankuasa Sekretariat Pekebun Kecil Kelapa Hilir Perak di Bilik Gerakan Jabatan Perdana Menteri di sini.

Rombongan itu, diketuai oleh Yang Dipertuanya, Encik Ishak Haji Abbas, telah menyampaikan, memorandum Kongres Pekebun Kecil Kelapa Perak Isnin lalu.

Memorandum tersebut menggesa kerajaan mencari pasaran kelapa di luarnegeri agar harganya seimbang dan adil.

★ MUKA 14 Ruang 1

SYOR SKIM PEMASARAN DISAMAKAN

★ DARI MUKA 1

Ia juga menggesa negara - negara Asean mengadakan skim pemasaran yang sama supaya mutu minyak dan kelapa kering tidak menghadapi masaalah di luar-negeri.

Encik Ishak mencadangkan badan-badan berkanun seperti MARDI, NISIR dan FAMA menjalankan usaha positif supaya pekebun kecil kelapa dan petani boleh menikmati hasil titik peluh mereka.

Masaalah yang dihadapi sekarang bukan sahaja harga kelapa yang sangat rendah tetapi juga masaalah-masaalah teknikal, kemasyarakatan dan sikap pekebun.

Masaalah ini tidak boleh dibiarkan kerana akan mendorong lebih ramai belia pergi ke bandar untuk mencari peluang pekerjaan. Kawasan kebun kecil kelapa di Hilir Perak seluas 70,000 ekar dan seramai 100,000 penduduk bergantung hidup dari hasil kelapa. — Bernama.

PERSIDANGAN KEDUA DEWAN-DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN ASEAN

BERITA HARIAN, ISNIN, 21 JULAI, 1975

PTR. KA: 429 429/78

Tun Abdul Razak berucap merasmikan persida ngan kedua Dewan-Dewan Perniagaan dan Perusahaan Asean di Dewan Tengku Abdul Rahman di Ku ala Lumpur, Sabtu lalu.
Persidangan tersebut yang berakhir semalam m enerima tawaran Filipina untuk menjadi tuanrumah persidangan akan datang. — Gambar Berita Harian.

SABTU, 26 JULAI, 1975

PTR. KA: 430 430/78.

Tugas rakyat yang murni

TANGGUNGJAWAB mengawal negara sememangnya tanggungjawab setiap rakyat. Walaupun ini tidak selalunya ditekankan, tapi secara sedar setiap rakyat tentunya perlu mengerti ini. Maka itu, bila Perdana Menteri Tun Abdul Razak mengumumkan bahawa setiap rakyat berumur antara 18 hingga 55 tahun dikehendaki memikul tanggungjawab tersebut, ini sudah sesuatu yang sewajarnya. Selama ini kita hanya menggantungkan segala-gala tanggungjawab sedemikian kepada anggota-anggota polis dan tentera semata. Padahal, tugas tersebut akan lebih berkesan kalau setiap rakyat turut memahami bahawa tugas itu adalah tugas kita juga.

Bahawa hanya sekarang baru pengumuman itu dibuat bukanlah pula bererti soal tersebut tidak pernah disedari atau dirasakan penting. Selama ini kita hanya mempercayai bahawa segala-gala sudah dilaksanakan. Seperti tidak perlu langsung tanggungjawab individu yang lain. Tapi, kerana menyaksikan bahawa sudah mula ada kecenderungan untuk tidak mengambil berat tentang peranan ini, maka itulah rakyat segera disedarkan. Di bawah "Rukun Tetangga" rakyat disedarkan bahawa mengambil berat sesama tetangga adalah satu tanggungjawab yang murni; di bawah rukun tersebut juga disedarkan bahawa menjaga keselamatan kawasan sendiri adalah satu tanggungjawab yang keramat.

Tanggungjawab sedemikian, jadinya bukanlah perlu terbatas kepada rakyat tertentu. Di dalam tanggungjawab ini tidak ada kastanya; baik yang kaya mahupun yang miskin, masing-masing hidup dalam kawasan yang perlu dipertahan dan dipeliharanya. Kecintaan terhadap tanahair menuntut setiap rakyat mempertahankannya.

Dalam hubungan ini, Tun Razak mengingatkan bahawa mereka yang menyokong pengganas Komunis tidaklah boleh disifatkan sebagai rakyat yang taat setia kepada negaranya. Pengganas-pengganas *cuba menghuruharakan* negara kita, dan telahpun terdapat maklumat bahawa mereka menggunakan sempadan

ISNIN, 28 JULAI, 1975 —

PTR-60 : 2931 431/78.



Tun tiba di Penang rasmi pesta

● TUN Abdul Razak bertanya khabar kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Lim Chong Eu setibanya beliau di Lapanganterbang Bayan Lepas, semalam untuk lawatan dua hari ke sana.

Inilah kali pertama Dr. Lim muncul di khalayak ramai sejak beliau sakit bulan Mei lalu.

Ramai tokoh politik negeri serta pegawai - pegawai kanan Kerajaan menyambut Tun Razak yang tiba dengan kapalterbang jet Fokker Fellowship Tentera Udara Diraja Malaysia.

Sejurus lepas ketibaannya Tun Razak merasmikan pesta sukan Pemuda Umno. Di kanan sekali ialah ahli Majlis Kerja Pemuda Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin yang juga ahli Parlimen Sepang. — Gambar Berita Harian.

BERITA HARIAN, RABU, 6 OGOS, 1975

PTR-KA: 432 432/78



BERITA HARIAN, JUMAAT, 8 OGOS, 1975

PTR-KA: 433 433/78.

Penyerahan kenderaan

PERSATUAN Koperatif Peladang Kuala Berang telah menerima sebuah kenderaan kecil Toyota Hi-Ace dari Borneo Motor kerana terpilih sebagai persatuan koperatif peladang terbaik sempena Hari Peladang tahun ini.

● Perdana Menteri, Tun Abdul Razak telah menyerahkan kenderaan itu kepada Pengarah Persatuan itu, Encik Harun Dagang (batik) dalam satu upacara ringkas di Parlimen semalam.

Tun dan Ghazali bincang sesuatu

● Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, sedang menyatakan sesuatu kepada Tan Sri Ghazali Shafie, selepas beliau melawat Pusat Kawalan Polis di Bangunan AIA.

Mengiringi Perdana Menteri termasuk Menteri Perhubungan, Tan Sri V. Manickavasagam dan Ketua Polis Negara, Dato Seri Haniff Omar dan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Encik Othman Cassim. — Gambar Berita Harian.

JUMAAT, 8 OGOS, 1975 — 1

PTR·44 : 434 439/78.

Mustapha dan Tun bincang 'hati ke hati'

KOTA KINABALU, Khamis. — Tun Datu Haji Mustapha berkata beliau telah mengadakan perbincangan "hati ke hati" dengan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak pada hari Isnin lalu mengenai perkembangan di Sabah sekarang.

"Kami telah mencurahkan hasrat hati kami dengan secara ikhlas dan berterus terang," kata Ketua Menteri dalam ucapannya menerusi Radio dan TV Malaysia Kota Kinabalu malam ini.

Tun Datu Mustapha berkata, "Tun Perdana Menteri saya anggap sebagai adik saya sendiri dan selepas perbualan 'hati ke hati', kami mendapat persetujuan bulat.

"Saya tidak percaya bahawa Tun Perdana Menteri terlibat dalam perisytiharan penubuhan Parti Berjaya di Sabah."

Tun Datu Mustapha dukacita kerana nama Tun Razak telah dipergunakan oleh pemimpin-pemimpin Parti Berjaya.

Katanya, beliau dan Tun Razak telah bersetuju untuk berjumpa lagi bagi mengatasi kekusutan sekiranya sesuatu masaalah timbul.

"Saya percaya apa juga rancangan Parti Berjaya untuk menimbulkan kecemasan di Sabah tidak akan mempengaruhi Tun Perdana Menteri bertindak tanpa usul periksa," katanya.

Tun Datu Mustapha mendakwa bahawa Parti Berjaya kini sedang berusaha menimbulkan kacau-bilau dan kemudian akan mendesak Kerajaan Pusat mengisytiharkan darurat di Sabah.

Ketua Menteri berkata beliau telah mengadakan perjumpaan dengan Pesuruhjaya Polis Sabah, Pemerintah Tentera di Sabah dan Peguam Negeri Sabah membincangkan keadaan keselamatan dalam negeri.

Katanya, beliau telah diberi jaminan bahawa pihak Polis dan Tentera akan menjalankan tugas dengan berhati-hati bagi menjamin keselamatan dan ketenteraman rakyat.

Utamakan

Ketua Menteri lalu menyeru seluruh rakyat di Sabah mengutamakan keselamatan negara dan mengingatkan jangan berbuat sesuatu yang boleh menjejaskan keselamatan.

Tun Mustapha memuji pihak polis kerana mengharamkan parti-parti politik mengadakan rapat-rapat umum dan perjumpaan demi menjaga keamanan dan keselamatan negeri.

Beliau menganggap langkah tersebut adalah bijak kerana rapat-rapat umum boleh mencetuskan kekacauan.

"Saya telah diberi jaminan oleh Pesuruhjaya Polis Sabah bahawa Polis akan menangkap siapa sahaja yang melanggar undang - undang," katanya.

Tun Mustapha berkata beliau telah mengarahkan Parti Perikatan Sabah dan USNO jangan mengadakan rapat umum dan jangan menggunakan kekerasan.

"Saya percaya seluruh ahli dan penyokong Perikatan dan USNO tidak akan melanggar nasihat saya," tambah beliau.

Mengenai tuduhan-tuduhan para pemimpin Berjaya terhadapnya, Tun Mustapha berkata: "Saya terus bersabar dan merancang dengan diam-diam segala strateji yang perlu diambil."

Menari

"Saya enggan menari mengikut rentak lagu yang dimainkan oleh petualang - petualang USNO," katanya.

Ketua Menteri berkata, peperangan mulut memang menjadi senjata politik tetapi janganlah sehingga terlalu melampau.

"Saya harap pemimpin-pemimpin Parti Berjaya akan menunjukkan kematangan dan kesiuman fikiran demi kepentingan rakyat dan Negeri Sabah," katanya.

Tun Mustapha menjelaskan, beliau belum lagi membuat lawatan ke kampung-kampung menemui rakyat sejak timbul pergolakan politik di Sabah kerana tidak ingin mengeruhkan lagi keadaan.

"Pada ketika ini kita perlu berfikir dan memerhati keadaan dan bukan masanya untuk bertindak dengan melulu," katanya.

Bila pemimpin bercakaran, rakyat yang rugi dan menderita, tambah beliau. — Bernama.

PTR.KA:435 435/75.

Berita Harian 8 ~~Julai~~ Ogos 75.

PTR.KA:437 437/75

HADIAH SASTRA DARI TAHUN KE TAHUN

Tiang seribu harapan penulis teguh kembali?

8.Ogos 75

Oleh AMAT MAT TOP

PERKEMBANGAN novel berbahasa Malaysia semakin perlahan. Pudar masadepannya pudar. Pun ambang rezeki para penulis gigih hampir tidak berwajah lagi.

Hendak bergantung pada royalti, berapalah sangat. Itupun terpulang kepada pasarannya; sambutan masyarakat pembaca terhadap sesebuah novel.

Inisiatif Kerajaan mempergiat penghasilan karya sastra kreatif, bermula selepas negara ini merdeka.

Selepas merdeka, banyak novel diterbitkan. Istimewa dalam tahun-tahun 1966, 1967 dan 1968. Kemudian ketenangan itu berkocak dan merobohkan tiang seribu harapan para penulis.

Kurang sekali novel-novel sejak tahun 1969 dicitak untuk kali kedua, ketiga dan seterusnya. Tidak seperti novel-novel karya Ruhi Hayat (Ahmad Bustamam), Salmi Manja (Saleha Abdul Rashid) dan Khadijah Hashim dengan novel mereka "Api Itu Masih Membara", "Sayang Ustazah Sayang" dan "Badai Semalam".

Peraduan Novel 10 Tahun Merdeka, dianggap sebagai titikmula bernyawa kembali perkembangan novel. Bagaimanapun ia tetap gagal menambah jumlah bahan bacaan hingga ke saat ini.

Jemaah hakim menerima 51 naskah atau manuskrip novel, tapi enam darinya ditolak untuk dipertimbangkan kerana tidak memenuhi syarat-syarat peraduan.

Tun Abdul Razak (ketika itu Timbalan Perdana Menteri) menyebut, peraduan untuk tahun 1971 akan diadakan "menimbangkan sambutan begitu menggalakkan daripada penulis-penulis tanahair".

Jemaah hakim yang dianggotai oleh para akademisyen, sastrawan, wartawan dan pegawai tinggi Kerajaan, dengan dipengerusikan oleh Tun Suffian Hashim (ketika itu bergelar Tan Sri), telah menetapkan bahawa setiap karya harus mengandungi antara 80,000 hingga 100,000 perkataan.

Kerana masih kurang pengalaman dalam bidang penghakiman, terdapat beberapa kesulitan dan jangka waktu penghakiman terlalu panjang, tambahan pula beberapa anggota jemaah hakim meletakkan jawatan.

Mujur pada penghujung tahun 1969, jemaah hakim disusun semula dan mereka memulakan pengadilan yang terbantut itu.

Jemaah hakim memutuskan, enam buah novel, termasuk sebuah yang memenangi hadiah ketiga mencapai taraf kejayaan. Lima lagi memenangi hadiah saguhati.

Dari keputusan tersebut, jelas dua penulis veteran — Arenawati (Muhammad Abdul Biang) dan Abdullah Hussein — masih dapat bertahan lagi.

Keputusan yang diumumkan: tiada hadiah-hadiah pertama dan kedua, Arenawati dengan novelnya "SANDERA" mendapat hadiah ketiga dan menerima $3,000.

Pemenang - pemenang saguhati dan $1,000 seorang: Ismail Salleh (Badan Bertuah), Alias Harun (Meniti Buih), Abdul Aziz Alias (Pulanglah Perantau), Khadijah Hashim (Merpati Puteh Terbang Lagi) dan Abdullah Hussein (Interlok).

Dibukukan

Semua novel yang berjaya itu dibuku dan ditерbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Inilah pertama kali Kerajaan menganjurkan peraduan seperti itu, dan sudah tentu ia menghadapkan hasil-hasil lebih baik dari apa yang pernah dianjurkan oleh DBP pada masa-masa yang lalu.

Peraduan Novel 10 Tahun Merdeka tinggal dalam kenangan. Pemilihan enam buah novel itu menambahkan semangat para penulis, terutama novelis untuk terus menulis.

UMNO Bahagian Larut Utara di Perak, menerusi usul Encik Mohd. Yusuf Abu Bakar, menyeru Kerajaan mengadakan Hadiah Sastra Tahunan kepada penulis-penulis dalam Bahasa Malaysia.

Encik Mohd. Yusuf berkata: "Sudah tiba masanya Kerajaan Pusat mengadakan Hadiah Sastra Tahunan."

Seruan bersambut. Kerajaan akan mengadakan Hadiah Sastra pertama untuk tahun 1971. Pertandingan bersyarat dan jumlah perkataan ditetapkan.

Permintaan Encik Mohd. Yusuf agar penal menghakimkan karya-karya citak dalam satu-satu tahun dalam bentuk sajak, rencana, cerpen, novel, syaer, drama dan essei/kritik.

Ogos 1971, Prof. Ismail Hussein berkata: "Tun Razak merupakan seorang Perdana Menteri yang pertama memberikan sokongan pribadi terhadap perkembangan kesusastraan.

"Ini terbukti dengan langkah dan usaha beliau melantik ahli Penal Hadiah Sastra 1971 yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ghazali Shafie (ketika itu Menteri Penerangan dan Tugas-Tugas Khas)."

Jadi, sikap Tun Razak itu adalah satu penghormatan terhadap penulis-penulis tanahair. Dan sejauh mana kesanbalas para penulis terhadap sikap tersebut. Terpulang.

Penal Hadiah Sastra 1971: Tan Sri Ghazali Shafie (Pengerusi), Prof. Taib Osman (Naib Pengerusi), Kamaluddin Muhammad (Setiausaha), Omar Hashim, Samad Ismail, Datuk Abdullah Ahmad, serta Jawatankuasa Penasihat yang terdiri dari Datuk Hussein Onn, Prof. Ismail Hussein, Melan Abdullah, Tan Sri Syed Nasir Ismail, Hassan Ibrahim dan Abdullah Majid selaku Setiausaha.

Perlantikan penal itu diumumkan oleh Tun Razak di Sri Taman dalam upacara penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang Peraduan Menulis Rencana menyambut Jubli Perak UMNO.

Penal Hadiah Sastra 1971 telah menimbangkan 1,322 karya sajak, 294 cerpen, tujuh novel dan empat drama.

Khadijah Hashim, pemenang wanita tunggal dalam Perduan Novel 10 Tahun Merdeka, sekali lagi terpilih sebagai juara penulis wanita dengan merangkum $2,100, setelah tiga buah cerpennya berjaya.

Tahun 1972 dianggap sebagai tahun mewah bagi para penulis tanahair kerana lebih $25,000 telah dibagi-bagikan kepada 40 penulis terhadap 56 karya sastra sepanjang tahun 1971 berjaya.

Keputusan Peraduan Novel 10 Tahun Merdeka, menambahkan semangat mereka untuk menulis. Tapi seribu kali sayang. Cuma sebuah novel berjaya. Itupun hasil seAzizi Haji Abdullah.

Apa yang sungguh menggembirakan disebalik sesak-sesak nafas Yusuf Abu Bakar, menyeru Kerajaan mengadakan Hadiah Sastra Tahunan kepada penulis-penulis dalam Bahasa Malaysia.

Encik Mohd. Yusuf berkata: "Sudah tiba masanya Kerajaan Pusat mengadakan Hadiah Sastra Tahunan."

Seruan bersambut. Kerajaan akan mengadakan Hadiah Sastra pertama untuk tahun 1971. Pertandingan bersyarat dan jumlah perkataan ditetapkan.

Permintaan Encik Mohd. Yusuf agar penal menghakimkan karya-karya citak dalam satu-satu tahun dalam bentuk sajak, rencana, cerpen, novel, syaer, drama dan essei/kritik.

Ogos 1971, Prof. Ismail Hussein berkata: "Tun Razak merupakan seorang Perdana Menteri yang pertama memberikan sokongan pribadi terhadap perkembangan kesusastraan.

"Ini terbukti dengan langkah dan usaha beliau melantik ahli Penal Hadiah Sastra 1971 yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ghazali Shafie (ketika itu Menteri Penerangan dan Tugas-Tugas Khas)."

Jadi, sikap Tun Razak itu adalah satu penghormatan terhadap penulis-penulis tanahair. Dan sejauh mana kesanbalas para penulis terhadap sikap tersebut. Terpulang.

Penal Hadiah Sastra 1971: Tan Sri Ghazali Shafie (Pengerusi), Prof. Taib Osman (Naib Pengerusi), Kamaluddin Muhammad (Setiausaha), Omar Hashim, Samad Ismail, Datuk Abdullah Ahmad, serta Jawatankuasa Penasihat yang terdiri dari Datuk Hussein Onn, Prof. Ismail Hussein, Melan Abdullah, Tan Sri Syed Nasir Ismail, Hassan Ibrahim dan Abdullah Majid selaku Setiausaha.

Perlantikan penal itu diumumkan oleh Tun Razak di Sri Taman dalam upacara penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang Peraduan Menulis Rencana menyambut Jubli Perak UMNO.

Penal Hadiah Sastra 1971 telah menimbangkan 1,322 karya sajak, 294 cerpen, tujuh novel dan empat drama.

Khadijah Hashim, pemenang wanita tunggal dalam Perduan Novel 10 Tahun Merdeka, sekali lagi terpilih sebagai juara penulis wanita dengan merangkum $2,100, setelah tiga buah cerpennya berjaya.

Tahun 1972 dianggap sebagai tahun mewah bagi para penulis tanahair kerana lebih $25,000 telah dibagi-bagikan kepada 40 penulis terhadap 56 karya sastra sepanjang tahun 1971 berjaya.

Keputusan Peraduan Novel 10 Tahun Merdeka, menambahkan semangat mereka untuk menulis. Tapi seribu kali sayang. Cuma sebuah novel berjaya. Itupun hasil seAzizi Haji Abdullah.

Apa yang sungguh menggembirakan disebalik sesak-sesak nafas novel, seorang penulis bukan-Melayu, Teo Huat juga berjaya setelah sebuah sajaknya terpilih.

Novelis Arenawati, meskipun tidak segagah dulu, dia masih segar dan memenangi hadiah $700 kerana cerpennya berjaya.

Penulis-penulis yang berjaya membolot lebih dari satu hadiah: Khadijah Hashim (tiga cerpen), Ahmad Sarju (empat sajak), Shahnon Ahmad (dua cerpen), Rejab F.I. (tiga sajak).

Lain-lain; Baha Zain (satu cerpen dan dua sajak), Zurinah Hassan (dua sajak), Jamdin Buyong dari Sabah (dua sajak), Zam Ismail (dua sajak), Halimah Haji Ahmad, Shansuddin Jafar dan Latiff Mohiddin (masing-masing dua sajak).

Penyair tahun 50an yang dianggap agung, Usman Awang, atau lebih dikenali sebagai Tongkat Waren, berjaya dengan sebuah sajaknya.

Para pemenang terdiri dari berbagai profesyen; ustaz, ustazah, guru, wartawan, mahasiswa, kakitangan DBP, pelukis dan penulis sambilan.

Keputusan yang diumumkan itu menimbulkan rasa tidak puashati seorang penulis yang berjaya dan dia enggan menerima hadiah $700 yang dimenanginya.

Penyair Rejab F.I. marah - marah atas sikap penulis itu kerana menurutnya, penulis itu tidak menghargai sumbangan Kerajaan.

Keputusan Hadiah Sastra 1972 juga menarik. Kerana kejayaan dalam tahun sebelumnya begitu menggalakkan, jumlah karya untuk diperiksa oleh Penal Hadiah Sastra 1972 semakin bertambah.

Kali ini, tidak ada novel yang layak menerima hadiah setelah penal menimbangkan 12 novel.

Novel yang bagaimana agaknya yang dikehendaki oleh penal, dan keputusan itu mendorong para pembaca kurang yakin terhadap keutuhan novel tempatan. Daerah pembacaan novel semakin sempit. Siapakah yang bersalah?

Pengadil

Sebelum ini, Persatuan Penulis-Penulis Kelantan (PPK), menyeru agar Penal Hadiah Sastra terdiri dari mereka yang boleh berkhidmat sepenuh masa.

Ketua Satu PPK, Alias Harun berkata, sebilangan besar ahli-ahli penal kurang layak untuk mengadil karya-karya sastra.

Perdana Menteri, Tun Razak, ketika berucap di hari penyampaian Hadiah Sastra 1972 mengharapkan, mutu penulisan sastra dipertinggi.

Penal yang menerima 12 novel, tidak berpuashati dengan mutu semua novel itu, kecuali sebuah dipertimbangkan. Akhirnya "Sebelum Berhujungnya Musim Bunga" diketepikan juga.

Sebanyak 471 cerpen diterima: cuma 248 dipertimbangkan dan 12 saja terpilih.

Menurut ulasan penal, lebih 50 peratus cerpen yang diterima bercorak hiburan dan mirip fornografi; kualiti tidak seimbang dengan kuantiti. Salahkah cerpenis-cerpenis itu?

Tiga penulis — Mohamad Affandi Hassan, Arenawati dan Ali Majod — memenangi dua hadiah cerpen, sementara Azizi Haji Abdullah, Shahnon Ahmad, S. Kelantan, Fatimah Busu, Wahab Awangtih dan Zaharah J. Ariff mendapat $700 seorang.

Penerbitan DBP, mendapat penghargaan tertinggi setelah lima cerpen yang berjaya menjadi penerbitannya. Lainlain; Kumpulan Utusan Melayu (tiga), Berita Minggu (2), majallah-majallah Dian dan Penulis, satu.

Sebanyak 13 sajak terpilih dan hadiah $3,900 dibagi bersama oleh sembilan penyaer, termasuk penyaer-pelukis Latif Mohiddin, yang memenangi $900.

Di samping kejatuhan mutu 12 novel, sebuah drama karya Nordin Hassan dari 13 drama yang diadili, telah terpilih dan memenangi hadiah $1,500.

Antoloji cerpen Rejab F. I. "Keruntuhan" gagal setelah dipertimbangkan. Begitu juga dengan dua dari 21 antoloji sajak — "Terbit Matahari" dan "Hidup Tidak Selalunya Indah, Hati Tidak Selalunya Gelisah" — juga gagal.

Hadiah Sastra 1972 cuma mengeluarkan $14,400, dua kali lebih rendah dari nilai tahun sebelumnya.

Meskipun keputusan Hadiah Sastra 1972 meranjatkan ramai penulis, terutamanya novelis, mereka tidak putus asa dan terus menulis, dengan harapan akan mendapat bonos atas karya-karya gigih mereka.

Novelis Shahnon Ahmad yang belum pernah memenangi peraduan novel, terpilih sebagai penulis paling "kaya dengan bonos" setelah sebuah novel dan tiga cerpennya berjaya dalam Hadiah Sastra 1973.

Dia adalah penulis tanahair pertama berjaya merangkum lebih $5,000. Kerana kejayaannya itu Shahnon mendapat $5,250.

Tahun lalu, sejumlah $26,350 telah dikeluarkan sebagai hadiah untuk pemenang-pemenang sajak, novel, cerpen, antoloji sajak, skrip drama serta essei/kritik.

Seramai lapan penulis, termasuk Shahnon menerima lebih $1,000.

Novel "Srengenge" harus menjadi kebanggaan Shahnon kerana ia terselamat dari diketepikan. Enambelas novel 15 novelis gagal.

Latiff Mohiddin, pemenang kerap, sekali lagi memenangi dua buah sajak dan sebuah antoloji sajak "Sungai Mekong". Bonos baginya ialah $2,600. Juga yang paling banyak pernah diterimanya.

Nasib S. Othman Kelantan bertambah baik. Tiga buah cerpennya dipilih dan menambah $2,250 ke sakunya (hadiah sebuah cerpen yang berjaya ialah $750).

Lain-lain; Baha Zain (dua sajak dan satu essei/kritik), Fatimah Busu (dua cerpen), Manaf Abdullah (dua cerpen).

Muhammad Haji Salleh mendapat $2,000 kerana antoloji sajaknya berjaya, sementara Syed Alwi merangkul $3,000 setelah "Alang Rentak Seribu" terpilih sebagai skrip drama terbaik.

Lain-lain yang berjaya; Jaafa Hs, Zaihasra, Jihaty Abadi, Firdaus Abdullah (semua sajak), Noorjaya, Zaid Ahmad, Anwar Ridhwan, Norhisham Mustapha dan Azizi Haji Abdullah (semua cerpen).

Di samping Baha Zain, Hashim Awang juga memenangi hadiah kerana essei/kritiknya berjaya.

Keputusan Penal Hadiah Sastra 1974 paling memeranjatkan ramai penulis; tidak ada novel, antoloji cerpen, dan antoloji sajak yang dipilih.

Seramai 19 penulis — sepuiuh cerpenis, tujuh penyaer, seorang dramatis dan seorang kritikus — berkongsi untuk wang $15,000.

Tahun lalu, ramai penulis dapat menggunakan hadiah kemenangan untuk berbagai perkara, tapi kini, bonos seperti itu cuma cukup untuk membiayai keringat ketika menghasilkan karya.

Penulis skrip drama, Syed Alwi yang mendapat $3,000 tahun lalu dengan "Alang Rentak Seribu"nya, mengulangi kejayaannya menerusi drama "Tok Perak."

Sahnon Ahmad, novelis gigih yang banyak meluyuarakan protes sosial; baik dalam novel mahu pun dalam cerpen, hanya memenangi hadiah essei/kritik. Pemenang tunggal.

Fatimah Busu, Zurinah Hassan, Muhammad Haji Salleh dan Latiff Mohiddin saja berjaya menerima dua hadiah, sementara yang lain-lain cuma satu.

Di antara penulis-penulis yang berjaya kali ini, cuma penyaer A. Latiff Mohiddin, Azizi Haji Abdullah dan Shahnon Ahmad berjaya mempertahankan ketokohannya sebagai penulis yang sentiasa menang.

Azizi memulakan sejarah kejayaannya dengan memenangi hadiah novel tunggal Hadiah Sastra 1971 (tahun pertama) dan di tahun-tahun berikutnya, sebuah cerpen.

Sementara A. Latiff, pelukis-penyaer gigih, saban tahun memenangi hadiah kerana kejayaannya lebih dari satu hadiah setahun; sebuah antoloji sajak dan sembilan sajak dalammasa empat tahun.

Ilham

Novelis tanahair terulung, Shahnon yang banyak diilhamkan oleh peristiwa kampung halaman , dianggap tokoh di antara tokoh kerana dalammasa empat tahun hadiah diterimanya berjumlah hampir $9,000

Tun Razak tiba untuk menghadiri upacara penyampaian Hadiah Satra di Holiday Inn, Kuala Lumpur baru-baru ini.

BERITA HARIAN, SABTU, 9 OGOS, 1975

PTR. KA: 436 236/75

Perdana Menteri Sweden ucap tahniah kepada Tun

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Perdana Menteri Sweden, Encik Olof Palme, hari ini menghantar ucapan terimakasih dan tahniah kepada Tun Razak dan Kerajaan Malaysia kerana berjaya mengendalikan peristiwa Tentera Merah Jepun selama 79 jam di sini.

Dalam perutusannya, Encik Palme menyebut, beliau ingin menyampaikan terimakasih kepada Perdana Menteri, Tun Razak dan Kerajaan Malaysia atas kerjasama cemerlang mengatasi saat-saat genting itu.

Lima anggota Tentera Merah Jepun telah menguasai Bangunan AIA selama 48 jam sejak pagi Isnin lalu dan 31 jam di dalam DC-8 JAL di Lapanganterbang Antarabangsa di Subang.

Kekaguman

Dengan ketekunan dan kesungguhan pemimpin-pemimpin negara ini, anggota-anggota JRA meninggalkan lapanganterbang itu jam 5.45 petang semalam dengan membawa bersama dua rakyat Malaysia sebagai penjamin keselamatan mereka.

Encik Palme menambah: "Saya ingin menyatakan kekaguman saya terhadap cara Kerajaan tuan mengendalikan perkara sangat rumit ini.

"Khususnya saya suka sebutkan juga, usaha yang dimainkan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, dan Menteri Perhubungan, Tan Sri V. Manickavasagam.

Sementara itu, malam tadi, Tun Razak telah menghantar kawat terimakasih kepada Kerajaan-Kerajaan Libya dan Sri Lanka kerana sambutan segera dan positif pemimpin masing-masing membantu Malaysia mengatasi kebuntuan penyelesaian mengenai pendaratan DC-8 JAL itu.

Persetujuan

Ucapan terimakasih Tun Razak kepada Perdana Menteri Sri Lanka, Puan S. Bandaranaike dan Kerajaannya berbunyi: "Saya menghantar perutusan ini untuk mengucapkan terimakasih kerana sambutan segera dan positif pihak puan dalam memberi persetujuan mendarat dan mengisi minyak kapalterbang yang membawa sepuluh anggota JRA dan penjamin keselamatan mereka.

"Dalam keadaan-keadaan yang dihadapi sekarang, Kerajaan saya telah memberi setinggi-tinggi keutamaan terhadap keselamatan nyawa manusia.

"Kerajaan saya dan saya sendiri sangat terhutang budi atas sambutan segera terhadap rayuan

Malaysia hargai tindakan Libya

★ DARI MUKA 1

kami dan tindakan pihak puan itu jelas menunjukkan betapa rapatnya hubungan persahabatan, dan kerjasama yang sedia wujud."

Kepada pemimpin Libya, Kolonel Muammar Gaddafi dan Kerajaannya Tun Razak berkata: "Saya menghantar perutusan ini untuk menyatakan betapa saya dan Kerajaan Malaysia menghargai tindakan segera pihak tuan yang memberi persetujuan mendarat kapalterbang yang membawa anggota-anggota Tentera Merah Jepun dan orang-orang jaminan.

"Anggota-anggota JRA itu telah melakukan serangan mereka di Kuala Lumpur baru-baru ini.

"Ketika ini, Kerajaan saya telah memberi pertimbangan setinggi-tingginya terhadap keselamatan nyawa manusia.

"Tindakan pihak tuan pada ketika Malaysia sangat memerlukan bantuan, ini membuktikan satu ikatan persahabatan dan kerjasama lebih erat kedua-dua negara; dan akan dikukuhkan lagi di masa-masa akan datang."

PTR. KA: 437 237/75

SABTU, 9 OGOS, 1975 —

Peristiwa JRA: Tun ucap tahniah kepada rakyat

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Tun Abdul Razak malam ini menyatakan penghargaannya serta mengucapkan terimakasih kepada semua rakyat Malaysia — orang awam serta pasukan beruniform — kerana ketenangan, disiplin dan dedikasi dalam mengendalikan peristiwa keganasan Tentera Merah Jepun di sini.

Perdana Menteri berkata, mereka telah menunjukkan perasaan tanggungjawab dan membuktikan bahawa rakyat Malaysia mampu menghadapi sebarang kejadian atau cabaran tanpa kehilangan fikiran.

Kejadian itu telah menjadikan Malaysia dikenali di seluruh dunia, yang kalau menurut kebiasaannya akan menyebabkan negara ini terpaksa mengeluarkan wang yang banyak untuk mendapatnya.

Tambahnya lagi, kejadian itu sebaliknya juga telah menyebabkan setidak-tidaknya kepada setengah yang terlibat, bertambah kegembiraan rumahtangga mereka, kerana suami isteri bertambah kesayangan mereka.

Katanya, tahun 1975 nampaknya merupakan satu tahun yang penuh dengan peristiwa yang membawa kenangan. Beliau yakin rakyat Malaysia bersetuju dengannya bahawa peristiwa itu berlaku dengan tidak diduga.

Mula-mulanya, Kejohanan Hoki Sedunia berlangsung di negara ini, kemudian pertarungan tinju Ali-Bugner. Peristiwa-peristiwa tersebut telah menjadikan seluruh negara hampir dalam keadaan "hysteria".

Tun Razak telah berucap melancarkan amanah — Chase Merchanat Bank di sini. — Bernama.

SELASA, 19 OGOS, 1975

PTR. KD 238 438/75.

TUN DAN ISTERI DI MAJLIS KAWIN

Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dan isterinya, Toh Puan Rahah, turut mengarak dan menghadiri majlis perkahwinan Encik Azmir bin Dato Nasir dan Cik Noor binti Abu Bakar di Ulu Langat pada Ahad kelmarin.

Encik Azmir seorang ahli Exco Selangor dan pengantin perempuan anak saudara Perdana Menteri.

Juga hadir sama Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Hamzah Samah di belakang Tun Razak, dan isterinya, Toh Puan Zainon; Menteri Besar Selangor, Dato Haji Harun Idris dan isterinya. — Gambar Berita Harian.

RABU, 20 OGOS, 1975 —

PTR. ED: 439 139/78

TUN: ASKAR KIAN CEKAP

Segala alat moden dibeli

KUALA LUMPUR, Selasa. — Sejak empat tahun lalu, Malaysia sudahpun berdiri di atas kaki sendiri dalam soal pertahanan, demikian tegas Tun Abdul Razak, malam ini.

Perdana Menteri juga menegaskan sesuai dengan tanggungjawab ini, angkatan tentera telah banyak berusaha membeli segala kelengkapan moden dan juga meninggikan kebolehan dan kecekapan para perajurit.

Tun Razak yang juga menjadi Pengerusi Majlis Angkatan Tentera menyebut demikian dalam majlis makan malam bagi menyembahkan ucapan selamat jalan kepada Yang Dipertuan Agung, di Kementerian Pertahanan, di sini.

Turut hadir dalam majlis itu Raja Permaisuri Agung, Menteri Besar Selangor Dato' Harun Idris, Ketua Turus Angkatan Tentera Jen. Tan Sri Ibrahim bin Ismail, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Tan Sri Abu Bakar Samad dan pegawai-pegawai tinggi tentera.

Pertahanan

Yang Dipertuan Agung adalah Panglima Tertinggi Angkatan Tentera.

Tun Razak berkata, banyak perubahan berlaku sejak Seri Paduka mengambilalih sebagai Panglima Tertinggi Angkatan Tentera itu.

Pertama, Malaysia dan Britain menandatangani satu perjanjian pertahanan dalam tahun 1957.

Dalam tahun 1971 perjanjian pertahanan ini diubah dan digantikan dengan satu peraturan pertahanan baru dan longgar terdiri dari Australia, Britain, Malaysia, New Zealand dan Singapura.

"Dengan peraturan pertahanan baru ini bermaknalah kita adalah bertanggungjawab sendiri di atas pertahanan negara ini.

"Kerajaan-kerajaan sahabat hanyalah dapat membantu dan memberi kerjasama di mana-mana bahagian yang difikirkan perlu," kata beliau.

Oleh kerana itu, senjata-senjata baru serta latihan-latihan yang moden telah diberikan kapada para perajurit.

Kata Tun Razak lagi, tentera darat telah menunjukkan kebolehannya menggunakan senjata-senjata baru dan menyesuaikan diri dengan teknik-teknik latihan moden.

Tun Razak kemudian menyebut, tentera laut akan mendapat pangkalannya yang baru di Lumut, Perak, manakala tenaga tentera udara bertambah kukuh dengan pembelian jet pejuang F5E.

Berita Harian 20 Ogos 75.

PTR. U.D : 4410 440/78.

Melaka nampaknya tetap pilih Tun dan Datuk Hussein

Oleh: MAHADI ABDUL

EMPAT bahagian UMNO di negeri Melaka tetap mencalunkan Tun Razak dan Datuk Hussein Onn sebagai Presiden dan timbalan presiden dalam perhimpunan agung Jun ini.

Bahagian-bahagian itu ialah Melaka Tengah, Jasin, Alor Gajah dan Kota Melaka masing-masing akan mengadakan mesyuarat agung awal bulan depan.

Percaya

Keempat bahagian itu percaya, Tun Razak dan Datuk Hussein Onn tidak akan dapat tentangan mana-mana pemimpin dalam perhimpunan itu.

Ketua Menteri Melaka, Haji Abdul Ghana Ali akan menjadi calun utama bahagian-bahagian itu untuk jawatan ahli majlis kerja tertinggi.

Ketua UMNO Bahagian Melaka Tengah, Datuk Haji Ahmad Manaf yang juga speaker Dewan Undangan Negeri Melaka memberitahu saya bahagiannya akan mengadakan mesyuarat agung pada 19 April depan.

Sebanyak 64 buah cawangan dalam bahagian ini akan menghantar perwakilan masing-masing dan dijangka akan memilih pucuk pimpinan parti sebagaimana yang diramalkan itu.

Ketua UMNO Bahagian Jasin, Haji Ahmad Isnin memberitahu saya pula bahagiannya akan mengadakan mesyuarat agung pada 12 April di Bandar Jasin dan 42 cawangan akan menghantar perwakilan.

Amanat

Beliau yang juga anggota Parlimen kawasan Jasin percaya ahli perwakilan akan memilih pucuk pimpinan parti sebagaimana yang diramalkan.

UMNO Bahagian Alor Gajah akan mengadakan mesyuarat agung pada 6 April ini di Dewan Bandaran Alor Gajah.

Ketua Menteri Haji Abdul Ghanai Ali yang juga ketua bahagian itu dijangka akan menyampaikan amanat penting dalam mesyuarat tersebut.

Seorang pegawai kanan UMNO bahagian memberitahu saya bahawa pihaknya tetap akan mencalunkan Tun Razak dan Datuk Hussein untuk jawatan presiden dan timbalan presiden.

Jejak

Tetapi jawatan naib presiden perwakilan mungkin akan memilih Encik Ghafar Baba sebagai pilihan utama di samping Dr. Mahathir dan Tengku Tan Sri Razaleigh.

Sementara itu, UMNO Kota Melaka pula akan mengadakan mesyuarat jawatankuasa pada 9 Mac ini untuk menentukan tarikh mesyuarat agung bahagian tersebut yang diramalkan awal bulan ini.

Bagaimanapun saya difahamkan bahagian ini akan mengikut jejak bahagian-bahagian lain di Melaka dalam soal pencalunan pucuk pimpinan parti.

PTR - 44 : 241 241/78.

PERDANA Menteri Tun Abdul Razak diperkenalkan kepada Ketua Perwakilan Filipina ke Persidangan Parlimen ASEAN yang Kedua, Puan Nora Z. Petines, oleh Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Omar Yoke Lin Ong. — Gambar Berita Harian.

Kegiatan bukan kerajaan perlu digalakkan

DEKATKAN RAKYAT ASEAN: TUN

KUALA LUMPUR, Khamis

KEGIATAN - kegiatan Asean yang tidak melibatkan Kerajaan mestilah digalakkan selalu kerana inilah satu cara yang baik untuk mendekatkan rakyat negara-negara anggota, demikian kata Tun Abdul Razak.

Menurut Tun Razak, Malaysia sentiasa menyokong konsep ini kerana ia adalah cara yang baik bagi mewujudkan hubungan persahabatan dan perpaduan di kalangan rakyat kelima-lima negara, ahli persatuan negara-negara Asia Tenggara itu.

Sehingga ini, sudah ada Dewan Perniagaan dan Perusahaan Asean; Persekutuan Wartawan Asean; dan juga Persekutuan Majlis-Majlis Pekapalan Asean.

Penubuhan pertubuhan-pertubuhan serupa itu di bidang-bidang lain hendaklah digalakkan sebagai usaha memperluaskan semangat kekeluargaan Asean ini, kata Tun Razak.

Beliau menyebut hal ini ketika berucap di majlis pembukaan mesyuarat kedua Pertubuhan Antara Parlimen Asean di Bangunan Parlimen, di sini, hari ini.

Kata Tun Razak, Asean sekarang memasuki tahun kelapan, dan untuk masa-masa depan Asean mestilah terus melaksanakan hasrat rakyat negara-negara ahli.

"Asean perlulah menembusi cara penghidupan mereka supaya mereka sama-sama menyedari bahawa masadepan mereka adalah serupa sahaja iaitu sebagai penduduk wilayah ini," katanya lagi.

Kata Tun Razak, dalam menggalakkan penyertaan rakyat dalam kegiatan-kegiatan Asean, segala tindakan mestilah secara spontan, bukan dipaksa-paksa.

Beliau mengalu-alukan penubuhan Pertubuhan Antara Parlimen Asean itu kerana ini adalah satu lagi usaha menyedarkan rakyat masing-masing.

Katanya lagi, pertubuhan seperti ini akan menambahkan hubungan peribadi samada antara rakyat negara-negara ahli ataupun an-

PTR.KD: 442 942/78

AHAD, 24 OGOS, 1975 —

RAZAK SER WANITA BERJIMAT

Oleh ROHANI PA' WAN CHIK

KUALA LUMPUR, Sabtu. – Tun Abdul Razak hari ini menyeru kaum wanita supaya membantu Kerajaan melegakan kegentingan ekonomi yang menghimpit negara sekarang, dengan menguruskan perbelanjaan rumah lebih bijaksana.

Katanya lagi, setiap rakyat perlu menunjukkan taat-setia masing-masing terhadap negara dengan memberikan kerjasama terhadap usaha-usaha mengatasi masaalah ini.

Perdana Menteri berucap merasmikan Perhimpunan Agung Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Malaysia Barat (WI) di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, pagi ini.

Tun Razak menegaskan lagi, walaupun tekanan inflasi sudah reda, kemerosotan ekonomi masih dihadapi dengan hebatnya.

Beliau berharap semua rakyat faham keadaan ini. Kerajaan kesempitan wang dan tidak mampu menambah perbelanjaan khasnya perbelanjaan berulang (recurrent expenditure).

Satu dari langkah yang telah diambil oleh Kerajaan ialah membekukan semua jawatan kosong dan jawatan baru dalam Kerajaan kecuali dengan izin kabinet.

Satu lagi cara ialah berjimat dalam segala perbelanjaan.

Beliau berharap, rakyat akan turut berjimat dan mengurangkan perbelanjaan membazir dalam urusan rumahtangga bagi menolong diri mereka sendiri dan juga negara.

Tun Razak berpendapat, peranan pemimpin-pemimpin perkumpulan perempuan seharusnya menjadi tenaga penggerak membimbing ahli-ahlinya dan kaum wanita seluruhnya ke arah pemikiran progresif, sedia menghadapi cabaran dan masaalah.

Mereka haruslah dapat menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan keadaan yang berlaku terutama dalam zaman sains dan teknoloji supaya mereka tidak ketinggalan.

Bela hak

Beliau menyeru lebih ramai pemimpin wanita

● TUN Razak berkenal-kenalan dengan tokoh-tokoh wanita selepas beliau me[rasmikan] an agung Pertubuhan Perkumpulan Perempuan, S[emenanjung] Malaysia di Unive[rsiti Malaya] lam. — Gambar Berita Minggu.

PNR. UD: 243 443/78

Berita Minggu, Ahad, 24 Ogos, 1975

BERITA HARIAN, ISNIN, 25 OGOS, 1975

PNR. UD: 244 444/78.

Sekolah Jalan R. Muda: Jasabaik Tun diminta

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Tun Abdul Razak akan diminta campurtangan dalam hal cadangan Kementerian Pelajaran hendak mengambilalih Sekolah Kebangsaan Jalan Raja Muda dijadikan pusat sementara latihan guru, demikian putusan Persatuan Ibubapa-Guru sekolah itu, hari ini.

Mesyuarat tergempar persatuan tersebut memutuskan untuk menghantar rombongan ke Sri Taman serta menghantar taligrem kepada Tun Razak meminta jasabaik beliau dalam hal ini.

Taligrem itu akan meminta Tun Abdul Razak campurtangan supaya Kementerian Pelajaran membatalkan cadangannya itu.

Yang dipertua PIBG Sekolah Kebangsaan Jalan Raja Muda itu, Encik Bidin Subari berkata:

Dibantah

"Kami membantah rancangan Kementerian Pelajaran itu adalah semata-mata bagi kepentingan ibubapa di Kampung Baru.

"Rancangan Kementerian Pelajaran untuk menambahkan bilangan guru-guru terlatih tidak akan gagal jika tidak menjadikan sekolah itu sebagai Pusat Latihan Guru," katanya.

Beliau menerangkan masaalahnya sekarang, mengapa Kerajaan tidak membina pusat-pusat latihan guru yang besar.

"Perasaan murid-murid dan ibubapa sekolah itu sedih terutama sekali bila mereka dihantar ke sekolah-sekolah lain.

"Jasa baik Perdana Menteri, Tun Abdul Razak sangat-sangat diharapkan supaya rancangan itu ditarik balik."

Wakil Lembaga Pengurus SKJRM, Haji Radin Supathan menerangkan, semua pihak merasa sedih terhadap rancangan Kementerian Pelajaran.

Tun bersama isteri hadiri Malam Pahang

Sementara Perdana Menteri, Tun Abdul Razak menatap buku acara "Malam Pahang" di Hilton K.L. di sini malam kelmarin, Toh Puan Hajjah Rahah beramah-mesra dengan isteri Menteri Besar Pahang (Datuk Mohamad Jusoh), Datin Maimunah Datuk Hussein Onn.

Di sebelah kanan Tun Razak ialah Timbalan Menteri Pelajaran, Encik Chan Siang Sun dan isterinya.

Mereka adalah antara tetamu majlis tersebut anjuran Persatuan Kebajikan Anak-anak Pahang (PEKAP) di Ibukota. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie yang turut hadir bersama kira-kira 500 orang ahli PEKAP.

Acara menarik di majlis makan malam dan tari menari itu ialah — persembahan lagu-lagu merdu oleh kumpulan padusuara September Five (Juara Bintang RTM 1974) dan Fauziah Nawi serta Lelong Belanda dan Ratu Senyap Malam Pahang.

JUMAAT, 29 OGOS, 1975

PTR. KA ;445 445/78

TUN: BANTU RUMAH RAKYAT...



TUN RAZAK

'Usahakan tanah dan kemudahan asas'

KUALA LUMPUR, Khamis. – Perdana Menteri telah mengarahkan ajensi-ajensi Kerajaan dan Kerajaan-kerajaan Negeri menyediakan tanah serta serba kemudahan asas bagi membantu golongan berpendapatan rendah membina rumah sendiri.

Bagi mencapai matlamat itu beliau juga mengesyorkan mungkin pihak Kerajaan dapat membantu golongan tersebut dengan memberikan kayu dan papan sedia bina.

"Dengan cara ini belanja membina rumah-rumah murah itu dapat dikurangkan dan mampu dibeli oleh golongan berpendapatan rendah.

"Memang menjadi dasar Kerajaan menyediakan rumah dan tempat berteduh bagi setiap orang rakyat negara ini.

Mampu

"Dan saya rasa golongan yang kurang bernasib baik dalam masyarakat kita hendaklah mendapat perhatian yang wajar," kata Tun Razak.

Perdana Menteri me-

Tun setuju Ghazali letakkan jawatan

★ DARI MUKA 1

ngunan Negara dan Luar Bandar, Encik Ghafar Baba selama lima tahun beliau memegang jawatan Pengerusi majlis tersebut.

"Segala galakan dan perangsang yang Tun Razak dan Encik Ghafar berikan menjadikan saya sentiasa gembira melaksanakan tanggungjawab tersebut.

"Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih kepada semua anggota majlis pentadbir dan jawatankuasa kecil yang berkaitan, kerana membantu saya selama ini menjalankan tugas.

"Saya juga berterima kasih kepada bekas Pengarah ITM, Datuk Dr. Arshad Ayub dan pegawai-pegawai pentadbirnya serta setiap tenaga pengajar dan juga penuntut - penuntut ITM bahkan kepada setiap tenaga yang telah bersama-sama menegakkan ITM hingga menjadi seperti apa yang ada sekarang," jelasnya.

Tan Sri Ghazali, yang memegang jawatan itu sejak beliau menjadi Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, telah menghantar surat (secara minit) kepada Perdana Menteri pada 28 Julai lalu menyatakan hasratnya hendak meletakkan jawatan tersebut.

Tun Razak telah menjawab surat itu pada 4 Ogos lalu dengan menyatakan beliau bersetuju dengan permintaan Tan Sri Ghazali untuk meletakkan jawatan tersebut memandangkan sebab-sebab yang telah diberikan.

...ITA HARIAN, JUMAAT, 29 OGOS, 1975

PTR.KA: 446 496/75

PM lancar sistem Rukun Tetangga

KUALA LUMPUR, Khamis.

RUKUN Tetangga iaitu satu sistem yang menghendaki rakyat jelata bertanggungjawab atas keamanan dan keselamatan masyarakat sekeliling, akan dilancarkan oleh Tun Abdul Razak, esok.

Kira-kira 7,000 orang penduduk Kampung Kasipillai, Sentul di sini, telah bernasib baik kerana kawasan mereka dipilih sebagai tempat pertama untuk pelancaran sistem tersebut.

Menurut sistem masyarakat berdikari itu, rakyat sesebuah kawasan bukan sahaja boleh memainkan peranannya dalam usaha membasmi anasir - anasir jenayah dan anti-nasional, tetapi juga bertujuan menghidupkan semangat hidup berjiran tetangga.

Dengan adanya sistem, segala penyakit masyarakat ini akan terhapus kerana tiap penduduk sesuatu kawasan kenalah bertanggungjawab atas kesejahteraan kawasannya.

Sumber-sumber Kerajaan berkata, Kampung Kasipillai dipilih sebagai projek pertama kerana selama inipun kampung itu mempunyai rancangan seumpama itu yang berjalan sejak beberapa lama.

Kampung tersebut sudahpun ada Persatuan Penduduknya sendiri dan baru-baru ini ditubuhkan pula Jawatankuasa Perhubungan Kaum dibawah anjuran Lembaga Perpaduan Negara.

Menurut pengumuman-pengumuman yang dibuat oleh Tun Abdul Razak beberapa waktu dulu, sistem Rukun Tetangga ini menghendaki semua rakyat jelata antara umur 18 dan 55 tahun menyumbangkan tenaga masing-masing, secara berkawal tak kira miskin atau kaya.

Kecurian

Sumber - sumber itu menambah, sistem ini juga diharapkan akan menghapuskan sikap "awak punya fasal" yang terdapat dikalangan masyarakat sekarang ini.

Di masa ini terdapat kejadian-kejadian rumah dimasuki pencuri-pencuri di siang hari dan tidak siapa yang peduli.

Kerajaan akan memperhatikan kemajuan yang dicapai dalam projek pertama di Kampung Kasipillai ini dari semasa kesemasa.

Menurut sumber-sumber itu lagi, sistem ini juga akan membantu tugas-tugas polis lebih-lebih dalamasa kejadian jenayah yang bertambah-tambah sekarang.

Antara lain ialah di kawasan Cheras, Kampung Periuk dan Kampung Limau di Kampung Baru dan beberapa kawasan lagi.

Berita Minggu, Ahad, 31 Ogos, 1975 (

PTR KA: 447 447/78.

Syarat tuntut gaji: Tun

KUALA LUMPUR, Sabtu

TUN Abdul Razak dalam perutusan Hari Kebangsaan malam ini berkata, tuntutan naik gaji oleh kakitangan Kerajaan mestilah diseimbangkan dengan pertambahan dayapengeluaran atau prodaktiviti.

Kalau tidak, tentulah perkara ini tidak adil dan Kerajaan sukar hendak membiayai perbelanjaan yang kian bertambah itu, kata Tun Razak dalam perutusannya melalui Radio dan TV Malaysia.



TUN RAZAK

Perutusan Tun Razak itu dapat diikuti serentak di seluruh Malaysia berikutan dengan pelancaran siaran TV serentak dari Kuala Lumpur ke Sabah dan Sarawak.

Kata Tun Razak: "Kerajaan tidaklah risau dengan tujuan kenaikan gaji yang berpatutan oleh pegawai-pegawai Kerajaan terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah.

"Akan tetapi, tuntutan itu mestilah diseimbangkan dengan pertambahan dayapengeluaran."

Ketika menyebut hal kemerosotan hasil negara dari ekspot, Tun Razak berkata, ekspot barang-barang mentah tahun ini kurang 23 peratus berbanding dengan tahun lalu.

Ini bermakna hasil Kerajaan sangatlah merosot, katanya.

"Dengan sebab itu, saya telah memberi arahan kepada semua jabatan Kerajaan supaya berjimat dan tidak menambah lagi perbelanjaan.

"Malah seberapa boleh mereka diminta mengurangkan perbelanjaan tahunan dengan sebab kemerosotan ekonomi dan kekurangan hasil pendapatan Kerajaan tidak mampu hendak menambah perbelanjaan berulang tahun pada masa ini," kata Tun Razak.

"Oleh itu mustahaklah semua golongan rakyat khasnya pegawai-pegawai Kerajaan menunjukkan taatsetia dan memberi persefahaman dan kerjasama untuk mengatasi kegentingan ekonomi ini," tegas beliau lagi.

Kata Tun Razak, berbagai langkah yang dijalankan oleh Kerajaan, termasuk Gerakan Buku Hijau, telah dapat meredakan tekanan inflasi dan harga barang-barang sekarang telah mula turun.

Tetapi, keadaan ekonomi di dunia khasnya di negara-negara maju, masih merosot.

Bergantung

Sebab itulah Kerajaan telah memberi arahan kepada semua jabatan Kerajaan supaya berjimat-cermat dan tidak menambahkan lagi perbelanjaan.

Beliau mengingatkan bahawa kejayaan sesebuah negara bergantung kepada usaha setiap rakyat. Pengajaran yang didapati dari negara-negara maju menunjukkan bahawa kemakmuran rakyat bergerak serentak dengan dayapengeluaran.

"Oleh itu, dalam keadaan genting sekarang ini, perlulah kita memikirkan apakah sumbangan yang patut kita berikan kepada Negara.

"Janganlah kita semata-mata memikirkan apa faedah kita patut dapat dari Kerajaan dan Negara," katanya.

Di masa lalu, Kerajaan telah mencurahkan wang yang banyak untuk berbagai bantuan kepada rakyat.

Beliau berharap, bantuan itu yang bertujuan meninggikan taraf hidup mereka, janganlah dianggap sebagai "membawa nasi ke riba" dan "menanti hujan dari langit."

Kerajaan berharap bantuan dan kemudahan yang diberikan itu boleh mendorong rakyat berusaha sendiri dengan lebih giat meninggikan taraf hidup mereka, dan bukan sebaliknya.

■ MUKA 24 ruang 4

Tun: Kemudahan dorong rakyat usaha sendiri

★ DARI MUKA 1

"Kalau dianggap segala-galanya disediakan oleh Kerajaan, sikap ini akan menjadikan masyarakat kita lemah dan tidak terdaya dan akhirnya membawa kepada kehancuran rakyat dan Negara," kata Perdana Menteri.

Pemilihan thema "Masyarakat berdikari" bersempena perayaan tahun ini, adalah tepat sekali dengan harapan agar rakyat menguatkan lagi dayausaha dan semangat berdiri atas kaki sendiri untuk membaiki keadaan hidup mereka.

Mengenai keselamatan, Tun Razak berkata, musuh negara senantiasa menjalankan gerakan bukan saja menentang pasukan keselamatan, tetapi juga melakukan perbuatan khianat.

Beliau menyebut, perbuatan jahat mereka cuba memusnahkan Tugu Peringatan Negara baru-baru ini yang disifatkannya sebagai "lambang perpaduan rakyat, lambang bagi kita mengingati mereka yang telah terkorban untuk keselamatan dan mempertahankan Negara kita."

Perbuatan itu menunjukkan mereka tidak sedikit pun mempunyai perasaan kemanusiaan.

Beliau menyatakan bahawa negara dan rakyat terhutang budi kepada anggota-anggota pasukan keselamatan yang telah menunjukkan keberanian dan kesediaan mengorbankan tenaga dan jiwa mereka untuk kepentingan rakyat dan Negara.

Memandangkan pengorbanan yang besar itu, sampailah masanya bagi rakyat negara ini memberikan kerjasama dengan cara yang lebih positif kepada pasukan keselamatan dengan mengawal kawasan masing-masing dan menjaga harta-benda dan rumahtangga mereka.

Mengenai Rukun Tetangga, beliau berkata, undang-undang mengenainya berjalan kuatkuasa mulai hari ini dan berharap langkah-langkah diambil untuk menubuhkan pasukan Rukun Tetangga itu di seluruh negara.

Ini, kata Perdana Menteri, akan memberi peluang kepada rakyat memunjukan kesediaan mereka menjaga keselamatan kawasan masing-masing.

PR 40 : 448 448/78

PM: Perjuangan wanita perlu ada batasnya...

Tun Razak dan Toh Puan Rahah berkenalan dengan pemimpin-pemimpin NCWO sebelum mengambil tempat di pentas khas depan Bangunan Sultan Abdul Samad untuk menyaksikan perbarisan Kemaraan Wanita.

Dari kiri: Tan Sri Fatimah Hashim, Puan FR Bhupalan, Puan F.S. Chen, Dr. Fatimah Hamid-Don, Puan B.C. Shekar dan Puan Hendon Haji Din, Ketua Pesuruhjaya Pandu Putri Malaysia. Gambar Berita Minggu.

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Tun Abdul Razak hari ini mengingatkan kaum wanita, perjuangan mereka mendapatkan haksama atau apa yang dikatakan "womens' lib" itu, janganlah pula disifatkan satu perjuangan menuntut hak, taraf dan kebebasan yang tidak ada batasnya.

Kata Tun Razak kaum wanita dijadikan Tuhan dengan beberapa sifat yang tidak sama dengan kaum lelaki yang diakui oleh kaum wanita sendiri.

"Oleh itu saya berharap kebebasan yang diperjuangkan oleh kaum wanita itu tidaklah sampai menjejaskan tatasusila dan kesopanan dan juga sifat-sifat mereka sebagai suri rumahtangga," kata beliau.

Mengatur

Tun Razak menasihatkan demikian ketika berucap di perhimpunan Hari Wanita di Padang Klab Selangor, di sini, petang ini.

Tu[illegible] mewujudkan kesedaran kebangsaan di kalangan wanita tentang peranan dan tanggungjawab mereka terhadap pembangunan negara," kata Tun Razak.

Melalui majlis ini juga, Kerajaan berharap akan dapat mengadakan integrasi sepenuhnya segala gerakan wanita dalam rancangan menjalankan pembangunan dengan lebih berkesan di negeri ini, kata Tun Razak.

Menurut beliau, perjuangan mendapatkan haksama itu juga janganlah pula semata-mata berasaskan nilai-nilai yang terdapat dalam kehidupan negara-negara barat.

Kedudukan

"Kita tidak semestinya menurut nilai-nilai yang terdapat di luar negara kita dan sepatutnya kita mempertahankan sifat-sifat dan nilai-bilai ketimuran kita sendiri atau nilai-nilai yang sesuai dengan negara kita," katanya.

Kemajuan wanita sentiasa diberi perhatian: Tun

★ Dari Muka 1

pengorbanan dari kaum wanita juga diperlukan.

Kaum wanita, terutama suri rumahtangga, hendaklah berjimat cermat dan mengurangkan perbelanjaan dalam urusan rumahtangga.

Ini bukan saja menolong diri mereka sendiri, bahkan menolong Negara menghadapi keadaan kemerosotan ekonomi sekarang.

Beliau menambah, apa yang penting ialah seluruh rakyat hendaklah berdikari setiap masa mengamalkan semangat sesuai dengan thema perayaan Hari Kebangsaan tahun ini "Masyarakat berdikari."

Hanya dengan semangat sedemikian sajalah dapat ditegakkan sebuah masyarakat yang kuat dan maju.

Tun Razak gembira kerana kaum wanita di negara ini telah menyedari hal tersebut dan memberi kerjasama dan memainkan peranan aktif, dalam usaha-usaha kerajaan khasnya menjayakan rancangan Buku Hijau.

Tun Razak menegaskan lagi, Kerajaan sentiasa memberi perhatian berat terhadap kemajuan kaum wanita supaya mereka turut memainkan peranan sewajarnya dalam pembangunan Negara.

Dari segi menjaga hak dan kepentingan mereka, Kerajaan telah mengambil berbagai langkah seperti memberi gaji sama, kemudahan kebajikan yang lebih baik dan bagi mereka yang berumahtangga diadakan undang-undang keluarga yang lebih sempurna.



...lian seragam merah
...kumpulan suri rumah
...k-anak mereka
...pat tepukan
...ri para penonton.
...kumpulan pelajar-
...itut Teknologi

Berita Minggu, Ahad, 31 Ogos, 1975

PTR. KD: 449 449/78

ATAS: Perdana Menteri, Tun Razak, tersenyum riang setelah merasmikan pembukaan bangunan baru MTUC. Di kiri beliau ialah pegawai-pegawai MTUC — Encik Narayanan dan Encik Yeoh Teck Chye. Bawah: Tun Razak berucap merasmikan sidang perwakilan tahunan yang ke 21 Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia.

PERASMIAN BANGUNAN MTUC.

PTR. RD: 450 450/76.

● Tun Razak menaiki kapalayar "Putera Mangkasa" beratnya 64 tan yang dihadiahkan kepadanya oleh rakyat Sulawesi. Di belakangnya ialah Gabenor Sulawesi Selatan, Haji Achmad Lamo, yang menyerahkan kapal itu kepada Tun Razak di Pelabuhan Kelang semalam. — Gambar Berita Harian.

Tun terima 'Putera Mangkasa'

Oleh Rohani Pa' Wan Chik
Pelabuhan Kelang, Isnin

TUN Razak hari ini menerima hadiah istimewa dari rakyat Sulawesi sebuah kapalayar "Putera Mangkasa" dalam upacara sederhana penuh warna-warni di sini.

Penyerahan itu dibuat sendiri oleh Gabenor Sulawesi Selatan, Haji Achmad Lamo di atas kapal friget Tentera Laut Diraja Malaysia, K. D. Hang Tuah.

Acara penurunan tandatangan naskhah serah terima antara Tun Razak dan Haji Achmad Lamo dibuat depan 70 orang dif dan anakanakapal Putera Mangkasa.

Memakai

Dua puluh satu orang anakapal yang membawa Putera Mangkasa dari Makassar ke sini, dalam perjalanan selama 13 hari, memakai pakaian kebangsaan serba merah bersampingkan kain songket serta bertanjak.

Beberapa orang lagi berpakaian kebangsaan dari kain broked warna merah, biru dan hijau.

Acara menurunkan bendera kapal dan menaikkan bendera Malaysia atas Putera Mangkasa diiringi dengan tiupan seruling dan paluan gendang oleh tiga orang anakapal Sulawesi.

Pancaragam TLDM memainkan lagu Samudra Raya sebelum pembacaan doa selamat dan Tun Razak serta Toh Puan Rahah bersama dif-dif menaiki kapal itu diiringi oleh Haji Achmad Lamo dan isterinya.

Dalam ucapan terimakasihnya, Tun Razak berkata hadiah tersebut besar ertinya kepada beliau kerana nenek moyangnya meninggalkan Ujong Padang 250 tahun dahulu dengan kapal serupa ini ke Pekan untuk memulakan hidup baru di Pahang.

Menurutnya dari situlah keturunannya bermula dan kampung yang didiaminya hingga hari ini bernama Kampung Makassar.

Oleh itu, katanya, pemberian rakyat Sulawesi itu membaharui sejarah dan ikatan persaudaraannya dengan rakyat Ujong Padang dan Wilayah Sulawesi.

Secara berseloroh Tun Razak berkata, hadiah itu tidak bermakna rakyat Sulawesi mahu beliau dan keluarganya balik semula ke Sulawesi dengan kapal tersebut.

"Saya sendiri sudah berumur dan tidak dapat melayarkan kapal ini ke Sulawesi tetapi saya mempunyai lima anak le-

★ MUKA 12 ruang 6

SUMBANGAN PERINGATI HUBUNGAN

★ DARI MUKA 1

laki dan barangkali seorang dari mereka akan bersemangat adventure menggunakan kapal ini merayi sejarah dari Pekan ke Ujong Padang,' kata beliau.

Gabenor Achmad Lamo pula berkata sumbangan tersebut untuk memperingati hubungan kekeluargaan rakyat Sulawesi dan rakyat Malaysia yang wujud sejak berabad-abad lalu.

Turut hadir di upacara itu ialah Ketua Turus Tentera Laut, Laksamana Muda Datuk K. Thanabalasingam, Pengerusi Lembaga Pelabuhan Kelang, Raja Azman bin Kamaralzaman serta pembesar-pembesar lain.

BERITA HARIAN, ISNIN, 6 OKTOBER, 1975

PTR.KA: 451 45/78

Perlu ambil tindakan tegas

RANG BAHARU: JAMINAN TUN

TUN RAZAK

K. LUMPUR, Ahad

TUN Abdul Razak memberi jaminan Kerajaan akan menggunakan kuasa undang-undang keselamatan yang baru dengan cermat supaya hanya mereka yang benar-benar bersalah saja akan dikenakan hukuman yang sewajarnya.

Tegas beliau, undang-undang itu melibatkan kes-kes keselamatan sahaja dan mempunyai peruntukan jaminan yang secukupnya bagi menentukan mereka yang tidak bersalah tidak akan teraniaya.

Dalam perutusan Hariraya Puasa ke seluruh negara melalui Radio dan Talivisyen Malaysia malam ini, Perdana Menteri berkata.

Anasir-anasir komunis dan anti nasional ini sedang menjalankan gerakan kejam dan tidak sedikit pun menunjukkan perasaan perikemanusiaan.

"Oleh itu keadaan keselamatan negara adalah sirius dan kita perlu mengambil tindakan tegas, kalau tidak, harus keadaan akan bertambah buruk dan akan mengancam keutuhan negara.

"Kita mengamalkan demokrasi dan kedaulatan undang-undang tetapi mereka menggunakan kebebasan ini untuk hendak menghancurkan demokrasi dan cara hi-

★ Muka 12 ruang 3

Demokrasi wajib dipertahankan

★ DARI MUKA 1

dup yang kita sanjung tinggi.

"Oleh itu mustahak kita pertahankan demokrasi ini dengan apa cara yang difikirkan perlu," katanya.

"Dengan sebab itu, Kerajaan terpaksa mengadakan undang-undang keselamatan yang agak keras sedikit buat sementara waktu untuk menghapuskan anasir-anasir ini.

"Apabila keadaan telah pulih, undang-undang itu akan dimansuhkan dan kita akan balik semula kepada keadaan biasa seperti yang kita lakukan pada masa darurat akibat trajedi 13 Mei dulu.

"Kerajaan akan menggunakan kuasa ini dengan cermat supaya hanya mereka yang benar-benar bersalah sahaja akan dikenakan hukuman yang sewajarnya.

"Undang-undang ini adalah melibatkan keskes keselamatan sahaja dan mempunyai peruntukan jaminan (safeguard) yang secukupnya bagi menentukan mereka yang tidak bersalah tidak akan teraniaya."

Beliau menjelaskan undang-undang tersebut

dunia dan diakhirat.

"Saya suka juga mengucapkan terimakasih kepada semua saudara-saudara yang telah mengirim kad ucapan Selamat Hariraya kepada saya dan keluarga.

"Dalam sebulan yang lalu, kita umat Islam telah berjaya menjalankan hukum Allah iaitu berpuasa. Amalan ini adalah bertujuan menguatkan ketabahan hati dan semangat kita untuk menghadapi cabaran-cabaran hidup. Amalan ini juga diharap akan menguatkan semangat disiplin dan tanggungjawab kita sebagai umat Islam.

Kita hendaklah sentiasa insaf bahawa dalam kehidupan kita di dunia, kadang kala kita terpaksa menghadapi kesulitan-kesulitan yang berkehendakkan kita menunjukkan disiplin yang kuat serta pengorbanan sedikit sebanyak.

Semenjak dua tahun yang lalu, negara kita menghadapi bermacam-macam ancaman.

Pertama, kita dilanda oleh inflasi disebabkan oleh kenaikan harga barang-barang keluaran seluruh dunia. Dengan berkat Tuhan dan dengan kerjasama semua pihat dan dengan keazaman kita untuk berdiri atas kaki kita sendiri, kita telah berjaya mengatasi sebahagian besar ancaman inflasi ini.

Sekarang kita masih menghadapi masaalah kemerosotan ekonomi dan untuk mengatasi masaalah ini, Kerajaan telah menyeru rakyat sekelian supaya berjimat cermat dan mengurangkan perbelanjaan yang membazir ambil tindakan-tindakan tegas untuk mengurangkan perbelanjaan supaya kita dapat menjaminkan iaitu perbelanjaan tahunan kita tidak melebihi pendapatan kita yang merosot.

"Saya bangga bahawa seruan Kerajaan ini telah mendapat sambutan yang baik daripada pegawai-pegawai Kerajaan dan pihak-pihak berkenaan dan begitu jugalah pembesar-pembesar kita khasnya Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja telah berkenan menyumbangkan sebahagian daripada saraan Baginda dan bersama-sama berkorban dalam masa negara menghadapi ancaman ini.

"Saya berdoa ke hadzrat Tuhan mudah-mudahan pada tahun hadapan keadaan ekonomi dunia akan beransur pulih dan tekanan kemerostan ekonomi ini akan bertambah reda sedikit.

"Sambil kita menghadapi masaalah inflasi dan kemerosotan ekonomi ini, pihak musuh-musuh negara, pengganas-pengganas Komunis dan anasir-anasir anti-nasional, telah memperhebaitkan gerakan-gerakan mereka. Anasir-anasir ini bukan sahaja bertindak di hutan rimba bahkan baru-baru ini telah memulakan gerakan di Ibu Kota Kuala Lumpur ini.

'Saya dukacita iaitu sabahagian kecil daripada rakyat negara kita, baik yang tinggal di bandar-bandar mahupun di kampung-kampung, masih memberi pertolongan dan perlindungan kepada anasir-anasir anti-

PTR. KA: 453 453/75

BERITA HARIAN, RABU, 8 OKTOBER, 1975

ORANGBUTA DISEDEKAH

Tun Abdul Razak memberi sedekah hariraya kepada beberapa orang buta yang menemui beliau dalamasa Hari Terbuka oleh Menteri-Menteri Islam di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, pada hariraya pertama.

Tiap orang buta itu menerima sedekah $10 dari Tun Razak. Sambil itu Tun Razak juga bertanya khabar kepada mereka yang kurang bernasib baik itu.

Beribu-ribu orang telah datang ke Hari Terbuka itu untuk mengucapkan Selamat Hariraya kepada Tun Razak dan Toh Puan Hajjah Rahah, Datuk Hussein Onn dan Datin Suhaila, dan Menteri-Menteri Islam lain dan isteri mereka. — Gambar Berita Harian.

PTR. KA: 453 453/75

BERITA HARIAN, JUMAAT, 10 OKTOBER, 1975

TUN DAN ISTERI MENGUNJONGI SULTAN SELANGOR.

Tun Abdul Razak dan Toh Puan Hajjah Rahah mengunjongi Sultan dan Tengku Ampuan Selangor di Istana Alam Shah, Kelang, Rabu l alu, untuk mengucapkan Selamat Hariraya.

● Sultan dan Tengku Ampuan mengalu-ngalu k a n ketibaan Tun Razak dan Toh Puan Hajjah Rahah, — Gambar Beirta Harian.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 10 OKTOBER, 1975

PTR. 454 454/75.

KE NEW ZEALAND DAN AUSTRALIA

Lawatan Tun yg pertama sejak jadi PM

KUALA LUMPUR, Khamis.

LAWATAN Tun Abdul Razak ke New Zealand dan Australia mulai Sabtu ini dijangka dapat mengeratkan lagi hubungan dengan kedua-dua negara itu dan meningkatkan lagi persefahaman mengenai dasar-dasar serantau dan alirannya.

Pegawai-pegawai Malaysia, New Zealand dan Australia mensifatkan lawatan Tun Razak itu sebagai paling istimewa memandangkan inilah kali pertama beliau mengunjungi negara-negara itu sejak menjadi Perdana Menteri dalam tahun 1970.

Mereka merasakan bahawa lawatan itu akan memberi peluang kepada para pemimpin ketiga-tiga buah negara mengkaji semua espek kerjasama walaupun tidak ada masaalah yang timbul darinya.

Para pegawai itu juga bersetuju bahawa perkara utama perbincangan antara Tun Razak dengan para pemimpin kedua-dua negara itu nanti mengenai kesan dari tamatnya peperangan di Indochina ke atas Asia Tenggara dan aliran perkembangannya.

Difahamkan bahawa Australia dan New Zealand berminat mengetahui pendapat Tun Razak bagaimana perkembangan yang berlaku baru-baru ini menjejas sikap negara-negara di rantau dan Asean kerana Malaysia memainkan peranan penting di wilayah ini.

Pegawai-pegawai Suruhanjaya Tinggi Australia di sini berkata, kerajaan mereka ingin agar kerajaan-kerajaan baru yang muncul di Indochina tidak akan menimbulkan satu polarisasi baru antara blok Indochina dengan lain-lain negara di Asia Tenggara.

Hubungan

Rundingan - rundingan juga dijangka menyentuh soal sambutan dari kerajaan-kerajaan baru itu terhadap hasrat Malaysia, New Zealand dan Australia untuk bersahabat.

Tun mungkin timbulkan soal kerjasama ekonomi Asean

★ DARI MUKA 1

Ini juga soal-soal yang dijangka dibincangkan antara Tun Razak dengan Tuan Rowling, kata seorang jurucakap Suruhanjaya Tinggi New Zealand di sini.

Jurucakap itu berkata, New Zealand dan Malaysia mempunyai pandangan yang sama dalam soal-soal serantau tetapi kerajaannya ingin mengambil peluang bertukar-tukar pendapat dengan Malaysia.

Seorang jurucakap Suruhanjaya Tinggi Australia berkata, di samping membincangkan perkara-perkara kepentingan bersama para pemimpin Australia akan memberitahu Tun Razak sikap mereka terhadap soal Portugis Timor.

Perbincangan mungkin diadakan tentang cara Portugal mengendalikan soal itu, katanya.

Pegawai - pegawai berkata, soal pertahanan berkaitan dengan peraturan pertahanan lima negara mungkin ditimbulkan tetapi mereka tidak menduga sebarang masaalah besar akan timbul.

Dasar

Seorang pegawai Australia berkata, walaupun dasar pertahanan Australia telah bertukar tetapi tidak menjejas peraturan yang dibuat dengan Malaysia, Singapura, Britain dan New Zealand.

Tun Razak dijangka memberi taklimat tentang perkembangan terakhir Asean khasnya usaha mengadakan sidang kemuncak Asean dan dasar berkecuali.

Menurut jurucakap Wisma Putra, Tun Razak mungkin menimbulkan soal kerjasama ekonomi Asean dengan Australia dan New Zealand kerana kedua-dua negara itu ada memberi bantuan.

Hubungan dagangan antara Malaysia dengan kedua-dua negara itu telah dibincangkan sepenuhnya dalamasa lawatan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Hamzah Abu Samah bulan Februari lalu. Tetapi mereka menduga perkara tersebut akan ditimbulkan lagi dalam rundingan Tun Razak nanti.

Bagaimanapun pegawai-pegawai Australia berminat untuk mengetahui lebih lanjut rancangan Malaysia menstabilkan harga getah.

"Kami menyokong usaha Malaysia itu dan kami ingin tahu lebih lanjut," kata seorang pegawai Australia.

Tun Razak diiringi oleh Toh Puan Rahah, Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zaiton Ibrahim dan lain-lain pegawai, akan terbang ke New Zealand esok untuk berehat di Rotorua, sebuah tempat peranginan.

Berunding

Pada hari Isnin, rombongannya akan berlepas ke Wellington.

Tun Razak akan berunding dengan Perdana Menteri Rowling dan kabinetnya. Ini akan diikuti dengan majlis jamuan malam oleh Tuan Rowling.

Esoknya, Tun Razak akan menemui Ketua Pembangkang, Encik Robert Muldon, menemui para pelajar Malaysia dan berucap dalam satu majlis jamuan tengahari anjuran Institut Halehwal Antarabangsa New Zealand.

Petang itu, Tun Razak dan rombongannya akan berlepas ke Auckland di mana beliau akan menemui Encik Brian Faulkner, Menteri Buruh dan Perkhidmatan Negara.

Beliau akan terbang ke Sydney pada 15 Oktober untuk memulakan lawatan ke Australia.

Beliau akan berada di Canberra sehingga 17 Oktober sebelum ke Australia Selatan untuk lawatan atas undangan Perdana Menteri, Don Dunstan.

Tun Razak dan rombongannya akan pulang pada 22 Oktober. — Bernama.

SABTU, 11 OKTOBER, 1975

PTR. KA: 455 415/78-

Tun ke Australia dan NZ untuk eratkan hubungan

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Tun Abdul Razak berlepas malam ini untuk lawatan ke New Zealand dan Australia yang disifatkannya sebagai satu langkah mempereratkan lagi hubungan dengan negara-negara kawan lama itu.

Di sana nanti, Tun Razak akan membincangkan soal-soal ekonomi, politik, pertahanan dan keselamatan rantau ini dengan Perdana Menteri New Zealand Encik Wallace Rowling dan Perdana Menteri Australia Encik Gough Whitlam, serta pemimpin-pemimpin lain.

Di samping itu, perkembangan terbaru di Portugis-Timor dan samada perkembangan di Indochina akan menjejas sikap negara-negara di rantau ini dan Asean juga akan dibincangkan.

Perdana Menteri dalam rangka lawatannya juga akan menemui pelajar-pelajar Malaysia di New Zealand dan Australia untuk mendengar pendapat dan kesulitan mereka di samping menerangkan keadaan negara yang sebenar kepada mereka.

Tun Razak dan rombongannya akan berada di New Zealand selama lima hari mulai Isnin ini dan selama lapan hari di Australia mulai 15 Oktober.

Penting

Tun Razak memberitahu satu sidang akhbar di sini petang ini beliau menganggap lawatan ke kedua-dua negara itu amat penting, bukan saja untuk mengeratkan hubungan tetapi juga untuk bertukar fikiran mengenai keadaan politik di rantau ini.

Beliau menyebut Malaysia mempunyai hubungan yang amat erat dengan kedua-dua negara itu.

"Akhir-akhir ini, Australia dan New Zealand telah menunjukkan minatnya terhadap perkembangan politik di rantau ini kerana sebarang perkembangan bukan saja penting bagi Malaysia dan Asean, juga penting kepada mereka," kata Tun Razak.

Perdana Menteri berkata Australia dan New Zealand sebenarnya telahpun menyertai rancangan kerjasama teknik dengan Asean.

Beliau percaya projek-projek untuk bekerjasama pasti sudah disusun melalui mesyuarat – mesyuarat yang diadakan berasingan antara Asean dengan Australia dan New Zealand.

Tun Razak yakin faedah besar akan diperolehi melalui rundingan dan bertukar fikiran antara beliau dengan para pemimpin Kerajaan kedua negara.

Menyentuh masaalah pelajar Malaysia di sana, Tun Razak berkata beliau akan menjumpai mereka sekalipun ada laporan menyatakan mereka akan mengadakan demonstrasi semasa lawatannya.

"Saya tidak tahu sebab-sebab mereka hendak berdemonstrasi, tetapi terserahlah kepada mereka," katanya.

Gambaran

Tun Razak berkata para pelajar Malaysia itu sepatutnya menyambut baik lawatan beliau itu.

"Mereka sepatutnya berterimakasih kepada Kerajaan Malaysia dan kedua-dua negara itu kerana kemudahan-kemudahan yang disediakan bagi mereka belajar di sana," tambah beliau.

Pada masa ini terdapat 7,000 orang pelajar Malaysia di Australia dan 2,000 lagi menuntut di New Zealand.

Tun Razak menegaskan Kerajaan Malaysia akan memberi gambaran keadaan yang sebenar kepada pelajar-pelajar itu dan beliau akan berunding dengan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di sana mengenai perkara tersebut.

"Mereka boleh pulang ke tanahair untuk berpolitik jika benar-benar mahu berpolitik kerana kita negara demokrasi," tambah beliau lagi.

Tun Razak menegaskan adalah salah bagi pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut mengkritik negara sendiri.

Beliau menganggap sikap para pelajar itu satu soal penting dan

★ MUKA 12 ruang 7

Tun: Soal RAAF tak akan dirunding

★ Dari muka 1

beliau akan berunding dengan Pesuruhjaya Tinggi di sana untuk memperbaiki keadannya.

"Bagaimanapun, saya sendiri juga akan bertemu mereka untuk mengetahui kesulitan dan masaalah mereka katanya sambil ketawa.

Menyentuh soal tentera udara Australia di Malaysia, Tun Razak tidak sangka perkara itu akan dibangkitkan dalam rundingannya dengan pemimpin - pemimpin Australia kerana "kita telah setuju mereka boleh terus berada di sini selagi mereka mahu apalagi pengkalan itu memang memberi faedah kepada kedua negara."

Tun Razak diiringi oleh Toh Puan Hajjah Rahah, Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zaiton Ibrahim dan pegawai pegawai kanan Kerajaan.

Semasa di Australia, beliau akan mengadakan lawatan tidak rasmi ke Australia Selatan dan di sana, rombongan beliau akan disertai oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Lim Chong Eu. lalu.

Tun Razak seterusnya berkata lawatannya ke Australia dan New Zealand adalah berlainan daripada lawatannya ke Republik Rakyat China dan Negara-negara Arab beberapa masa lalu.

"Lawatan saya bukan untuk mengadakan sebarang perjanjian baru atau untuk sesuatu ikatan baru, tetapi untuk mempereratkan lagi hubungan antara satu sama lain.

"Kita percaya di samping mencari kawan-kawan baru, tidak harus juga kita lupa untuk mengeratkan hubungan dengan kawan-kawan lama," kata Tun Razak.

BERITA HARIAN, SELASA, 21 OKTOBER, 1975

PTR 65: 456 456/78.

Gambar2 Tun di Australia



PTR KA : 457 457/78

NEGARA MALAYSIA
DAFTAR
1037/78
vation Dan Reprography

BERITA HARIAN, RABU, 22 OKTOBER, 1975

PELAJAR YANG DEMO: AMARAN RAZAK

SYDNEY, Selasa. — Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak berkata hari ini bahawa pelajar-pelajar Malaysia yang menunjukperasaan harus pulang ke tanahair, sekiranya mereka hanya hendak membuat kacau di sini.

Tun Razak berkata demikian dalam satu sidang akhbar di Adelaide sebelum tiba di sini di akhir lawatannya ke Australia dan New Zealand.

Apabila ditanya adakah pelajar-pelajar yang melakukan demo akan dihantar pulang ke Malaysia, Tun Razak berkata: "Saya tidak tahu. Saya tidak dapat berkata apa-apa.

"Ini ialah satu soal keselamatan. Kami akan mempastikan adakah mereka merambu dari Canberra, Melbourne, Sydney dan Adelaide membuat kacau menunjukperasaan.

"Sudah jelas mereka tinggal di sini bukan hendak belajar. Jika mereka hendak melakukan kekacauan, mereka harus pulang."

Perdana Menteri berkata kecuali tunjukperasaan, lawatannya selama lima hari ke Australia Selatan sangat menggembirakan dan berfaedah.

Terlalu sedikit

Tun Razak menambah: "Dalam setiap masyarakat tentu ada segelintir manusia yang sengaja membuat kacau."

Apabila ditanya adakah ia akan memberi jaminan bahawa pelajar Malaysia yang melakukan demo tidak akan menghadapi tindakan, Tun Razak menerangkan: "Saya tidak tahu. Bilangan mereka terlalu sedikit — hanya seorang atau dua orang saja.

"Di bawah undang-undang kami, sesiapa yang menjalankan kegiatan membantu penganas komunis akan menghadapi tindakan undang-undang.

"Sekiranya mereka menjalankan kegiatan menghasut, mereka juga akan diminta memberi penjelasan apabila mereka pulang nanti.

"Tetapi sekiranya mereka menjalankan kegiatan biasa pelajar, mereka tidak perlu bimbang.

"Saya tidak nampak mengapa orang-orang seperti itu membuat kacau di luar tanahair mereka. Mereka datang ke sini untuk belajar.

"Mereka menyapu arang ke muka kita dan menjatuhkan

★ MUKA 12 ruang 7

TUN RAZAK

Tun tidak bimbang

★ DARI MUKA 1

maruah rakyat Malaysia," katanya lagi.

Ditanya adakah kegiatan demo itu membimbangkannya, Tun Razak berkata: "Mereka tidak membimbangkan saya. Mereka maki saya dengan bermacam-macam perkataan yang biadap.

"Saya pemimpin sebuah kerajaan yang tahun lalu dipilih oleh 80 peratus rakyat Malaysia.

"Saya mendapat mandat yang kuat dan kukuh dari rakyat Malaysia untuk memegang teraju pemerintahan.

"Dengan membuat makian biadap itu terhadap saya, mereka sebenarnya menjatuhkan maruah rakyat Malaysia.

"Mereka terdiri dari segelintir manusia. Mereka tidak mewakili sebahagian besar rakyat Australia Selatan.

"Rakyat Australia Selatan bersahabat baik dengan Malaysia," katanya lagi.

Tun Razak tiba di Sdyney tanpa gangguan. Polis berkawal rapi tetapi tidak sesiapa yang menunjukperasaan.

Sebelum bertolak ke hotelnya, Azuraine Yusof menyampaikan sekalungan bunga kepada Toh Puan Rahah bagi pihak masyarakat Malaysia di Sydney.

Tun Razak meninggalkan Adelaide juga tanpa gangguan. Padangterbang dikawal rapi oleh kira-kira 100 orang matagelap dan polis.

Semasa di Adelaide, Tun Razak berunding dengan Perdana Menteri Australia Selatan, Don Dustan dan melawat Lembah Barossa, kawasan anggur di Australia. — Reuter, UPI.

BERITA HARIAN, SABTU, 1 NOVEMBER, 1975

PTR·KD : 458 458/75

Tun membuka masjid baru di Pasir Mas

● Tun Abdul Razak tiba untuk merasmikan masjid baru di Kampung Teliar dekat Pasir Mas, Kelantan, kelmarin.

Di kiri ialah Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Mohamed bin Nasir sementara di kanan ialah pengerusi jawatankuasa masjid itu, Haji Mohamed Nor bin Abdullah. — Gambar Berita Harian.

BERITA HARIAN, SELASA, 4 NOVEMBER, 1975

PTR·KD : 459 459/75

Suharto undang Tun Razak

KUALA LUMPUR, Isnin — Tun Abdul Razak akan melawat Medan, Indonesia selama tiga hari mulai 15 November ini.

Satu kenyataan dari Kementerian Luar Negeri petang ini berkata, lawatan tidak rasmi Perdana Menteri itu atas undangan Presiden Suharto.

Dalam masa lawatan itu, Tun Razak akan bertukar-tukar pendapat secara tidak rasmi mengenai perkara-perkara kepentingan bersama dengan Presiden Suharto.

BERITA HARIAN, SABTU, 8 NOVEMBER, 1975

PTR/HS: Y60 460/78

PERUTUSAN

Saya ucapkan tahniah kepada sekelian pegawai-pegawai serta anggota-anggota Lembaga Urusan dan Tabung Haji atas kejayaan yang dicapai dalam menghasilkan projek ladang kelapa sawit dan kilang ini.

Saya difahamkan bahawa ladang yang seluas 10,000 ekar ini adalah ladang yang pertama diusahakan oleh Perbadanan ini dan telah menelan belanja lebihkurang $8½ juta, serta pula dengan kilangnya sendiri yang berharga $4½ juta. Sudah sewajarnyalah semua ahli-ahli serta pegawai-pegawai Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan berasa lebih megah dan bangga dengan terhasilnya projek ini. Usaha yang sedemikian ini membuktikan bahawa umat Islam di negara ini mempunyai keupayaan untuk sama-sama mengambil bahagian dalam kehidupan ekonomi di negara ini. Saya harap akan lebih banyak lagi kegiatan-kegiatan yang seumpama ini ditaja bagi menampung kehendak dan matlamat kita untuk mencapai keadaan hidup yang lebih sempurna lagi, dengan menjalinkan satu masyarakat yang adil, makmur dan prograsif.

Sebagai kata akhir, suka saya sekali lagi mengucapkan setinggi tahniah kepada semua ahli-ahli, pegawai-pegawai serta anggota Lembaga Urusan dan Tabung Haji atas usaha yang cemerlang ini. Disini saya suka menyeru agar mereka yang belum lagi menjadi ahli Lembaga ini, mendaftarkan diri dengan segera agar dapatlah Lembaga Urusan dan Tabung Haji menjalankan usahanya dengan lebih giat lagi pada masa hadapan.

(TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN)

Kuala Lumpur.
27hb Oktober, 1975.

FTR KA 461 461/78.

SABTU, 15 NOVEMBER, 1975

Tun akan jelaskan pendirian Malaysia atas Portugis Timor

TUN RAZAK

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Tun Abdul Razak akan menjelaskan pendirian Malaysia mengenai soal Portugis Timor bila beliau menemui Presiden Suharto untuk rundingan tidak rasmi di Prapat dekat Danau Toba, Sumatra hujung minggu ini.

Perdana Menteri yang akan berlepas pagi esok untuk memulakan lawatan ke Indonesia juga akan memberi taklimat kepada pemimpin Indonesia itu mengenai lawatannya ke New Zealand dan Australia baru-baru ini.

Pegawai Wisma Putra berkata hari ini, Tun Razak akan memberitahu Presiden Suharto mengenai pendapat kerajaan Australia berhubung dengan soal Portugis Timor.

Malaysia, kata pegawai itu, memandang berat krisis itu oleh kerana ia melibatkan keamanan di Indochina dan kestabilan di rantau ini.

Kedua pemimpin itu juga akan bertukar-tukar pendapat mengenai sidang puncak Asean akan datang dan membincangkan perkembangan di Indochina dan hubungannya dengan lain-lain negara di rantau ini.

Tun Razak juga dijangka akan membincangkan kemungkinan meluaskan lagi kerjasama pertahanan Malaysia/Indonesia bagi menghadapi ancaman komunis yang semakin hebat dalam negeri.

Tun Razak akan diiringi oleh Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen di mesyuarat dua hari itu.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zaiton Ibrahim Ahmad dan Dutabesar Malaysia ke Indonesia, Dato' Zainal Abidin Sulong akan turut hadir.

Rundingan itu merupakan sebahagian dari mesuarat secara tidak rasmi antara para pemimpin Asean itu bagi membincangkan perkara kepentingan bersama.

Tun Razak akan juga melawat kawasan penghijauan dekat Prapat dan juga bermain golf dengan Presiden Suharto. — **BERNAMA.**

'HAPUSKAN ANCAMAN'

62 jawatan pegawai setuju diadakan

★ DARI MUKA 1

Perdana Menteri lalu mengarahkan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya mengambil tindakan segera bagi mencegah ancaman keselamatan itu.

Tun Razak juga mengarahkan Kerajaan-kerajaan Negeri mengadakan rancangan-rancangan bagi memperbaiki lagi keadaan kebersihan kampung-kampung baru.

"Semua rancangan pembangunan yang ada hubungan dengan tindakan keselamatan akan diberikan peruntukan untuk dilaksanakan dengan segera.

"Kerajaan telahpun bersetuju mewujudkan 62 jawatan pegawai pembangunan kampung untuk menyelaraskan kerja-kerja kebajikan dan kesihatan serta mengatasi masaalah-masaalah kemasyarakatan yang terdapat dalam sesuatu kampung baru itu," tegasnya.

Perdana Menteri menjelaskan, menurut kajian yang telah dijalankan 17 orang pegawai pembangunan kampung akan ditempatkan di Perak dan lapan orang di Pahang.

Pegawai-pegawai itu akan mengawasi keadaan keselamatan yang terdapat dalam sesuatu kawasan itu.

Tun arah DO utamakan keselamatan

KUALA LUMPUR, Jumaat.

TUN RAZAK mengarahkan semua pegawai daerah di Perak dan Pahang supaya memberikan keutamaan kepada kerja-kerja keselamatan bagi menentukan sekatan yang lebih berkesan mencegah bekalan barang-barang makanan dan bantuan lain daripada sampai ke tangan pengganas komunis.

"Keadaan di kedua-dua negeri itu tidak boleh dipandang ringan.

"Tindakan tegas hendaklah diambil segera bagi memperketatkan langkah-langkah keselamatan untuk membantu gerakan Pasukan Keselamatan yang dijalankan.

"Selagi ada orang-orang yang mahu berkerjasama dan sanggup memberi bantuan kepada pengganas-pengganas, musuh-musuh negara akan berani masuk balik ke kawasan yang didudukinya dulu," kata beliau.

Perdana Menteri menyatakan demikian dalam mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri Perak dan Pahang dengan ahli-ahli Majlis Keselamatan Negara di Bilik Gerakan Majlis Keselamatan Negara di sini pagi ini.

Tun Razak juga mengulangi amarannya kepada penduduk-penduduk kampung baru bahawa Kerajaan akan menarik balik hakmilik tanah yang telah diberi

ARIAN, SABTU, 13 DISEMBER, 1975

PTR.44: 462 462/78.

Tun antara di tayangan perdana Seniman Silam

PERDANA Menteri, Tun Abdul Razak dan Toh Puan Rahah telah mengetuai menteri kabinet dan isteri masing-masing menghadiri pertunjukan pentas dan tayangan perdana Seniman Silam di Panggung Federal di sini malam kelmarin.

Pertunjukan yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Penerangan itu bertujuan mengutip derma untuk Tabung Pemulihan Tugu Peringatan Negara.

Seramai 28 orang artis telah mengambil bahagian dalam filem Seniman Silam. Mereka menayangkan beberapa buah filem ciptaan dan lakonan Allahyarham P. Ramlee dan Normadiah Ahmad.

Beberapa orang pelawak tempatan juga turut mengambil bahagian untuk mengenang kembali pelawak - pelawak terkenal yang telah meninggal. Antaranya Aman Belon, A. R. Tompel, Alias Congo, M. Zain dan ramai lagi yang hanya tinggal kenangan sahaja.

Para penyanyi tempatan telah menyanyikan beberapa buah lagu ciptaan pencipta-pencipta lagu terkenal seperti mendiang Jimmy Boyle, P. Ramlee, Ali Othman, Yusof B., R. Azmi, Tony Fonseka dan Osman Ahmad.

★ ★

Turut menyerikan majlis tersebut ialah Pancaragam Tentera Udara Diraja Malaysia di bawah pimpinan Kapten Udara Abu Bakar bin Don dan Crkes Konsert Radio dan Talivisyen Malaysia di bawah pimpinan Encik Johari Salleh.

ARKIB NEGARA MALAYSIA
DAFTAR
Bil. 1037/78
Conservation Dan Reprography